USTAZ
ASHAARI MUHAMMAD

كناڤ سالهكن

KENAPA SALAHKAN MUSUH?

DISUSUN OLEH: USTAZAH KHADIJAH AAM

صوت الأرقم
SHOUTUL ARQAM

KU UNTUKKAN BUKU INI KEPADA;

Pejuang-pejuang *Islam khususnya* anggota jemaah Aurad *Muhammadiah yang sering rindu untuknelihat* ***negara ini*** *dan dunia ini indah dihiasi dengan kalimah-kalimah Allah.*

Zngatlah! Pesanan dari Sayidina Omar ***Al Khattab r.a.***

'Aku lebih takut pada dosa-dosa kamu daripada musuh-musuhmu, kerana bila kamu berdosa, Allah tidak akan menolong kamu lagi! maka terbiarlah kamu pada musuh-musuhmu."


Ketahuilah, kamu tidakakan dapat melepaskan diri dari musuh hanya dengan cara menyalah-nyalahkannya. Bangunlah dengan jiwa taqwa, hiaskan dirimu dengan sinar wahyu dan ingatan-ingatan dari Nabi, lalu kau laksanakanlah Zslam yang kau ingin itu tanpa tunggu-tunggu lagi Kau juallah seluruh duniamu untuk menjayakan projekitu agar kalau kau matiesok, maka matimu itu adalah dalam (menjalankan) Islam atau berjuangkearahitu. Yakni mati dalam jihad fisabilillah mati syahid.

Salafus Soleh Umat Contoh

Kawan! Jangan tercari-cari identiti
atau buat identiti sendiri
tanpa melihat sejarah yang lalu
salafus soleh umat contoh
buat siapa saja yang ada cita-cita
apakah sejarah hidup mereka?
solat dan zikir adalah hiburan mereka
bertolong bantu tradisi masyarakat
ukhwah terjalin bagai batu bata
tersusun rapi dengan kebalnya
yang kaya bank masyarakat
para pemerintah payung umatnya
para uxznita malunya ketara.
rumah tempat hiburan
bagai panggung unayang di zaman durjana
jihad amalan biasa mereka
mati syahid menjadi cita-cita *mereka*
berpindah randah mengembangkan Islam hobi mereka
mengenang dosa jiwa menderita
bercucuran air dari mata
di malam hari menjadi ruhban
di siang hari menjadi singa
nikmat yang datang takut menerima
bimbang kalau disalah guna
di samping tersembam muka sujud syukur
kerana malu dengan Tuhannya
pen orbanan mereka bagai air mengalir
tidak putus-putusnya
dunia jadi tunggangan mereka
mereka pacu menuju matlamat
iaitu *saudara, identiti* kita
tak usah cari mana-mana
atau kita reka dengan otak kita
sikap salafus *soleh* contoh *kita setiap masa,*

Ashaari Muhammad
Menjelang 1 hb. Muharam 1409

KANDUNGAN



Sudah sampai masanya Syeikhul Arqam Ustaz Haji Ashaari Muhammad menyampaikan seruan dan nasihat terbukanya kepada para pemimpin, ulama, pejuang Islam dan seluruh anggota masyarakat.

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم
ألحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Puji dan syukur pada Allah SWT, rahmat dan Keredhaan Allah pada Rasul-Nya Muhammad SAW, semoga selamatlah kita semuanya beserta hamba-hamba-Nya yang baik,

Aku datang lagi (dengan buku ini) menemui anda. Janganlah saudara terperanjat dan jemu dengan bukuku. Memang tabiatku mengulangi ziarah kepada orang-orang yang suka padaku atau pada yang simpati denganku atau paling tidak, yang sudi senyum padaku sekalipun senyum-senyum kambing.

Bukuku kali ini khusus untuk membawa para pejuang Islam, atau jemaah Islam terutama jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah berhadapan dengan musuh-musuh Islam, musuh-musuh Allah dan Rasul. Aku mahu para pecinta Islam semuanya supaya awas! Waspada! Dan berhati-hati terhadap musuh. Sebab licinnya musuh bagaikan belut, garangnya bagaikansinga, bijaknyabagai kancil, hati-

hatinya seperti harimau mengendap dan sensitifnya umpama lintah dan pacat.

Kalau pejuang Islam tidak boleh jadi umpama raja belut atau bapak singa atau ketua sang kancil atau Perdana Menteri harimau dan ibu lintah atau ibu pacat, bagaimana boleh kita menang terhadap musuh-musuh kita itu?

Ilmu tentang musuh, pendekatan awal terhadap cara mengesan tipu dayanya, makamya, taktiknya serta teknik menghadapinya, adalah alat penting dalam perjuangan ini. Dan sepertimana kita telah 'study' atau mengkaji ilmu lain maka begitulah sepatutnya kita kaji ilmu ini. Jika tidak, nasibkita akan jadi seperti nasib orang yang tidakmemagarl tanamannya dengan pagar-pagar kawalan. Tanaman yang tumbuh suburitu akan diserang babi, siput babi, ulat, ketam, burung, tikus dan lain-lain. Maka putih matalah kita kerana perjuangan mati di tengah jalan, hanyutlah kita tanpa tujuan.

Nampaknya pejuang Islam hari ini tidak ada strateji dan politik (siasah) perjuangan yang tepat. Mereka seakan-akan tidak ada panduan, lalu mencuba-cuba sesuatu teori dan akan menukar kepada teori lain kalau cubaanitu menunjukkan hasil yang negatif. Sudahlah begitu mereka pula seperti tidak sedar yang mereka punya musuh yang banyak dan macam-macam jenis. Jadi bila rancangan mereka digagalkan, maka riuhrendahlah mereka mengatakan kesal terhadap musuh. Seolah-olah mereka berkata:

"Tak patut musuh buat begini."

Kemudian bila musuh tipu mereka, riuh pula mereka menyahut-nyahut dengan seolah-olah berkata begini:

"Tak patut musuh tipu kita."

Dan bila semua rancangan perjuangan dipulaukan oleh musuhmaka bising pulalah pejuang-pejuang Islam bersuara tidak puas hati, dengan maksud seakan-akan begini:

"Sampai hati musuh tak bantu kita."

Kemudian bila musuh tipu mereka, riuh pula mereka menyahut-nyahut dengan seolah-olah berkata begini:

"Tak patut musuh tipu kita."

Akhimya bila segala-galanya gagal, berkatalah mereka beramai-ramai:

"Ini musuhlah punya pasal." Ini realiti saudara! Bacalah laporan-laporan tentang ini yang dilahirkan sendiri oleh pejuang-pejuang Islam dalam akhbar-akhbar mereka atau dalam pidato-pidato mereka, dalam muktamar, seminar, mesyuarat agung dan persidangan antarabangsa mereka.

Apa adadi sebalik sikapbegitu sebenamya? Bukankahitu bererti pejuang-pejuang Islam tidak tahu tentang musuh. Kalau tahu, kenapa minta musuh berhenti dari menghalang kita atau minta jangan tipu kita dan lebih-lebih lagi mana boleh minta musuh bantu kita Bukankah setiap yang berm usul itu ingin saling jatuh menjatuhkan? Memang kerja musuh menjatuhkan lawannya sejatuh-jatuhnya. Di atas kejatuhan itu mereka dapat bertakhta dengan gagahnya. Lihat kembali ucapan padri Kristian ketika mendengar khabar kekalahan Islam di tangan Monggol di Baghdad:

"Biarkan anjing-anjing itu dipijak, dikoyak-koyak dan dipotong-potong oleh musuh-musuhnya. Nanti di atas keruntuhan itu kita bangunkan tamadun kita."

Begitulah sikap musuh. Jangan kata, "Tak patut cakap macamtu." Sebabitulahkata-kata yangpatutuntukseorang' yang sangat dimusuhi. Kalau tidak begitu tidak bermusuhlah namanya. Tapi pejuang Islam hari ini kelihatan seolah-olah tidak bermusuh denganmusuh ketat Islam, sebabitu mereka tidak fikir apa taktik untuk hadapi musuh. Yang mereka buat ialah marah pada musuh sebab menggagal, menyekat dan mengugut dengan memulaukan rancangan mereka. Mereka harap dengan marah-marah begitu musuh akan kesihan dan berpihak pada mereka Barulah musuh hendak bantu dan tidak lagi menghalang perjuangan mereka!

Kasihan'pejuang Islam! Bagaimana boleh terkeliru begitu sekali. Bukankah Allah dan Rasul-Nya sudah menceritakan bahawa Yahudi dan Nasrani itu tidak akan biarkan umat

Islam, melainkan akan diusahakan agar kesemua umat ini ikut mereka sekalipun ke dalam lubang biawak.

Kita maki hamunlah dan berdemonstrasilah bagaimana dahsyat sekalipun, musuh tidak akan menyokong, membantu atau berjuang macam kita. Bahkan ia tambah gembira sebab perbuatannya sudah berhasil menakutkan kita dan menggagalkan rancangan kita. Dan lepas itu dia akan aturkan rancangan dan strateji yang lebih besar dan lengkap lagi, supaya matilah perjuangan Islam, terkunci mulut pejuangnya dan terhentilah segala aktiviti perjuangan Islam.

Menyedari hakilcat inilah maka saya mahu mengajak seluruh pejuang Islam, khususnya anggota-anggota Darul Arqam yang mengamal Aurad Muhammadiah (jemaah Aurad Muhammadiab) supaya waspada sungguh-sungguh terhadap musuh. Caranya, bukan dengan menyalahkan mereka. Orang yang menyalahkan musuhnya macamlah orang yang menyalahkan nyamuk kerana menggigitnya. Makilah nyamuk sebanyak manapun namun tetaplah digigimya juga. Sebab itu sudah kerja dia. Kalau kita tidak dapat buat apa-apa padanya, cuma setakat menyalahkan dia saja maka sukalah dia. Bolehlah nyamuk meneruskan usahanya menghisap darah manusia itu tanpa halangan apa-apa.

Sepatumya kita lawan nyamuk. Atau katakan padanya, ‘Wahai nyamuk, engkau jangan gigit aku. Sebab engkau hanya boleh ambil sedikit darahku tapi aku boleh ambil nyawamu.”

Maka kalau nyamuk gigit juga kerana nyamuk itu nampaknya tidak sedar diri, tunggu apa lagi? Bunuh saja! Supaya jadi perhatian pada nyamuk-nyamuk yang lain. Kalau gigit, matilah hukumannya. Tapi tidakkan nyamuk lain mahu mengalah atau kecewa. Dia mesti bela kawannya. Maka kita pun begitulah sepatumya. Jangan mengalah dan kasihan pada nyamuk. Jalankan tugas kita! Kalau pun tidak sampai hati hendak bunuh pasanglah kelambu atau ubat nyamuk. Barulah nyamuk tidak boleh gigit kita.

Demikianlah sepatutnya dengan musuh. Dia tipu kita, kita tipu dia. Dia atur strateji, kita atur strateji kita. Dia halang perjuangan kita, kita halang perjuangannya. Dia membangun kita ptm membangun juga. Kalau begitu barulah berjuang namanya. Tapi kalau kita tidak merancang langsung, untuk menewaskan musuh sekurang-kurangnya di waktu musuh menewaskan kita, apalah ertinya lagi perjuangan kita?

Kalau setakat menyalahkan musuh dan harap musuh jangan tewaskan kita, itu tidak menjejaskan apa-apa program musuh, bahkan mungkin menguntungkan mereka.

Sebab itu saya usahakan penerbitan buku ini, dengan izin Allah. Moga-moga jadilah ya Allah, buku ini panduanuntuk pembela-pembela agama-Mu, agar selamatlah perjuangan ini dari kejahatan musuh-musuhnya. Kiranya adalah pahala dari usahaku ini ya Allah, maka kesemuaya kuhadiahkan kembali untuk kedua-dua Allahyarham ibu bapaku, guru-guruku dan semua yang berjasa padaku. Dan dari itu moga-moga jadilah aku dan saudara-saudaraku hamba-hamba yang Engkau redhai. Amin ya Allah.

Hamba yang dhaif lagi berdosa,
Ashaari Muhammad.



Negara Islam yang sebenar, bagaikan payung kepada semua manusia... yang Islam ataupun yang bukan Islam. Pemimpin dan rakyatnya menikmati ketenangan, kebahagiaan dalam suasana harmoni dan kasih-sayang. Apakah Iran yang mendakwa sebagai negara Islam mempunyai ciri-ciri ini? Ternyata Iran gagal, bila dunia mengenalnya sebagai negara pengganas dan ditakuti oleh orang-orang Islam sendiri, apalagi yang bukan Islam.

MUQADDIMAH

Mana ada satu agama atau ideologi di dunia ini yang mengajar pada penganutnya tentang musuh-musuh mereka serta cara-cara menghadapi musuh-musuh itu secara serius dan begitu terang? Tapi perkara itu ada dalam Islam. Allah S.W.T, kerana sayangnya pada hamba-Nya telah menyempumakan Islam dengan menyatakan pada penganutnya siapa musuh Islam serta apa caranya menghadapi musuh itu. Itulah rahmat dan bukti kasih sayang Allah pada orang mukmin. Sebab bila kita tahu siapa musuh kita dan tahu pula cara menghadapinya bererti separuh dan kemenangan sudah berada dalam tangan kita. Dan ini tidak berlaku pada orang-orang yang tidak kenal musuh atau kalau kenal pun tak tahu cara untuk menghadapinya Cuma sayangnya pejuang-pejuang Islam atau jemaah Islam hari ini nampaknya merupakan orang-orang yang tidak kenal musuh-musuh Allah itu atau kalau pun kenal tapi tidak tahu bagaimana hendak menghadapi musuh-musuh Allah dan Rasul itu.

Hingga kerana itu mereka sentiasa dipermain-mainkan oleh musuh, samada mereka sedar atau tidak. Kalaulah keadaan ini dibiarkan berterusan nescaya perjuangan kita tidak akan sampai pada matlamamya. Hal ini wajiblah disedari oleh jemaah-jemaah Islam semuanya terutama Jemaah Darul Arqam atau Jemaah Aurad Muhammadiah supaya perjuangan kita benar-benar berjalan di atas landasan Islam dan selamat sampai ke destinasinya; yakni apabila musuh-musuh itu dapat dikalahkan. Untuk itu lihatlah kembali ke

dalam Al Quranul Karim dan dalam hadis Nabi S.A.W yang khusus menyatakan tentang musuh orang-orang mukmin. Contohnya lihatlah firman Allah:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahan: Sesungguhnya syaitan itu bagi manusia adalah musuh yang sangat nyata.

(Yusuf : 5)

Dan firman-Nya lagi:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahan: Sesungguhnya nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan.

(Yusuf : 53)

Bersabda pula Rasulullah S.A.W ketika sedang berjalan pulang dari peperangan Badar:

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الأَصْغَرِ الَى الْجِهَادِ الأَكْبَرِ.
قَالُواْ : وَمَا الْجِهَادُ الأَكْبَرُ؟ قَالَ: جِهَادُ
الْقَلْبِ اَوْ جِهَادُ النَّفْسِ

Terjemahan: ''Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil kepada peperangan yang maha besar.'' ''Apakah itu ya Rasulullah?'' Tanya para sahabat. ''Mujahadatunnafs,'' yakni melawan hawa nafsu.

(Riwayat Baihaqi)

Firman Allah;

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

Terjemahan: Sekali tidak akan redha orang-orang Yahudi dan Nasrani sehingga engkau mengikut cara hidup mereka.

(Al Baqarah : 120)

Demikianlah nyatanya yang kita ini ada banyak musuh. Bukan saja musuh-musuh lahir yang dàpat kita lihat dengan mata tapi juga musuh-musuh batin yang sangat menggoda jiwa. Kedua-dua jenis musuh ini sentiasa mengacau dan menyusahkan umat Islam di setiap waktu tanpa rehat dan tanpa jemu. Nafsu dan syaitan kita tidak rehat, tidak tidur lena kerana ingin merosakkan rasa kehambaan kita serta pengabdian diri pada Allah S.W.T. Mereka sentiasa bersama-sama kita pada setiap detik dan pada setiap tempat walau dalam apa suasana sekalipun; waktu aman, waktu huru-hara, waktu menang atau waktu kalah. Demikianlah juga halnya dengan musuh lahir, tidak pernah jemu untuk terus merosakkan cara hidup Islam yang kita amalkan.

Seterusnya Allah S.W.T dan Rasul-Nya S.A.W menceritakan juga tentang bagaimana caranya musuh-musuh itu menjalankan rancangan-rancangan jahat itu. Niat hati mereka pun diberitahu, begitu juga dengan usaha-usaha lahiriah mereka. Semuanya telah terkandung dalam Al Quran dan hadis Nabi S.A.W.

Kita umat Islam khususnya pejuang-pejuang Islam atau jemaah Islam disuruh bijak menghadapinya. Musuh sudah diketahui, kerja musuh pun sudah diberitahu cuma kita diminta bertindak dengan sebaik-baiknya untuk menggagalkan hasrat buruk musuh itu. Namun begitu hanya sedikit dari kita yang berjaya dalam percubaan tersebut. Umumnya

umat Islam hari ini telah dan sedang ditipu, diperdaya dan diperkotak-katikkan sesuka hati oleh musuh. Dalam apa jua bidang pun umat Islam terpaksa ikut kata musuh. Kata-kata umat Islam tidak laku, bagai angin yang keluar dari mulut dan hilang begitu saja. Bahkan kadang-kadang ditertawakan dan dipermainkan. Umat Islam hidup betul-betul sebagai agen musuh untuk menjayakan dasar pelajaran sekular, ekonomi riba, politik dan demokrasi pilihanraya yang kotor, sosial lucah, mass media karut, budaya liar, akhlak buruk dan lain-lain sistem hidup barat yang sangat bertentangan dengan syariat Islam dan sunnah Nabi. Pejuang Islam sendiri yang konon cintakan Islam bahkan memperjuangkannya, pun masih terlibat dan terikut-ikut dengan seluruh hidup barat itu. Sudah berpuluh-puluh tahun pejuang Islam kedengaran mencerca sistem pendidikan sekular; tapi hingga hari ini mana ada sekolah yang benar-benar menjalankan sistem pendidikan dan pembelajaran Islam? Ada juga sekolah Islam kecil-kecilan dibangunkan tetapi pemimpinnya pun tidak hantar anak mereka ke situ. Tidak yakin dengan sekolah sendiri tapi lebih yakin pada sekolah sekular. Walhal sekolah sekular itulah bahan cerca. Begitulah kelirunya jemaah pejuang-pejuang Islam kita, termasuk juga pemimpin-pemimpinnya.

Kenapa ini semua mesti berlaku? Bukankah panduan sudah ada?, Yang mana kalau panduan itu diikuti benar-benar, bukan saja jemaah Islam selamat dan lebih berjaya dari musuhnya bahkan musuh akan serah diri pada Islam. Bukankah generasi salafus soleh sudah membuktikan ini? Iaitu mereka telah tundukkan 2/3 dunia kepada Islam hanya bersenjatakan Al Quran dan hadis? Kesilapannya ialah kita tidak betul-betul merujuk pada Quran dan hadis dalam setiap aspek atau masalah hidup kita. Sinar wahyu dan berkat lidah Nabi, kalau benar-benar kita ambil sebagai panduan hidup dan dasar perjuangan kita, tentu akan memberikan kita kekuatan luar biasa yang mampu melemahkan kekuatan

nuklier, kekuatan ekonomi dan kebijaksanaan manusia sedunia. Ini mesti berlaku, bahkan wajib berlaku. Sebab Allah tidak pernah mungkir janji.

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah pembela orang-orang yang bertaqwa.

(Jasiyyah : 19)

Apakah ada suatu kuasa yang lebih gagah dari kuasa Allah? Tentu tidak ada. Tapi kenapa perjuangan Islam masih tetap di takat lama? Bukan saja tidak dapat negara Islam, sebuah kedai Islam pun belum ada! Hingga jual beli pun masih terus menerus dalam riba, syubhat dan haram. Demikian juga sistem pendidikan, sosial, perubatan dan politik, semuanya bukan Islam. Bukankah ini satu hal yang sungguh malang? Sebab kita melakukan dosa secara tetap dan terus menerus. Apakah para jemaah pejuang Islam merasa tidak apa-apa dengan hal ini? Rela berada dalam kemurkaan Allah? Atau masih mahu terus mencari alasan itu dan ini untuk mengelirukan orang ramai bahawa hal demikian tidak dimurkai oleh Allah S.W.T; atau masih mahu menyalahkan musuh kerana tidak memberi peluang pada kita menegakkan Islam dalam keluarga, jemaah dan negara umumnya dunia?

Walau apa pun alasannya, saya percaya semuanya tidak akan menguntungkan jemaah Islam itu. Selagi kita berdolak dalik, tidak jujur dengan Allah terhadap tanggungjawab yang diamanahkan pada kita, selagi itulah Allah akan biarkan kita dan serahkan pada musuh. Tutup-tutuplah kesilapan kita itu, nescaya Allah akan buka dan dedahkan satu persatu. Dan masyarakat akan dapat menyaksikan ini secara terbuka dan menilainya dengan adil. Mana boleh bangunkan negara Islam kalau persediaannya tidak ada! Ya, perlembagaan

bolehlah tetapi tidak dengan manusia-manusianya. Bila fikiran dan hati manusia tidak dapat di-Islamkan secara rela dan insaf, maka perlembagaan itu hanya tinggal di kertas tapi tidak menjadi cara hidup, budaya dan tamadun bangsa itu. Kalau begitu untuk apa negara Islam? Lagi-lagi salahkan musuh. Yakni salahkan orang-orang yang menentang perjuangan Islam. Kenapa? Mengapa musuh yang disalahkan? Sebab bukan musuh yang salah. Musuh memang sengaja Allah takdirkan untuk menghalang kita. Jadi, andainya dia dapat menghalang kita, bukanlah dia yang salah, tetapi kita yang cuai, yang lemah, yang suka menyorok-nyorokkan kelemahan, yang tidak sungguh-sungguh berjuang hingga kerana itu tewas di tangan musuh. Hingga musuh terus menerus menguasai kita dan kita terus menerus tidak dapat mematahkan serangan mereka.

Ujian yang didatangkan musuh tidak boleh dijadikan alasan atas kegagalan perjuangan kita. Siapa yang berkata begitu ertinya orang itu tidak faham tentang ujian yang Allah takdirkan melalui musuh itu. Sedangkan dalam Quran dan hadis jelas diceritakan kenapa musuh itu dijadikan. Kenapa ujian dari mereka itu dibenarkan? Kalau kita faham tentu kita tidak jadi begini! Tentu sudah lama musuh akan masuk Islam dan berjuang bersama kita. Kalau tidak pun begitu, tentu sudah lama kita menang dan berjaya dalam perjuangan membangunkan Islam di atas runtuhan jahiliah. Maka kalau itu tidak berlaku, silapnya ialah kita yang tidak betul mengamalkan Al Quran. Kita lebih suka menggunakan fikiran kita daripada ajaran Quran. Itulah silapnya kita. Di samping sebab-sebab lain seperti kita sudah terpengaruh dengan nikmat dunia, dengan pangkat, mata benda dan lain-lain. Bila jiwa sudah cinta dunia dan takut mati maka urusan akhirat diabaikan. Walaupun musuh berada di depan mata, namun itu tidak sedikitpun mencabar kita sebab rasa permusuhan itu sudah dibungkus oleh rasa cinta dunia tadi.

Kalau begitu kenapa salahkan musuh? Musuh kalahkan

kita, kecewakan harapan kita, kita jadi terhina dan ternoda, dikuasai dan diperkosa hingga lemahlah kita di bawah kegagahan mereka. Itu bukan salah musuh. Tapi salah kita kerana kita tidak lawan musuh betul-betul. Hanya cakap-cakap, marah-marah, kutuk-kutuk, memekik-mekik dan mengata-ngatakan musuh. Munasabahkah kita mengajak harimau bekerjasama dengan kita supaya jangan makan kambing kita? Dan takutkah harimau kalau kita marah dan salahkan dia? Tentu tidak. Kalau begitu mengapa kita berdiam diri lagi? Mengapa tunggu musuh bangunkan apa yang kita ingin bangunkan? Dan mengapa tunggu musuh bantu kita? Mustahil! Tapi itulah yang berlaku sekarang. Jemaah Islam hendak tunggu musuh serahkan negara untuk mereka. Bila dapat nanti terus hendak di-Islamkan Malaysia ini dan seterusnya dunia. Walhal Rasulullah hendak Islamkan sahabat-sahabatnya pun mengambil masa 13 tahun. Hendak Islamkan Madinah 10 tahun. Walhal penduduk Madinah tidak seperti penduduk Malaysia. Rasulullah bangunkan Madinah bersama sahabat-sahabat Ansar dan Muhajirin yang sudah cintakan Allah dan Rasulullah dan juga cintakan syariat Islam. Tapi di Malaysia, anggota jemaah Islam pun belum ghairah dengan sistem Islam. Masalah aurat dan nikah kahwin pun tak selesai lagi. Apalagi yang tidak ikut jemaah atau harakah Islamiah; tentu lebih jauh lagi. Habis bagaimana boleh kita beria-ia hendak Islamkan Malaysia dalam keadaan kita tidak bersedia? Itu angan-angan kosong namanya. Bolehlah jadi bahan bual tapi untuk wujud dalam bentuk praktikal, tidak lojik. Dalam keadaan jemaah serba kurang, serba lemah, yang bila buntu fikiran hingga sanggup korban prinsip untuk bekerjasama dengan musuh (walhal sebelum ini, siapa sokong musuh dituduh 'alat' dan haram beri kerjasama) tapi bila terdesak, dasar perjuangan dikorbankan. Marahkan orang bekerjasama dengan orang kafir, tapi bila terdesak kita buat-buat lupa. Tiba-tiba mengaku ingin tegakkan negara Islam! Ajaib. Bagaimana Islam boleh ditegak dalam negara padahal

rumahtangga dan jemaah sendiri pun belum Islam.

Perjuangan Islam sebenarnya memperjuangkan keseluruhan isi Al Quran dan Sunnah. Bukannya sebahagian-sebahagian. Bila diambil semuanya Insya-Allah, sejarah akan berulang di akhir zaman nanti seperti zaman salafus soleh. Bukan Malaysia saja Islam bahkan 2/3 dunia akan turut Islam (seperti di zaman sahabat). Saya harap Jemaah Islam seluruh dunia khususnya Jemaah Darul Arqam (Jemaah Aurad Muhammadiah) ambil perhatian tentang hal ini, supaya kita dibela oleh Allah.

1

Siapa Musuh Lahir

1) siapa org. kafir.
2) org munafik
3) Nasrani & Yahudi.



ALLAH S.W.T telah menyatakan dalam Al Quranul Karim tentang musuh-musuh Islam yakni musuh-musuh Allah dan Rasul. Iaitu hamba-hamba Allah yang sangat derhaka pada-Nya, yang tidak mahu mengikut syariat Allah dan yang menentang usaha-usaha memperjuangkan agama Allah. Mereka sangat benci dan dengki pada orang-orang yang berjuang pada jalan Allah dan berusaha untuk menghalang usaha-usaha perjuangan itu.

Di dalam Al Quran, iaitu pada surah yang awal yakni di dalam surah Al Baqarah, sesudah menceritakan tentang ciri-ciri mukmin, terus Allah menceritakan tentang golongan penentang ini. Mari kita lihat siapakah mereka itu.

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ
أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ○

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang kafir sama saja bagi mereka, kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak juga akan beriman.
(Al Baqarah: 6)

خَتَمَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ وَعَلَىٰٓ أَبْصَٰرِهِمْ غِشَٰوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ۝

Terjemahan: Allah telah mengunci mata hati dan pendengaran mereka dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka seksa yang amat pedih.

(Al Baqarah: 7)

Itu orang kafir. Terang-terangan mereka menolak ketuhanan Allah. Katalah apa pun tentang Allah dan tentang kebenaran, dia buat tidak dengar saja. Atau kalau dengar dia akan tolak dengan apa cara sekalipun. Pujuk dan rayulah macammana sekalipun ia tidak boleh terima. Dia tetap dengan keyakinan lamanya dan tetap akan menolak kebenaran Islam. Orang-orang kafir bukan tidak percaya Tuhan. Percaya, tapi tidak mahu tunduk kepada Tuhan dan hukum-hakam-Nya serta menolak Sunnah Rasulullah SAW. Lihat apa kata Allah tentang kepercayaan orang kafir:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ

Terjemahan: Kalau kamu tanya mereka (orang kafir) siapakah yang menjadikan langit dan bumi, maka mereka akan menjawab; Allah.

(Luqman : 25)

Ertinya, orang kafir memang tahu bahawa alam ini diciptakan oleh Allah tapi mereka tidak kenal Allah dan tidak terima hukum-hukum Allah yang disampaikan melalui lidah Nabi-Nya Muhammad SAW. Jadi siapa dari umat Islam ini yang percaya dengan Allah tapi menolak hukum-

hukum Allah menolak cam hidup Islam dan sunnah Nabi, kita bimbang kalau-kalau termasuk dalam kepercayaan orang kafir Allahu a"lam,


Selama dari kumpulan orang yang engkar ini. ada juga manusia hipokrit yakni munafik. Allah ceritakan haI mereka (golongan munafik) di awal-awal surah Al Baqarah:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلْيَوْمِ ٱلْأَخِرِ
وَمَا هُم بِمُؤْمِنِينَ ○ يُخَٰدِعُونَ ٱللَّهَ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَمَا يَخْدَعُونَ إِلَّآ أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ○
فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْذِبُونَ ○ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ
لَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ قَالُوٓا۟ إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ○
أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ○
وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا۟ كَمَآ ءَامَنَ ٱلنَّاسُ قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ
كَمَآ ءَامَنَ ٱلسُّفَهَآءُ أَلَآ إِنَّهُمْ هُمُ ٱلسُّفَهَآءُ وَلَٰكِن
لَّا يَعْلَمُونَ ○ وَإِذَا لَقُوا۟ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا
وَإِذَا خَلَوْا۟ إِلَىٰ شَيَٰطِينِهِمْ قَالُوٓا۟ إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ
مُسْتَهْزِءُونَ ○ ٱللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِى طُغْيَٰنِهِمْ
يَعْمَهُونَ ○ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشْتَرَوُا۟ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلْهُدَىٰ ○
فَمَا رَبِحَت تِّجَٰرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ○

Terjemahan: Di antara manusia ada yang mengatakan: Kami beriman kepada Allah dan hari kemudian. Padahal sesungguhnya mereka itu bukan orang-orang yang beriman. Padahal mereka hanya menipu diri mereka sendiri sedang mereka tidak sedar. Dalam hati mereka ada penyakit, lalu ditambah Allah penyakitnya dan bagi mereka seksa yang pedih disebabkan mereka berdusta. Dan bila dikatakan pada mereka: "Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi." Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang membuat kebaikan." Ingatlah sesungguhnya mereka itulah orang yang membuat kerosakan tapi mereka tidak sedar. Apabila dikatakan pada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang lain telah beriman." Mereka menjawab: "Akan berimankah kami sebagaimana orang-orang yang bodoh itu telah beriman?" Ingatlah, sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh tapi mereka tidak tahu. Dan bila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka menyatakan: "Kami telah beriman." Dan bila kembali kepada syaitan-syaitan pemimpin-pemimpin mereka atau kawan-kawan mereka, mereka menyatakan: "Sesungguhnya kami sependirian dengan kamu. Kami hanyalah berolok-olok." Allah akan membalas olok-olokan mereka dan membiarkan mereka terumbang ambing dalam kesesatan mereka. Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk. Maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk.

(Al Baqarah: 8-16)

Begitu sekali Allah dedahkan sifat dan ciri-ciri musuh. Siapa ada ciri-ciri ini, sekalipun dia berada dalam jemaah Islam, sama-sama pula berjuang, maka munafiklah dia. Musuh ketat Islam, musuh Allah dan Rasul. Tempatnya di





Cara hidup barat telah sekian lama mengancam... kini datang cara hidup Islam yang gagah, hebat dan kuat mencabar. Walaupun nampak lunak dan lembut, tetapi kini ia telah berjaya meruntuh cara hidup Jahiliah tanpa sedar.

akhirat ialah di dasar neraka sebab mereka ini jahat dan bahayanya lebih daripada orang kafir. Ini adalah kerana mereka menyorokkan permusuhan yang boleh membuatkan orang mukmin yang jahil mudah terpedaya dengan mereka. Tapi orang kafir jelas penolakan mereka yang mana mudahlah dikenali sebab mereka tidak mengaku Islam dan perbuatannya bukan atas nama Islam. Mereka tidak bekerja seperti gunting dalam lipatan atau duri dalam daging, sepertimana orang munafik. Kerana itulah orang munafik lebih bahaya daripada orang kafir sendiri.

Perlu sekali kita sedar bahawa hari ini orang munafiklah yang lebih bersungguh-sungguh dalam menghalang kebangkitan Islam. Bilangan mereka ramai dan gelanggang mereka cukup stratejik untuk tujuan melemahkan dan menakut-nakutkan kita. Jangan sampai tidak tahu hal ini atau jangan sampai tersilap langkah terhadap mereka ini.

Selain daripada orang kafir dan munafik Al Quran juga memberitahu tentang Yahudi dan Nasrani. Dalam surah Al Baqarah juga perihal golongan ini dibongkar dan didedahkan sejelas-jelasnya. Tentang Yahudi, Allah berfirman:

أَفَتَطْمَعُونَ أَن يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْهُمْ
يَسْمَعُونَ كَلَـٰمَ ٱللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُۥ مِنۢ بَعْدِ مَا
عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ○ وَإِذَا لَقُوا ٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا قَالُوٓا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَا بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ
قَالُوٓا أَتُحَدِّثُونَهُم بِمَا فَتَحَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمْ لِيُحَآجُّوكُم
بِهِۦ عِندَ رَبِّكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ○ أَوَلَا يَعْلَمُونَ
أَنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ○ وَمِنْهُمْ

أُمِّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّآ أَمَانِيَّ وَإِنْ هُمْ
إِلَّا يَظُنُّونَ ○ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ ٱلْكِتَٰبَ
بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَٰذَا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا۟ بِهِۦ
ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ
وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا يَكْسِبُونَ ○

Terjemahan: Apakah kamu masih mengharapkan mereka akan percaya kepadamu. padahal segolongan dari mereka mendengar jirman Allah lalu mereka mengubah setelah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui. Dan apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman mereka berkata: "Kami pun telah beriman." Tetapi apabila mereka berada sesama mereka saja, mereka berkata: ' 'Apakah kamu menceritakan kepada mereka apa yang telah diterangkan Allah kepadamu (yakni tentang Taurat menceritakan akan kedatangan Nabi Muhammad) supaya dengan demikian mereka umat (Islam) dapat mengalahkan hujahmu di hadapan Tuhanmu; tidakkah kamu mengerti?" Tidakkah mereka (Yahudi itu) mengetahui bahawa Allah mengetahui segala yang mereka sembunyikan dan segala yang mereka nyatakan? Dan di antara mereka ada yang buta huruf, tidak mengetahui al kitab (Taurat) kecuali dongengan bohong belaka dan mereka hanya menduga-duga. Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al kitab dengan tangan mereka sendiri lalu dikatakan "Ini dari Allah." Dengan maksud untuk memperolehi keuntungan sedikit dengan perbuatan itu. Maka kecelakaan yang besarlah bagi mereka

kerana apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri dan kecelakaan yang besarlah bagi mereka kerana apa yang mereka kerjakan.

(Al Baqarah: 75-79)

Tentang Nasrani (Kristian) pula Allah beritahu begini:

وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ بَل لَّهُ مَا
فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلٌّ لَّهُ قَانِتُونَ ○
بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا
يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ ○ وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ
لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا آيَةٌ كَذَٰلِكَ
قَالَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِم مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَابَهَتْ
قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَّا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ○

Terjemahan: Mereka (orang ***kafir*** *berkata: "Allah mempunyai anak. " Maha Suci Allah, bahkan apa yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah, semua tunduk kepada-Nya. Dan orang-orang yang tidak mengetahui berkata: Mengapa Allah tidal (langsung) berbicara dengan kami atau datang tar&-tar&a kekuasaan-Nya kepada kami?" Demikian pula orang-orang yang sebelum mereka telah menyatakan seperti ucapan mereka itu. Hati mereka serupa. Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda* kekuasaan *Kami pada kaum yang yakin.*

(Al Baqarah: 116-118)

Semua sekali isi hati dan perangai Yahudi dan Nasrani telah diceritakan dengan ‘detail’ dalam surah Al Baqarah. Bacalahlagi dalam Quran yang muliaitu. Di sini saya hanya memetik ayat-ayat yang tertentu saja.

Allah S.W.T sesudah memperkenalkan musuh-musuh orang mukmin itu, memberi amaran agar janganlah kita sampai terikut-ikut sikap Yahudi dan Nasrani itu. Firman-Nya:

وَلَن تَرْضَىٰ عَنكَ ٱلْيَهُودُ وَلَا ٱلنَّصَٰرَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ ۗ
قُلْ إِنَّ هُدَى ٱللَّهِ هُوَ ٱلْهُدَىٰ ۗ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم
بَعْدَ ٱلَّذِى جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ مَا لَكَ مِنَ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ

***Terjemahan:* Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka, katakanlah: Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk yang sebenurnya. Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelahpengetahuan datang kepada kamu, maka Allah tidak lagi menjadi penolong dan pelindung bagimu.**

(Al Baqarah: 120)

Dan Allah tutup cerita ini dengan Firman-Nya:

وَٱتَّقُوا۟ يَوْمًا لَّا تَجْزِى نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْـًٔا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا
شَفَٰعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ



Media massa musuh mesti ditentang dengan media-massa Islam. Gerakkan Islam tidak boleh berpuas hati hanya dengan menghasilkan satu dua majallah sahaja setiap bulan, apatah lagi jika tidak ada langsung.....

رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ○ وَٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَآ أُنزِلَ
إِلَيْكَ وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ○
أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُوْلَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ○

Terjemahan: Kitab (Al Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, (iaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan sembahyang dan menafkahkan sebahagian rezeki yang kami anugerahkan pada mereka. Dan mereka yang beriman kepada kitab (Al Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelummu, serta mereka yakin akan adanya kehidupan akhirat. Mereka itulah orang yang telah mendapat petunjuk dari Tuhannya dan merekalah orang-orang yang beruntung.

(Al Baqarah : 2 - 5)

Sudahkah kita benar-benar yakin dengan yang ghaib (Allah, malaikat, syurga, neraka dll), yang taraf keyakinan itu boleh menentukan sikap lahir batin kita berkait dengan perkara-perkara itu; yang dalam duduk baring dan berdiri teringat-ingatka-Nya hingga membuatkan hidup kita seluruhnya diserah untuk-Nya. Dan timbul rasa sangat ingin mendekatkan diri pada-Nya di samping rasa takut yang tidak terkira kalau tersilap dengan yang ghaib itu yakni Allah SWT?

Itulah yang dikatakan beriman dengan perkara-perkara yang ghaib. Sudahkah kita jadi begitu? Kemudian sudahkah

kita dirikan sembahyang secara istiqomah, khusyuk dan cukup bilangan wajib dan sunatnya? Yakni sembahyang yang dilakukan sebagai mikraj kehadrat Ilahi dan berkatalah ia pada Tuhannya selaku seorang hamba yang hina dina. Sembahyang yang kekuatannya boleh membuang segala mazmumah dan menghentikan segala keji dan mungkar. Sudahkah sembahyang yang kita dirikan menjaga kita begitu sekali atau sembahyang kita itulah nanti yang akan membawa kita ke neraka kerana sembahyang kita ialah sembahyang yang lalai, lalai yang tidak mengerti apa-apa dan tidak menghasilkan apa-apa faedah dan kebaikan?

Seterusnya sudahkah kita belanjakan rezeki yang Allah pinjamkan itu di jalan Allah? Berapa peratus gaji kita, kita pulangkan pada empunyanya yakni Allah S.W.T? Kalau cuma 5% apalah maknanya. Belum boleh dikatakan kamu khalifah Allah sebab khalifah Allah itu mengorbankan semua harta bendanya kembali pada Allah. Atau kalau tidak semua pun hanya separuh atau 50%. Barulah terbukti yakin dan cinta kita pada Zat yang sangat berjasa itu.

Begitulah di antaranya sifat yang patut kita miliki. Barulah boleh kita rasa kita ini orang Allah atau pembela-pembela agamanya. Dan barulah Allah akan jadikan kita tentera-Nya. Barulah Allah akan tolong kita untuk Islamkan negara ini bahkan dunia ini, insya-Allah. Tapi kalau tidak, janganlah berharap dapat kemuliaan dan pembelaan dari Allah, tapi kehinaan seperti firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ
فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ

أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ۝

Terjemahan: Apakah kamu ambil sebahagian dari isi kitab dan menolak sebahagian yang lain? Tidak ada balasan orang yang bersikap demikian itu melainkan akan hina di dunia. Dan akan dikembalikan ke akhirat pada azab yang bersangatan pedih. Sesungguhnya Allah tiada lalai daripada apa yang kamu lakukan.

(Al Baqarah : 85)

2

Siapa Musuh Batin

SETELAH selesai peperangan Badar dengan kemenangan di pihak Islam, maka berjalanlah Rasulullah dengan para sahabat menuju ke perkampungan mereka. Dalam perjalanan itulah terjadi dialog antara baginda Rasul dan sahabamya, yang mana dialog itu telah menjadi satu riwayat yang cukup popular. Begini bunyinya:

رَجَعْنَا مِنَ اْلجِهَاد الأَصْغَرِ الىَ الْجِهَاد الأَكْبَرِ.
قَاْلُواْ: وَمَا اَلجِهَادُ الأَكْبَرُ؟ قَالَ: جِهَادُ
اَلقَلْبِ اَوْ جِهَادُ اَلنَّفْسِ

***Terjemahan:* “Kita baru balik dari satu medan peperangan yang kecil menuju ke satu peperangan yang maha besar,” kata Rasulullah. Maka kehairananlah para sahabat lantas bertanya: ‘Peperangan apa itu ya Rasulullah?” Jawab baginda 'Mujahadatunnafsi" (melawan hawa nafsu).**

(Riwayat Baihaqi)

Peperangan Badar yang begitu gawat dan dahsyat mengambil nyawa puluhan manusia daripada 1000 orang yang terlibat di pihak orang kafir, dianggap kecil oleh Rasulullah. Padahal kita rasa takut sekali mendengarkan musuh-musuh yang begitu lengkap dengan segala alat perang.



Peperangan melawan nafsu dan syaitan adalah peperangan yang sengit. Ia hanya dapat dimenangi dengan mujahadah dan sifat taqwa. Namun perkara ini sangat kurang dititikberatkan di dalam gerakan Islam dewasa ini.

Keganasan musuh menyerang bertubi-tubi dengan pedang dihala ke tubuh kita, amatlah mengerikan dan menakutkan. Tapi itu masih kecil kalau dibandingkan dengan keganasan nafsu kita terhadap diri kita. Cuma nafsu bukan hendak bunuh jasad kita tetapi hendak bunuh jiwa kita. Dengan kata lain hendak bunuh iman kita. Hendak terjunkan kita ke neraka.

Kecekapan nafsu, persediaannya, kesungguhannya, kejahatan dan tipuannya berpuluh-puluh kali ganda lengkapnya dari peperangan senjata. Tempoh peperangan bukannya bermusim-musim tetapi setiap detik. Nafsu tidak tidur dan tidak lena untuk membuatkan kita sentiasa lalai dan leka. Jadi benarlah Rasulullah S.A.W mengatakan peperangan dengan nafsu itu jauh lebih besar daripada melawan musuh lahir. Mari kita lihat firman Allah mengenainya:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahan: Sesungguhnya nafsu (mazmumah) itu sangat mengajak kepada kejahatan.

(Yusuf :53)

Rasulullah bersabda lagi:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ ٱلَّتِى بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemahan: Sejahat-jahat musuh engkau yang terletak antara dua lambung engkau.

(Riwayat Baihaqi)

Allah berfirman pula:

I

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ۝ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ۝

Terjemahan: *Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan jiwanya dan rugilah orang yang mengotorkan jiwanya.*

(As Syams : 9 - IO)

Itulah musuh batin namanya. Yakni makhluk Allah yang bersifat rohaniah yang tempamya dalam hati manusia. Allah menjadikannya dengan tujuan untuk menguji keimanan kita. Selain daripada nafsu, ada satu lagi musuh orang mukmin yang sifamya macam nafsu, yang kerjanya menunggang nafsu untuk dipacu ke arah yang disukai, Syaitan namanya. Allah berfirman:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ۝

Terjemahan: *Sesungguhnya syaitan itu bagi manusia adalah musuh yang sangat nyata.*

(Yusuf:5)

Nafsu dan syaitan bekerjasama untuk merebut tempat di hati setiap manusia. Bila hati sudah ditawan, manusia bukan lagi ikut kata Allah dan Rasul tetapi ikut sahaja kehendak nafsu dan syaitan itu. Dan itulah yang dicita-citakan oleh kedua-dua musuh batin ini. Mereka mahu corakkan hati dengan sifat-sifat jahat (mazmumah). Contohnya; sombong, takabur, hasad dengki, bakhil, pemarah, buruk sangka, lupa Allah, lupa akhirat, ujub, risk, cinta dunia, takut mati, dendam, tamak haloba, malas ibadah, penakut, mabuk makan, ragu dengan kebenaran dan lain-lain.

Bila mazmumah sudah bertapak maka syaitan akan memperalatkan nafsu ke mana yang disukainya. Begitulah caranya mereka bekerja untuk menipu kita. Dan kita pula perlulah mencari jalan untuk menewaskan rancangan jahat itu. Perlawanan itulah yang dikatakan mujahadah atau perang dengan nafsu dan syaitan. Peperangan yang sungguh dahsyat dan maha besar. Hari ini hampir semua manusia telah dapat ditipu dan dikuasai oleh nafsu dan syaitan. Termasuklah pejuang Islam sendiri. Mereka yang konon cintakan Islam bahkan memperjuangkannya, tapi rata-rata telab dapat ditipu oleh musuh batin sama ada mereka sedar atau tidak. Untuk membuktikan kenyataan ini biar saya buat beberapa contoh:

1. Kebanyakan orang yang nampak ghairah dengan **Islam,** hingga negara pun hendak di-Islamkan, bila kita lihat kehidupan mereka, nampaknya rumah pun belum Islam. Anak isteri bahkan dirinya sendiri belum sempurna Islamnya, sekalipun fardhu ain. Sikap ini bertentangan dengan ajaran Islam:

i. Allahbelfinnan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

Terjemahan: Peliharalah dirimu dan keluarganya dari api neraka.

(At Tahrim : 6)

ii. Oleh itu hukamak ada berkata:
' 'Tegakkanlah Islam itu pada dirimu nescaya dia akan tertegak pada negaramu."

Tapi apa yang berlaku hari ini, jemaah Islam ghairah untuk meng-Islamkan negara, mengambil alih tempat pemerintahan dan mengubah undang-undang. Walhal jemaah

sendiri tidak mampu hendak laksanakan Islam itu, sekalipun hukum-hukum yang remeh-temeh sedangkan ia boleh dilaksanakan tanpa kuasa memerintah, tanpa memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan ilmu yang melangit; dan musuh pun tidak halang jika kita melaksanakannya. Kalau kita pun tidak mampu hendak buat, mengapa harus suruh orang lain buat? Lagi pelik! Yang disuruh tegakkan Islam itu ialah orang yang dituduhnya musuh. Mana mungkin musuh Islam tegakkan Islam! Sedangkan orang yang cintakan Islam pun tidak mampu hendak buat. Tertipulah mereka ini. Ditipu oleh nafsu dan syaitan.

2. Semua orang tahu bahawa sebahagian dari pejuang-pejuang Islam atau jemaah Islam di dunia ini selalu gelojoh dan tergopoh-gapah dalam tindakan perjuangan mereka. Kebanyakan orang yang tidak sukakan mereka itu, adalah kerana tidak sukakan sikap tadi, belum pasti mereka tidak suka Islam yang diperjuangkan. Tapi mereka tidak sedar. Apakah mereka tidak tahu bahawa Islam menganjurkan akhlak yang mulia, tenang, bijaksana dan lapang dada bila berhadapan dengan ragam manusia dan ujian? Dan mengatur langkah perjuangan dengan penuh sistematik dan strategik tanpa gelojoh serta gopoh-gapah? Bukankah sudah diberitahu oleh Allah bahawa gopoh-gapah itu dari syaitan?

Sabda Rasulullah SAW,

اَلتَّأَنِّيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

'Bertenang-tenang itu dari Allah dan bergopoh gapah itu dari syaitan."

(Riwayat Baihaqi)

Dan kalau begitu nyatalah bahawa ramai sudah pejuang Islam sendiri dapat ditipu oleh syaitan.

3. Bila pihak lawan melakukan kekejaman ke atas jemaah Islam selalunya kita akan lihat ramailah pejuang-pejuang Islam yang akan marah-marah, mengutuk-ngutuk, perli-perli dan menjawab kekejaman musuh dengan kata-kata yang tidak hikmah. Bukan kerana Allah tapi kerana mempertahankan diri. Barangkali mereka fikir itulah caranya untuk berhadapan dengan musuh. Walhal musuh tidak terjejas sedikit pun, malahan diri sendiri yang rosak sebab para pemerhati menganggap orang-orang yang memperjuangkan Islam itu kasar-kasar dan pemarah. Orang pun takut hendak dekat.

Islam menganjurkan kita berhikmah. Bukannya jadi pemarah, kasar dan sombong. Rasulullah telah berkata perjuangan atas dasar marah itu bukanlah jihad fisabilillah. Lihat sejarah Sayidina Ali. Suatu hari ketika dia sudah dapat menindih musuh, dilepaskannya kembali sesudah musuh itu meludahi mukanya kerana katanya dia tidak mahu membunuh musuh waktu itu kerana takut-takut dibuat atas dasar marahkan musuh, bukan lagi kerana Allah. Apahal dengan orang-' orang yang memperjuangkan Islam hari ini? Selalu marah-marah. Bukankah itu dari nafsu dan syaitan? Mereka kalah dengan musuh batin iaitu nafsu dan syaitan. Rasulullah pernah nasihatkan kepada seorang sahabat dengan berkata:

لَا تَغْضَبْ وَلَكَ الْجَنَّةُ

Terjemahan: Janganmarah dan jaminan syurga untuk kamu.

(Riwayat Tabrani)

4. Sebahagian dari pejuang-pejuang akhir zaman lebih suka berkorban untuk rumah besar, barang kemas isteri, pinggan mangkuk pyrex, tupperware dan lain-lain daripada berkorban di jalan Allah. Mulut mereka saja yang menyebut berjuang dan berkorban serta mencabar musuh tapi kehidupan

mereka sama saja dengan musuh! Dari segi berkorban mungkin musuh lebih serius terhadap perjuangan mereka daripada pejuang-pejuang Islam yang cakap banyak buat tidak. Duit yang Allah rezekikan dikorbankan pada perkara-perkara yang tidak perlu. Kalau berkorban di jalan Allah sekalipun bukan tiap-tiap hari tapi bennusim-musim. Waktu derma kilat atau w&u mesyuarat memutuskan tiap orang derma sekian-sekian ringgit. Eninya berkorban kerana diminta. Orang begini penyakimya ialah bakhil dan membazir. Kedua-duanya berpunca dari syaitan. Bakhil itu dari syaitan. Orang membazir kawan syaitan. Bagaimana boleh pejuang Islam berkawan dengan syaitan dan mengikut perangai kawannya itu? Dengan musuh dalam diri pun tewas bagaimana mahu menang dengan musuh yang bersenjata?

5. Pejuang Islam hari ini kebanyakannya tidak mahu terima pendapat orang lain sekalipun pendapat atau teguran itu dibuat dengan baik, dengan hujah ilmiah dan nas yang sah. Mereka anggap orang lain tidak betul, mereka sahaja yang betul. Sebab itulah mudah melenting atau tersinggung bila ditegur. Sikap begini adalah sifat sombong, sama ada disedari atau tidak. Orang sombong pengikut iblis. Mereka sanggup tolak kebenaran kerana sombongnya itu. Umpama iblis, ia tidak mahu tunduk pada Nabi Adam sekalipun itu perintah Allah. Dia sanggup masuk neraka daripada merendah diri. Pejuang yang begini, kalau dapat jadi penguasanescaya dibenci oleh rakyat jelata. Bagaimana hendak Islamkan negara kalau diri sendiripun cuai dengan Islam. Rasulullah itu sangat tawadhuk dan berkasih sayang. Satu kampung pun kita belum dapat, mengapa sudah sombong! Inilah berjuang fisabilit taghut namanya.

6. Pejuang-pejuang hari ini suka mengecam perbuatan jemaahlainsebagai remeh-temeh, tidak fikirnegara. Sangka mereka kalau tidak dapat negara, bila-bila masa saja aktiviti-

aktiviti Islam boleh ditutup. Sebab itu mereka tidak mahu buat apa-apa. Hingga kini, jemaah lain sudah berkembang besar melalui aktiviti yang dikatanya remeh-temeh tadi. Mereka belum pun ada persediaan apa-apa. Agaknya dengan apa mereka hendak Islamkan Malaysia. Atau mereka fikir Islam boleh dibangunkan dengan gigi dan lidah saja? Bukankah pokok yang besar rimbun dan berbuah lebat itu asalnya dari biji benih yang kecil? Siapa menafikan hakikat ini bermakna fikirannya sudah keliru. Dikelirukan oleh syaitan yang menipu. Malanglah dia di dunia dan di akhirat.

Demikianlah contohnya bagaimana pejuang Islam telah ditipu oleh syaitan dan nafsu. Mungkin mereka tidak sedar sebab memanglah orang yang kena tipu tidak tahu bahawa dia sedang ditipu, kecuali sesudah dia dapati barangnya hilang. Atau sesudah semua rancangan dan tindakannya memberi hasil yang mengecewakan. Lain diharap lain yang dapat. Tidak mengapa kalau itu berlaku terhadap individu tetapi kalau jemaah yang diperjuangkan tidak pun berkembang dan meningkat, malahan selalu sahaja kalah dan kucar-kacir maka ini tidak boleh dianggap kasih sayang Allah. Jemaah Islam mesti dibantu Allah yakni mesti mengatasi musuh. Itu janji Allah. Maka kalau berlaku sebaliknya, periksalah jemaah itu kembali di mana silapnya hingga Allah biarkan begitu sekali. Jemaah Islam sepatutnya disegani kawan dan lawan. Jemaah Islam sepatutnya serba ada kerana perjuangan dan sumbangan ahlinya. Tapi kalau jemaah itu sebuah kedai pun tidak punya, di mana gagahnya? Hendak dapatkan negara? Orang punya, siapa mahu beri? Lalu apa caranya nanti ekonomi Islam mahu dimulakan?

Pejuang-pejuang Islam mesti akur tentang perkara ini. Bahawa perjuangan Islam mesti didasarkan atas iman dan taqwa sebagai kekuatan utama dan terpenting. Lebih baik 100 pejuang yang bertaqwadaripada 1000 orang tetapi tidak bertaqwa. Ini adalah kerana orang bertaqwa akan dibantu Allah sementara yang tidakbertaqwa akan terbiarpadanafsu

dan syaitan. Sebab itulah langkah pertama perjuangan ini ialah menyediakan orang-orang yang bertaqwa. Dengan taqwa, nafsu dan syaitan tidak boleh tipu kita. Maka selamatlah dalam usaha-usaha dan aktiviti perjuangan. Akan tetapi bukan senang hendak jadi orang bertaqwa. Latihanmelawan nafsu dan syaitan mesti dibuat lama dan sungguh-sungguh. Bukan di musim pilihanraya, di seminar dan di kertas kerja, tetapi melalui kuliah-kuliah tasawuf, mendidik hati, mendidik iman, melatih iman, melatih ibadah, akhlak, zikrullah dan seumpamanya. Program ini memakan masa dan kesungguhan. Penghayatannya boleh menumbangkan dua musuh besar manusia, sekaligus mengangkat manusia ke taraf taqwa yakni dekat dengan Allah S.W.T. Akan tetapi kupasan begini selama ini dianggap membawa manusia menjadi jumud dan beku. Kerana itu mereka benci dengan tasawuf. Maka soal-soal akhlak dan soal pembersihan hati dari musuh-musuhnya dan penyakit hatinya ditolak ke tepi. Mereka berjuang dengan akal dan semangat. Maka jadilah perjuangan mereka mainan nafsu dan syaitan.

Berjuang sebenamya bukan setakat berkumpul, berbincang, bertempik " Allahu Akbar" dan bergaduh dengan lawan. Itu senang; sebab itu hasilnya pun kecil. Akan tetapi hendak dapat taqwa, ertinya hendak buang perangai jahat seperti sombong, dengki, bakhil, tamak dan lain-lain, kerjanya berat. Dan inilah perjuangan awal. Siapa tidak tempuh peringkat ini, dia tidak boleh dapat taqwa. Bila taqwa tidak ada maka nafsu dan syaitan jadi penasihat dalam perjuangan kita. Terbuai-buailah kita dalam ayunan tipuan yang tidak terasa. Kita rasa kitalah pejuang yang ideal, tapi belum tentu Allah sudah iktiraf kita. Dan kalau Allah tidak terima, walau bagaimana hebat punkita, tetapi tetap akan sia-sia sajahidup kita. Rugi dunia dan akhirat. Oleh itu saya harap pejuang-pejuang Islam terutamanya anggota jemaah Darul Arqam (Jemaah Aurad Muhammadiah) berhati-hati dan serius terhadap soal-soal di atas.

3

Hikmah Ujian

UNTUK apa Allah jadikan musuh-musuh orang mukmin? Apa faedahnya? Bukankah lebih mudah kalau perjuangan ini tidak didatangkan musuhnya? Tidaklah berat sangat halangannya. Itulah pendapat kita. Tapi apa sebenarnya maksud Allah dengan mengadakan musuh-musuh lahir dan musuh batin pada kita? Marilah kita cungkil hikmah-hikmahnya atau faedah-faedah atau kebaikannya. Kita yakin setiap suatu yang Allah takdirkan itu, kecil atau besar bukanlah sia-sia dan tidak untuk main-main. Allah serius terhadap apa yang ditentukan dan ketentuan itu adalah merupakan keputusan yang paling bijaksana serta terbaik dari kemungkinan-kemungkinan lain. Itulah keyakinan kita selaku hamba, kita tidak mampu untuk melihat kebaikan itu secara spontan dan menyeluruh. Bahkan kadang-kadang kita salah sangka pada takdir Allah, yang kita belum tahu atau tidak nampak hikmahnya itu. Kita rasa saja Allah hendak menyusahkan kita atau Allah hendak memberikan nasib buruk kepada kita, sedangkan orang lain nasibnya baik-baik sahaja.

Sebenamya bukan begitu. Orang bertaqwa tidak pemah terlintas di hatinya sangkaan buruk itu. Ini kerana Allah sudah berjanji dalam firman-Nya:

وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ

***Terjemahan:* Bertaqwalah nescaya Allah akan mengajar kamu.**

(Al, Baqarah : 282)

Orang bertaqwa akan dapat ilmu, kefahaman dan keyakinan langsung dari Allah. Hatinya akan dapat ilmu, kefahaman dan keyakinan dengan cara Allah masukkan semua itu ke dalam hatinya. Itulah ilmu terang hati namanya. Yakni, Allah mudahkan hamba-Nya memahami ilmu-Nya. Jika terjadi kepada para wali dinamakan ilham atau ilmu laduni dan kepada para nabi dan rasul dinamakan wahyu. Orang yang diberi ilmu cara ini akan mudah memahami rahsia-rahsia tersirat di sebalik perkara-perkara yang tersurat dan juga akan dapat mencungkil hikmah-hikmah yang terdapat pada sesuatu kejadian yang Allah takdirkan. Dengan cara itu selamatlahorangitu daripadaberburuk sangkadengan Allah atau mudahlah baginya untuk menghadapi kesusahan hidup. Ini disebabkan dia yakin dan dapat menerima serta memahami kebaikan di sebalik semua takdir Allah atas dirinya.

Ujian sebenamya adalah guru yang tidak bercakap, tetapi ia sebenarnya sangat mengajar dan mendidik. Ujian terkecil (apalagi terbesar) yang kita alami dalam hidup, semuanya adalah takdir Allah yang mempunyai maksud yang sangat penting. Orang yang dapat mengetahui, maksud itulah yang mendapat pengajaran dan pendidikan dari setiap takdir Allah itu. Di antara maksud Allah itu ialah:

1. Untuk melatih kita mendapatkan sifat-sifat yang baik seperti sabar, redha, mengenang budi, tawakal, memikirkan nasib orang lain, mengaku diri sebagai hamba yang lemah (yang tiada kuasa menolak takdir buruk yang datang), berbaik sangka, mendekatkan diri dengan Allah, ingat akhirat, harap pada Allah, merasai tipu daya dan sementaranya dunia dan lain-lain lagi. Perasaan ini sama pentingnya dalam usaha membangunkan peribadi taqwa.

Dan untuk mendapatkannya, nafsu perlu dilatih sebab ia asalnya liar, sangat ingin kepada keburukan dunia dan lupa akhirat. Maka kita hendaklah mendidik, membersihkan dan mengubatinya sungguh-sungguh supaya meningkatlah nafsu kita kepada nafsu mutmainnah sekurang-kurangnya. Untuk itu ujian-ujian kesusahan, penderitaan, penghinaan, ketakutan, kesakitan, kehilangan pengaruh atau pengikut dan lain-lain adalah perlu. Ujian-ujian ini sengaja didatangkan agar terasalah kita ini hamba lemah yang tiada berkuasa untuk menolak ketentuan Tuhan. Ini penting demi untuk menanamkan rasa kehambaan ke dalam hati, sekaligus membuang rasa tuan, rasa Tuhan, rasa besar diri dan takabur yang merajai hati kita selama ini.

Seterusnya bila kita ditimpa penderitaan hidup maka kita pun berkata pada diri kita, "Sabarlah! Redhalah!" Allah tidak buat ini semua dengan sia-sia. Allah sangat kasih dan sayang pada hamba-Nya. Ujian ini bererti Allah sayang kerana Dia hendak mendidik kita menjadi orang yang sabar, redha dengan takdir-Nya. Seterusnya bila ditimpa ujian yang membuatkan kita rasa terhina dan tidak berguna, maka insaflah bahawa kita asalnya hina dan jahil. Kalau begitu mana boleh kita menghina-hina orang dan memandang rendah pada orang lain. Diri kita pun kalau Allah tidak pelihara nescaya terhina dan tidak berguna apa-apa.

Begitu juga bila kita diuji dengan ketakutan maka ujian itu mengajar kita supaya menyerahkan diri sepenuhnya pada Allah dengan penuh tawakal. Nasib kita dalam tangan Allah, bukan dalam tangan sesiapa selainnya. Jangan takut! Lakukan setiap sesuatu untuk Allah. Kemudian bertawakallah Kemudian bila diuji dengan kesakitan, sebenamya Allah mahu memberitahu kita bahawa begitulah susahnya orang-orang yang dalam kesakitan. Kalau begitu perlulah kita bertimbang rasa, menziarahi dan membantu si sakit dan lain-lain.

Seterusnya bila datang ujian nikmat yakni Allah tarik satu

dari nikmat hidup, misalnya patah kaki, maka teringatlah kita begitulah besar kurniaan Allah. Berharga sekali. Baru kaki patah sudah tidak dapat berjalan. Maka teringatlah ribuan malah jutaan nikmat yang masih Allah kumiakan setiap detik. Oleh itu redhalah dengan Allah kerana kaki kita telah ditakdirkan patah, kerana nikmat-nikmat-Nya yang lam masih banyak untuk disyukurkan.

Begitulah bila kita dikalahkanmusuh atau dijatuhkandari jawatan, maka itu ialah kerana Allah mahu kita ingat pada-Nya. Agar dengan itu kita datang pada Allah dengan cinta dan rindu. Apalah dirindu pada kemenangan, ketinggian dan jawatan? Tapi rindulah pada Allah, yang empunya itu semua. Apa diidamkan dunia? Bukankah akhirat lebih kekal dan lebih baik? Atau mungkin Allah mahu mengingatkan, yang kita belum bersedia untuk jadi penguasa, yang mana kalau kita jadi penguasa, kita akan berlaku zalim dan sombong.

Begitulah maksud Allah dengan ujian-ujian itu. Betul-betul untuk memanggil hamba-Nya kepada-Nya dan kepada hati yang suci serta akhlak yang mulia dan agung. Sebab itu marilah kita terima ujian dengan sebaik-baiknya, jangan keluh-kesah dan hilang pertimbangan serta buruk sangka dengan Allah atau dengan sesama manusia.

2. Dalam pengalaman hidup kita, selalu kita melukakan hati orang, ibu ayah, sahabat handai danlebih-lebih lagi kita selalu derhaka pada Allah. Kita sering melakukan perkara yang Allah larang dan Allah tidak suka. Maka jadilah kita orang yang sentiasa berdosa. Dosa mesti dihukum, kalau tidakdi dunia, di akhirat (kecualikitabertaubatbetul, hingga Allah ampunkan dosa kita itu).

Bagi orang yang Allah suka, dosa itu dihukum di dunia tidak di akhirat. Yakni dengan mendatangkan kesusahan, kemiskinan, kesakitan, kekurangan, penderitaan, penghinaan dan lain-lain. Sekiranya kita redha, sabar dengan ujian itu

dengan berkata, “Inilah hukuman Allah pada dosa-dosaku.” (Dengan mengingatkan apa dosa yang dimaksudkan itu).

Maka bersihlah kita dari dosa itu. Tapi kalau kita tidak boleh sabar, menerima kesusahan dengan merungut-rungut, mengadu-ngadu, mengeluh, memberontak dan lain-lain yang dilarang Allah, maka ujian itu menambahkan dosa dan kutukan Allah.

Jadi hendaklah kita awas terhadap ujian. Terima dan hadapilah dengan redha dan katakan pada Allah, ' ‘Wahai Tuhan, saya terimalah takdir ini dengan menghamp bersihlah diri dari dosa-dosaku Sebabnya ujian mempunyai dua maksud, yakni melatih diri di samping penghapusan dosa-dosa.

3. Perlu diketahui bahawa ujian-ujian yang ditimpakan pada para nabi dan rasul, wali-wali besar serta kekasih-kekasih Allah itu bukan untuk penghapusan dosa. Ini kerana mereka itu tidak berdosa (para nabi dan rasul) atau kurang berdosa (para wali-wali yang utama). Kalau berdosa pun adalah kerana amalan yang menyalahi utama (khilaful aula) yang tidak layak untuk dihukum begitu. Pada mereka ujian bermaksud meninggikan darjat dan pangkat kedudukan mereka di sisi Allah S.W.T. Sebab itu ujian mereka berat-berat dan dahsyat. Yang mana kalau ujian itu ditimpakan kepada kita nescaya tidak tertanggung. Ini disebabkan iman, taqwa, sabar, redha dan tawakal kita tidak cukup untuk menahan beratnya ujian itu. Akan tetapi pada para kekasih Allah, taqwa mereka yang begitu tinggi membolehkan mereka meredhai ujian itu. Sebab itu Rasulullah S.A.W bersabda:

أَشَدُّ النَّاسِ بَلاَءً اَلأَنبِيَاءُ ثُمَّ الأَمْثَلُ
فَالأَمْثَلُ، يُبْتَلَى الرَجُلُ عَلَى حَسَبِ دِيْنِهِ،

فَإِنْ كَانَ فِى دِينِهِ صُلْبًا اشْتَدَّ بَلَاؤُهُ، وَإِنْ
كَانَ فِى دِينِهِ رِقَّةً، أُبْتُلِيَ عَلَى قَدْرِ دِينِهِ،

Terjemahan *Ujian yang berat itu ditimpakan pada nabi-nabi. Kemudian pada wali-wali Allah, kemudian pada orang-orang soleh, kemudian mengikutlah iman masing-masing.*

(Riwayat Bukhari, Ahmad dan Tarmizi)

Darjat yang dimaksudkan untuk para nabi itulah darjat di akhirat, yakni mereka akan jadi orang besar dan orang penting dalam syurga di akhirat. Syurga pula bukan syurga biasa tetapi syurga yang khas untuk mereka sesuai dengan penghambaan diri yang dilakukan untuk Allah serta sumbangan besar yang mereka berikan pada manusia semasa di dunia. Hamba-hamba Allah yang selainnya, ramai juga masuk syurga, yakni syurga yang sesuai dengan taraf taqwa masing-masing.

4. Ujian kesusahan yang menimpa kita akan membuat kita berfikir dan bertindak untuk menyelesaikannya. Ertinya ujian menghidupkan akal, meneguhkan jiwa, menggerakkan fizikal untuk berhadapan dengan musuh lahir dan batin atau dengan siapa juga yang menjadi sebab ujian itu menimpa. Dari situ akan bertambah pengalaman, kefahaman dan pengajaran tentang hidup di dunia. Di samping itu mungkin terjadi perubahan-perubahan pembangunan yang akan memberi kekuatan pada masyarakat atau jemaah Islam. Sekaligus ia merupakan benteng dan tembok dari angkara musuh.

5. Ujian memisahkan orang-orang yang tidak tahan

uji, yang tidak sabar, tidak ikhlas, yang berpura-pura, tidak bersungguh-sungguh dengan Allah dan yang busuk hati daripada kumpulan orang yang tahan uji, yang sabar, yang ikhlas, yang serius dan yang baik hatinya. Sebab itu Allah berfirman:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تُتْرَكُوا۟ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ

Terjemahan: Apakah mereka menyangka Allah akan membiarkan mereka (sebelum diuji), sedang Allah belum mengetahui siapa orang yang berjihad diantara kamu

(At Taubah : 16) .

Firman-Nya lagi:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ
جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ

Terjemahan: Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, pada ha1 belum nyata bagi Allah orang-orang yang berjihad di antara kamu dan belum nyata orang-orang yang sabar.

(Al Imran : 142)

Dalam jemaah Islam, orang-orang yang tidak ikhlas atau yang lemah jiwa lebih-lebih lagi yang berpura-pura tidak patut ada sebab mereka ini tidak memberi apa-apa sumbangan pada perjuangan Islam bahkan mungkin merbahaya. Lihat firman Allah:

لَوْ خَرَجُوا۟ فِيكُم مَّا زَادُوكُمْ إِلَّا خَبَالًا

Terjemahan: Kalau mereka itu keluar berjuang bersama kamu, tidak menambah apa-apa melainkan. kekecewaan.

(At Taubah : 47)

Sebab adanya orang-orang yang tidak ikhlas itu membuatkan pertolongan Allah tidak segera datang. Bahkan mereka membantutkan pembangunan dan menjadi duri dalam daging. Kerana itu mereka perlu dikeluarkan melalui ujian-ujian yang Allah datangkan. Bila Allah datangkan ujian, dengan sendirinya orang-orang yang tidak ikhlas akan lari.

6. Allah itu Maha Pemurah. Orang yang derhaka pun diberi-Nya rezeki, inikan pula orang yang sabar terhadap ujian semata-mata kerana Allah. Tentu Allah memberi sesuatu yang tidak ternilai harganya, yakni syurga.

Firman-Nya:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ

Terjemahan: Sesungguhnya diberi ganjaran orang sabar dengan pahala tanpa hisab.

(Az Zumar : 10)

Jadi untuk memberi peluang pada hamba-hamba-Nya mendapat pahala sabar, maka Allah takdirkan ujian-ujian pada kita. Siapa yang sabar dan redha dengan ketentuan Allah, maka syurgalah hadiahnya. Susah payah atau kepahitan atau penderitaan yang kita tanggung dalam masa yang tidak berapa lama itu, gantinya ialah syurga yang kekal abadi. Oleh itu terimalah ujian Allah dengan sabar!

Fir-man Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.

(Al Baqarah : 153)

Ingatlah juga pesanan Rasul:

حُجِبَتِ ٱلنَّارُ بِالشَّهَوَاتِ ، وَحُجِبَتِ الجَنَّةُ بِالمَكَارِهِ.

***Terjemahan:** Sesungguhnya neraka itu dikelilingi dengan hal-hal yang sesuai dengan nafsu. dan syurga dikelilingi oleh hal-ha1 yang dibenci oleh nafsu.*

(Riwayat Bukhari Muslim)

Firman Allah:

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ۝ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ۝ أُو۟لَٰٓئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَٰتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُهْتَدُونَ

***Terjemahannya:** Dan sungguh akan kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa (pengikut)dan buah-buahan (biji-bijian) Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan: "Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepadanyalah kami akan kembali." Neraka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhannya, dan mereka itulah orang-orang yang mendapat pertunjuk.*

(Al Baqarah: 1.55 157)

Itulah di antara hikmah yang besar yang diperolehi dari ujian-ujian. Yang semuanya membawa faedah kepada kita sama ada di dunia atau akhirat. Oleh itu, bila terjadi sesuatu musibah atau ujian kesusahan, kegagalan, penderitaan tekanan dan lain-lain daripada musuh kita terutamanya, tidak bolehlah kita terus melatah, melenting, hilang pertimbangan, susah





Keseragaman dan keselarasan dalam memperjuangkan Islam dapat dilihat dan diukur daripada amalan lahir. Jika dari segi cakap, sikap,pakaian dan lain-lain masih berbeza... sudah tentu hati dan matlamat perjuangan juga berbeza.

hati atau kecewa. Maknanya tidaklah boleh kita rasa marah, geram, benci, dendam, sakit hati, dengki dan busuk hati dengan musuh. Jangan kita ikutkan nafsu jahat kita itu. Maknanya tidak bolehlah kita mengamuk, memaki, membalas perbuatan musuh dengan menuduh-nuduh, mencerca menunjuk perasaan, memfitnah, menyalahkan musuh dan lain-lain akhlak yang buruk lagi. Bukan cara itu Islam mengajar kita menghadapi musuh. Bukan dengan cara itu pejuang Islam hendak memerangi musuh dan bukan cara itu perjuangan tmtuk menegakkan hukum-hukum Allah hams dilaksanakan.

Ketahuilah bahawa sekiranya kita sudah terlajak dengan perbuatan yang tidak patut itu, ertinya kita sudah ditipu lagi oleh musuh batin kita, iaitu nafsu dan syaitan. Niat baik kita untuk tegakkan agama Allah di bumi ini telah diselewengkan dengan mengilhamkan satu teknik perjuangan yang sangat menyimpang dari ajaran Islam. Satu kaedah yang boleh menjatuhkan maruah dan nilai jemaah Islam di mata masyarakat. Apa tidaknya? Bukankah dengan menuduh-nuduh tanpa periksa, menunjuk-nunjuk perasaanberang dan panas baran yang buruk, membakar-bakar patung dan meracau-racau tidak tentu hujung pangkal terhadap musuh dalam cakap atau tulisan, akan membuatkan orang benci dengan kita. Kepuasan hati kita dengan melakukan semua itu sebenarnya membuat orang menilai yang kita ini tidak matang, emosional, pemarah, berakhlak buruk suka mengata orang, memecah belah dan melulu.

Dengan itu orang tidak segan, tidak hormat dan tidak percayakan kita. Orang tertanya-tanya kenapa pejuang Islam cakap tidak serupa bikin, suka mengata, emosional dan keras kepala? Hasilnya orang tidak simpati dengan perjuangan kita, orang tidak percaya kita dan orang lari dari jemaahkita. Kecuali golongan fanatik, yang melulu beri komitmen secara emosional kepada kita.

Islam adalah agama fitrah. Ajarannya sesuai dengan naluri semulajadi manusia. Sebab itu Islam tidak ajar kita

suka marah-marah dan suka menyalahkan orang ikut sedap nafsu kita. Siapa pun tidak akan suka cara itu. Orang akan lari dari kita.

Adakah sejarah Rasulullah SAW dan para sahabat menceritakan bahawa mereka itu menyalahkan musuh, mencerca dan mengumpat apabila dirasanya musuh tidak bantu mereka atau tidak merestui perjuangan mereka? Kalau tidak maka ketahuilah bahawa perbuatan kita menyalahkan orang lain, suka mengumpat orang yang tidak seperjuangan dengan kita, menuduh saudara se-Islam sebagai alat musuh atau tuduh kafir atau menghina-hina pihak lawan di atas pentas, dalam kuliah-kuliah kita di hadapan ratusan manusia lain, itu bukan ajaran Islam bahkan terkutuk di sisi Islam. Menganggap kita pejuang yang benar kemudian mengecil-ngecilkan orang lain, menolak pandangan dan nasihat yang baik dari orang lain adalah termasuk penyakit ujub dan takabur yang sangat dibenci dan dimurkai oleh Allah S.W.T. Mengaku kitalah pemimpin ummah, kitalah kumpulan tajdid hadhari, sedangkan hakikatnya kita belum buat apa pun. Malah lahir dan batin kita lebih kurang sama dengan orang-orang yang dipanggil musuh itu (cuma berbeza dari orang lain dari segi tempikan dan cakap-cakap kita sahaja). Itu adalah sikap melulu dan mengada-ngada yang boleh membuatkan orang tertawakan kita.

Macam-macam lagi sebenarnya langkah atau tindakan pejuang Islam hari ini yang kalau dihalusi, kita akan lihat men&a sendiri yang menjatuhkan diri mereka. Itulah akibatnya kalau mengambil Islam hanya satu sudut tetapi menolak sudut-sudut yang lain sedangkan kita mengetahui.

Sepatutnya bila Allah uji kitamelalui musuh-musuh kita, apa yang mula-mula terfikir ialah, "Tentu kita berdosa. Sebab itu Allah hukum kita dengan ujian ini." Dengan kata lain, "Sebab ada dosalah maka Allah tidak tolong kita dan dibiar-N ya pada musuh. ' '

Selain daripada itu ujian juga bererti latihan melawan

nafsu-nafsu yang jahat supaya kita dapat mencapai peringkat nafsu yang baik, sebagaimana yang dihuraikan di awal bab ini. Seterusnya terimalah ujian dengan melihat hikmahnya. Bukannya dengan mencerca dan menuduh-nuduh musuh atau siapa juga yang jadi sebab atau perantaraan dalam ujian itu.

Orang yang menyalah-nyalahkan musuh atau menyalahkan orang yang menyebabkan dia teruji itu telah buat kesilapan besar. Sebab yang sebenamya bukan orang itu yang hendak susahkan kita, tetapi Allah. Allah yang hendak uji kita, menggunakan orang itu sebagai perantaraan. Kalau begitu, bukan “orang tengah” yang salah tetapi tanyalah Allah kenapa Dia uji kita. Tapi ingat, jangan pula salahkan Allah. Maha Suci Allah dari bersalah. Ujian yang ditimpakari kepada kita penuh kebaikan dan hikmah yang faedahnya adalah untuk kita, bukan untuk Allah dan bukan juga untuk “orang tengah” yang jadi sebab atau perantaraan ujian itu.

Bandingan tentang hal ini begini:

Guru besar arahkan ketua murid rotan seorang murid yang telah melakukan kesalahan. Maka ketua murid pun terus pergi dan merotan budak itu. Apa reaksi murid yang kena rotan itu? Kalau dia budak yang baik, yang kesalahan itu bukanlah disengajakan, maka pukulan itu akan membuatkan dia terfikir, inilah hukuman kepada kesalahanku. Moga-moga lain kali aku tak buat lagi. Itulah murid yang cerdik, tahu hikmah di sebalik rotan tadi. Tapi murid yang sengaja melakukan kesalahan itu, maknanya dia memang hendak buat kesalahan itu (walaupun dia tahu perkara itu tidak baik) bila kena rotan, dia akan dendam dengan ketua murid yang merotannya. Dia akan bertindak balas dan akan bermusuh dengan ketua murid itu.

Soalnya, benarkah sikapnya itu? Bukankah arahan rotan itu dari guru besar? Ketua murid hanya jalankan arahan. Dia pun tidak tahu menahu tentang murid yang dirotan itu. Siapa yang salah sebenarnya? Guru besar? Tidak. Dia hanya

menjalankan keadilan. Orang salah mesti dihukum. Ketua murid? Tidak. Dia cuma melaksanakan arahan. Kalau begitu sebenamya yang bersalah ialah murid tadi, sebab dia telah buat salah. Layaklah dia dihukum supaya dia beringat jangan buat lagi kesalahan yang seumpamanya. Orang salah yang tidak dihukum (kecuali dia minta maaf dan janji tidak buat lagi, dan dia dimaafkan) tidak ada jaminan yang dia tidak akan ulangi kesalahan itu. Itulah hikmah hukuman.

Demikianlah halnya kita dengan Allah. Ujian yang Allah takdirkan melalui musuhlahir atau batin atau melalui orang-orang lain, jangan sangka musuh yang hendak hukum kita (sekalipun musuh memanglah jahat dan bersalah kerana menyusahkan orang lain dan dia juga perlu dihukum) sebab hakikatnya Allah yang mahu kita diuji begitu. Janganulangi dosa-dosa kita, di samping kita atur langkah untuk menghadapi musuh. Atur langkah bukan dengan memaki hamun sampai kita terkenal sebagai orang yang suka menyalahkan orang lain, serta suka mengata orang. Atur langkah ertinya kita halang musuh. Masa Singapura dilanggar todak orang-orang sana bukannya bising menyalah-nyalahkan todak, menuduh todak jahat, (walaupun memanglah todak itu jahat) tetapi dengan senyap-senyap, orang-orang Temasik tebang pisang, angkut batang pisang ke tepi pantai, susun-susun jadi macam benteng. Bila todak melompat ke darat maka tercucuklah mulutnya yang keras dan tajam serta panjang itu ke batang pisang dan tents melekat di situ. Todak-todak itu tersangkut dan terperangkap di situ. Berjaya orang Temasik. Kejayaan itu bukan dicapai melalui sikap riuh-rendah, bertempik-tempik dan berseminar menyalahkan musuhnya. Tetapi kerana kesungguhan menebang pisang, mengangkut ke pantai dan memacaknya jadi benteng, kerana itulah senyap-senyap musuh terperangkap. Saya fikir kalaulah rakyat Temasik waktu itu datang beramai-ramai ke pantai dan tunjuk perasaan pada todak-todak itu (musuh), sampai kiamat pun mereka tidak menang. Malah mungkin mereka

mati semuanya dilanggar ikan to&k. Apa lagi dalam beikumpul itu (kalau todak faham) lagi cepat todak susun barisan untuk segera menewaskan manusia itu. Atau lagi cepat mati kalau terlalu marahkan todak, orang-orang itu terus terjun ke laut konon hendak tangkap todak. Bukannya mati sebab todak, tetapi mati ditelan laut.

Oleh itu bila terjadi ujian dari musuh kecil atau besar, di samping segera bertaubat dengan Allah atas dosa-dosa kita, aturkan juga strategi untuk tewaskan musuh. Antara strategi yang sesuai dan munasabah bagi kita ialah dengan melawan idelogi musuh melalui ekonomi, politik, pendidikan, pelajaran, mass media, kebudayaan dan lain-lain. Ertinya kita tidak terima akidah mereka dan apa jua dari musuh, kita tidak terima. Sebabkita ada sistem tersendiri, iaitu Islam! Kita ada wahyu dan hadis nabi, kita ada Quran dan sunnah, hatta pakaian mereka pun jangan kita tiru Biar musuh terbeliak mata lihat keberanian kita. Kita buat ekonomi Islam, pendidikan Islam, budaya-budaya tamadun Islam, mass media Islam dan lain-lain lagi. Bahkan rumah kita, kita tidak susun macam musuh susun rumah mereka. Kita guna cara Nabi susun rumahnya.

Dengan cara itu rnusuh akan pening kepala dengan kita. Bahkan mungkin dia takut dan kecewa dengan kita. Lihat kembali sejarah kenapa Yahudi gulung tikar bantal lari meninggalkan Madinah. Iaitu hanya bermula dari sebuah pasar yang dibangunkan oleh Sayidina Abd. Rahman bin Auf atas perintah baginda Rasulullah. Umat Islam bertumpu ke pasar itu saja dan memulaukan perniagaan Yahudi. Bila orang Madinah ramai yang peluk Islam, tiada siapalagi yang hendak membeli di kedai Yahudi. Akhirnya ‘bankrup’ dan tutup. Maka berangkatlah Yahudi keluar dari situ dengan dendam yang diwarisi hingga kiamat.

Kenapa kita tidak buat begitu kepada mereka yang halang kita (musuh)? Bukankah kita tidak takut pada siapa pun kecuali pada Tuhan?

4


Di Mana Silapnya Jemaah Islam

DENGAN kehendak Allah saya yang dhaif ini telah bermusafir (hampir) ke seluruh dunia khusus untuk menyaksikan jemaah-jemaah Islam yang sedang bergerak di tiap-tiap negara di sana. Di samping itu dapatlah juga saya perkenalkan Darul Arqam (Jemaah Muhammadiah) kepada dunia. Antara negara-negara yang telah saya tinjau, yang setengahnya telah lebih 10 kali, untuk mengisi program dakwah dan ziarah di sana ialah Amerika Syarikat, England, New Zealand, Australia, Sepanyol, Kuwait, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Maghribi, Tunisia, Turki, Syria, Iraq, Iran, Pakistan, Sri Lanka, Jepun, Brunei, Hong Kong, Indonesia, Thailand, Singapura dan paling lama -di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

Telah saya saksikan dengan mata kepala sendiri, dengan mendapat penerangan langsung dari penggerak-penggerak Islam di sana atau melalui risalah-risalah yang mereka berikan, mengenai badan-badan Islam dan aktiviti-aktivitinya di tiap-tiap negara di atas. Maka fahamlah saya masalah-masalahpejuang Islam akhir zaman ini dan dari situ nampaklah oleh saya punca-punca timbulnya masalah itu serta jalan-jalan penyelesaiannya, insya-Allah.

Di sini ingin saya katakan bahawa persoalan ini juga adalah sama dengan persoalan yang dihadapi oleh jemaah-jemaah Islam di Malaysia tennasuk jemaah pimpinan saya, Darul Arqam. Biarlah perbincangan ini lebih ditumpukan kepada kita di Malaysia kerana saya dilahirkan dan dibesarkan






Pemimpin dan pemgikut mestilah diikat oleh pertautan hati bukan semata-mata penyatuan fikrah. Tegaknya sesebuah jemaah adalah atas tegaknya peribadi pemimpin. Bukanlah dinamakan sebuah jemaah Islam yang kuat jika pemimpin boleh ditukar-ganti menurut selera, gelombang semangat dan undi pengikut-pengikut.

2. Akhlak para pejuang jauh menyimpang dari akhlak Islam, akhlak Rasulullah. Walhal akhlak itulah nilai diri Akhlak yang baik umpama bunga, yang ada daya penarik untuk membuatkan manusia jatuh hati dcngan kita. Sedangkan akhlak buruk umpama najis yang mana semua manusia menolaknya Pejuang Islam terkenal dengan watak pemarah, tamak, haloba, bakhil, suka mengumpat, sombong, angkuh, memandang rendah pada orang bawah, tidak bergaul kalau bukan setaraf, menghina-hina orang, menuduh-nuduh, suka bertengkar dan menyinggung perasaan orang, tidak akui kebaikan orang lain, seolah-olah kita sahaja yang baik. Oleh scbab itulah ukhwah sesama scndiri pun longgar malah berkecai.

3. Dalam hal mencan mzeki, kita masih mengutamakan rezeki yang banyak, tanpa menghalusi soal-soal syubhat atau haram, riba dan lain-lain.

4. Pemimpin-pemimpin tidak bersungguh-sungguh memimpin dan mendidik ahli dan membiarkan mereka dengan cara hidup dan kehidupan sendiri. Tidak dikawal dengan disiplin syariat serta tidak difikirkan kebajikan ahli. Apa yang dititikberatkan sangat ialah ceramah politik dan menanam semangat yang berapi-api (panas) untuk Islamkan Malaysia, yakni hendak potong tangan pencuri dan hendak rejam penzina dan hendak hentikan kejahatan kerajaan. Maka orang ramai pun marah dengan kerajaan bahkan dianggap musuh. Walhal mungkin ada yang dituduh. kafir itu sembahyangnya lebih baik dari yang menuduh. Mungkin pihak yang dituduh tidak kuat mengumpat macam yang menuduh.

Dalam pada itu kehidupan pemimpin tidak memberi contoh yang baik pada pengikut dan segi pengamalan Islamnya. Sebab itu hubungan pengikut dan pemimpin longgar. Tiada kasih sayang sejati antara mereka. Pautan hati hanya kerana mereka sanggup mengundi di waktu pilihanraya. Sebab itu-



Sayidatina Fatimah Az Zahra terkenal zuhud dan malunya kepada lelaki yang bukan muhram. Sebaik-baik wanita ialah lelaki tidak dapat melihatnya dan dia tidak melihat lelaki.



Wanita adalah tiang negara. Medan perjuangan yang utama baginya ialah di rumah, untuk berkhidmat kepada suami sebagai isteri dan mendidik anak-anak sebagai ibu. Tapi apa akan jadi jika wanita lebih menumpukan kerjanya di luar rumah? Maka porak-perandalah rumahtangga dan ini akan merosakkan kestabilan sesebuah masyarakat.

6. Kaum ibu, para isteri yang kononnya menjadi tiang negara, tiang jemaah, penegak perjuangan fisabilillah, tetapi urusan dalam rumah punbelum dapat diselesaikan mengikut syariat Allah. Taat pada suami dengan erti kata menyerah diri bulat-bulat terhadap arahan suami dan kehendak suami, tidak berlaku. Sebaliknya mereka pula yang hendak ajar suami. Bertengkar dengan suami hingga mencacatkan hati suami menjadi perkara biasa. Layan suami atau bermanis muka dengan suami ikut 'mood' saja. Sewaktu dia berselera, dia layanlah. Tetapi kalau dia tidak suka jenuhlah suami memujuk rayu, ditengkingnya suami! Apalagi kalau isteri itu taukeh atau boss atau pekerjaluar rumah seperti guru atau kerani, masya-Allah! Srikandi setiap hari membina neraka dalam rumahnya. Poligami jangan disebut! Rumah pun mahu dibakamya nanti. Suruh berhenti kerja dengan taghut pun dia melatah dan melenting. Kenapa saudari lebih suka bekerja di luar rumah sedangkan di rumahlah gelanggang perjuangan wanita solehah? Itulah kehendak Allah. Mana bukti yang saudari cintakan Allah dan Rasulullah serta cintakan tertegaknya hukum Allah? Nampaknya saudari gilakan dunia hingga lupakan akhirat yang indah. Saudari ikutkan nafsu hingga lupa pada perintah Allah.

Kalau ini semua tidak dapat dibuang dari diri, usah fikirlah untuk selamatkan negara Malaysia, diri saudari pun belum selamat. Apa dirisau kerajaan tidak menjalankan Islam sedangkan kekejaman kita dalam rumah sendiri dan tethadap suami lebih dari itu. Kalau saudari tidak bertaubat jangan likir Allah akan selamatkan saudari dari neraka-Nya.

Sudahkah saudari selesaikan empat perkara penting ini: Sembahyang, puasa, menjaga maruah dan taat suami?

Ingatlah sabda Rasulullah:

اذا صلّت المرأة خمسها وصامت شهرها
وحصنت فرجها وأطاعت زوجها قيل لها

أُدْخُلِى الْجَنَّةِ مِنْ أَيِّ الأَبْوَابِ شِئْتِ

Terjemahan: Manu-mana perempuan yang melakukan sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga maruahnya dari yang haram dan mentaati suaminya, maka dipersilakan dia masuk ke dalam syurga dari pintu mana saja yang disukainya.

(Riwayat Ahmad)

Itulah perjuangan saudari yang utama. Yakni cuba mencontohi isteri-isteri Rasulullah dan salafussoleh dalam ibadah mereka akhlak mereka, pengorbanan mereka hingga sanggup dimadukan, layanan dan ketaatan pada suami hinggakan suami merasa dia ada syurga di dunia dengan bidadari-bidadari dunia yang membelainya penuh cinta. Itulah upah untuk suami terhadap jihad dan pengorbanannya di jalan Allah, di dunia. Manakala di akhirat, Allah akan serahkan syurga pada saudari, suami isteri. Pengorbanan bagai Siti Khadijah, habis dilabur hartanya untuk jihad fisabilillah.

Itulah kesilapan peribadi kita. Kesilapan yang kita buat terhadap Allah SWT yang menyebabkan Allah murka dan benci pada kita. Sebabitu pertolongan Allah tidak tiba-tiba. Tapi pelikdan kasihan sekali. Kita pejuang Islam tidak sedar dan tidak mahu akui kesilapan ini. Seolah-olah itu bukan hukum Allah. Seolah-olah itu bukan dosa dan bukan taghut. Sebab itulah kita terus-menerus dari dulu hingga sekarang menghina orang lain sebagai taghut. Terutamanya orang yang tidak bertempik dan herslogan seperti kita yang kononnya hendak tegakkan negara Islam.

Sebenamya taghut (syaitan) bukan mengganggu hal-hal kenegaraan saja. Siapa saja yang tidak bertaqwa pasti jatuh ke tangan taghut, sama ada pada diri, dalam rumahtangga, dalam cara kita bekerja, berhadapan dengan pendidikan,



Kenapa tidak tegakkan ekonomi, pertanian, perubatan, massa-media, pendidikan, kampung-kampung Islam dan lain-lain amalan makrufat? Jawabnya: Kerana nak tegakkan negara Islam dahulu..... Apakah alasan ini dapat diterima? Apakah hanya ada kuasa memerintah barulah semua itu dapat dilaksanakan? Mustahil!!!

ekonomi, dalam pergaulan, waktu kenduri, waktu berkelah dan dalam jemaah Islam sendiri. Bahkan boleh ada dalam poket kita atau dalam sembahyang kita atau waktu berhubung suami isteri. Tegasnya siapa yang tidak menjalankan syariat Allah samada dalam negara, dalam jemaah Islam apalagi dalam diri sendiri, bererti dia berjuang fisabilit taghut.

Kalau begitu, kenapa kita salahkan musuh saja? Diri kita pun banyak salah lagi dengan Allah. Diri kita pun belum selamat lagi, kenapa risaukan nasib orang lain? Kita pun masih macam taghut, kenapa taghutkan orang lain? Cuma taghut kita lain bentuknya, mungkin bentuk monyet dan orang lain itu taghutnya mungkin macam harimau. Ertinya kita sama-sama belum bertaqwa. Maka tiada siapa yang lebih mulia antara kita.

Akuilah hakikat ini. Selesaikanlah masalah kita. Berjuanglah dengan diri, dengannafsu dan syaitan sebelum berjuang dengan taghut yang ada di luar diri kita itu. Selagi kita pun memhela taghut mustahil kita boleh mengalahkan taghut. Allah tidak akan bantu kita. Sebab kalau kita menang dan Malaysia jatuh ke tangan kita pun, kita tidak akan boleh buat lebih baik dari apa yang ada.

Berapa ramai pemimpin yang naik dengan menjatuhkan pemimpin yang disangkanya tidak betul, tetapi tetap tidak boleh buat lebih baik dari yang sehelumnya. Dua kali lima juga. Sama-sama mencari kepentingan diri dan rumahtangga. Kecuali orang yang bertaqwa! Yang hatinya boleh mengawal diri dari rasa takabur, dengki, gila dunia, bakhil, tamak, dendam, pemarah, mengumpat, ujub, riak, gila pangkat, gila kuasa, gila puji dan lain-lain lagi. Yang ibadahnya, sembahyangnya menjadi pencegah keji dan mungkar. Yang fanatik. dengan sunnah, hingga hidupnya dijadikan betul-betul macam Quran dan sunnah, tawaduk, zuhud, warak, pemurah, penyayang, pemaaf, hubbullah, sabar, tawakal, takut dosa, rindu syurga, berani menegakkan hak Allah, hingga nyawa jadi tebusan. Tegasnya mereka adalah ruhban

(rahib) di malam hari dan singa Allah di siangnya.

Orang begini walau lombong emas atau hutan balak di-umpan, namun dia tetap tinggal dalam rumah sederhana dan makan ala kadar. Barulah dia boleh tadbir dunia. Barulah dia tidak ditipu oleh dunia. Barulah dia tidak rebut kerusi, tidak rebut lebih dari itu, tidak rebut jawatan atau gaji. Barulah aman dunia ini dari krisis! Apakah kita pejuang Islam merasa sudah berada di taraf dan di maqam ini?

KESILAPAN DALAM JEMAAH

Sesudah menyenarai dan menghurai kesilapan peribadi kita, maka izinkan saya menghuraikan pula kesilapan pada jemaah kita. Dan seperti tadi, perkara-perkara ini juga berlaku di Malaysia khususnya dalam jemaah Darul Arqam dan berlaku juga dalam jemaah-jemaah Islam lain di negara-negara di dunia:

1. Tiada kekuatan perpaduan atau jalinan kasih sayang yang kukuh antara ahli-ahli dalam jemaah sedangkan kekuatan perpaduan adalah benteng yang kukuh dan teguh untuk kekuatan jemaah itu sendiri. Sabda Rasulullah SAW:

اَلْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفُرْقَةُ عَذَابٌ.

Terjemahan: Bersatu padu itu rahmat, berpecah belah itu azab. *(Riwayat Baihaqi)*

Satu jemaah yang ahlinya bersatu padu jauh bezanya dengan jemaah yang ahlinya berpecah belah dan berkrisis. Jemaah yang bersatu padu boleh membangun sedangkan yang berpecah belah tiada satu projek pun dapat dijayakan. Masing-masing ada kepentingan sendiri, tidak mahu menerima pendapat orang lain dan tidak boleh saling bekerjasama. Musuh pun boleh memperalat sebahagian ahli-ahlinya untuk jatuhkan ahli yang lain. Bahkan ketuanya pun boleh dijatuhkan.



Tadika Islam untuk mendidik anak-anak yang kemudiannya dilanjutkan kepada sistem tarbiah Islam di peringkat sekolah rendah, menengah, maktab dan jamiah (universiti) . Sistem yang menghasilkan pelajar yang berdikari dan menjadikan perjuangan Islam sebagai kerja seumur hidup. Bukan semata-mata untuk makan gaji demi kepentingan diri semata-mata.

2. Tiada kekuatan ekonomi kerana tidak ada projek-projek ekonomi yang lengkap, teratur dan mantap. Oleh itu peluang-peluang keja untuk ahli tidak ada. Dan lebih penting dari itu ialah, tidak ada sistem ekonomi Islam selaku sistem ekonomi contoh. Dan kalau ini tidak ada, apa persediaan kita nanti untuk membangunkan sistem ekonomi Islam dalam negara atau dunia ini, sekiranya Allah kehendaki kita betbuat begitu nanti?

3. Tidak ada perancangan dan program latihan kader tmtuk ahli serta generasi pelapis, melalui dasar pendidikan Islam yang dinamis dan praktikal. Kalau ini tidak ada, dengan apa lagi kita boleh selaraskan jiwa, pemikiran, ilmu, sikap dan pandanganhidup antara ahli-ahli? Sedangkan faktor keselarasan itu adalah penentu kepada kelicinan gerakan jemaahitu. Jemaah yang ahli-ahlinya tidak selaras dan tidak sefahaman akan jadi bercelaru dan tidak terkawal. Masing-masing ada cara tersendiri maka masing-masing ambil sikap tersendiri, seolah-olah kapal yang ada dua tiga nakhoda.

Sistem latihan kader amat penting supaya ahli jemaah dicetak untuk jadi satu dan padu, supaya perjuangan itu bersambung oleh generasi penggantinya. Jemaah yang ahlinya tidak dicanai oleh satu kaedah pendidikan dan pembelajaran yang sama akan terumbang-ambing oleh pembahan pandangan yang silih berganti oleh pertukaran pemimpin yang naik dan turun. Selarna-lamanya jemaah itu berada dalam mencari-cari dasar perjuangan dan teknik pendekatan yang sebenar. Dan ia tidak boleh pergi lebih jauh dari itu.

Jemaahbegini sampai bila pun tidak boleh buat kemajuan dan usaha-usaha praktikal yang dipelbagaikan dari masa ke semasa. Kalau ini tidak berlaku, apalah dibanggakan pada ahli yang ramai dalam jemaah itu, cakap tidak serupa bikin!

4. Tidak ada alat sebaran am atau media massa yang berfungsi sebagai penyambung lidah perjuangan, supaya

mesej perjuangan itu sampai kepada masyarakat di seluruh pelusuk dunia. Yakni alat seperti video, filem slaid, buku, majalah, akhbar, risalah carta-carta poskad, kad ucap selamat dan lain-lain bentuk media yang dapat dijadikan alat penyebar mesej perjuangan kita. Bahkan bidang seni suara, puisi, lakonan serta perfileman juga kalau boleh dicorakkan dengan Islam, yang boleh mendidikiman dan mendorong perlaksanaan Islam, maka lebih cepatlah mesej itu sampai pada masyarakat.

Cuba kita lihat bagaimanan cara Yahudi mendidik umat Islam supaya jadi macam mereka. Segala apa yang boleh, nescaya dilakukan untuk menyampaikan apa yang mereka mahu sampaikan padaumat Islam, dengan daya tarikan yang mempesonakan, hingga hasilnya jadilah orang Islam namanya saja Islam tetapi perangainya betul-betul macam Yahudi atau Kristian.

Kenapa kita tidak buat begitu? Kenapa kita berdakwah dengan gigi dan lidah sahaja. Dengan pengikut yang begitu ramai takkanlah tidak ada pakar odio video untuk videokan mesej kita. Tunjukkan pada masyarakat apa yang kita mahu. Pakaian, makanan, cara hidup, caraibadah, sistem ekonomi, corak pendidikan, klinik dan hospital dan lain-lain yang. betul-betul ikut Quran dan Sunnah. Jadikan media kita sebagai posmen yang menghantar hasrat kita kepada masyarakat. Bila masyarakat tahu, faham dan yakin, dengan sendirinya mereka bangunkan Islam dan turut memperjuangkannya.

Itulah tujuan media massa. Fungsinya sungguh penting dalam mencorakkan fikiran dan jiwa umat. Akan tetapi hari ini, jemaah Islam jadikan media mereka untuk mengata-ngata dan menakut-nakutkan musuh. Juga untuk mendatangkan rasamarah pembaca, atau pada orang yang dihentamnya itu. Yang hasilnya membuatkan orang bergaduh. Berjayalah musuh menipu pejuang Islam. Yakni 'media mereka bukan tmtuk mendidik dan membangun budaya hidup Islam tetapi boleh memecah belah. Kalau ada pun tarbiahnya tetapi tidak lebihdari saranan-saranan atau teori yangbegitu rumit, yang

pejuang Islam pun belum boleh buat, bagaimana pembaca hendak buat atau hendak ikut?

5. Tidak banyak menyumbang khidmat untuk masyarakat, sedangkan cara terbaik untuk ambil hati masyarakat ialah menyumbang sesuatu pada mereka. Tetapi itulah yang tidak ada pada badan Islam. Walhal orang Kristian, mereka mengeluarkan berjuta-juta ringgit khas untuk kebajikan dan rawatan kepada masyarakat. Hingga kerana itu setengah masyarakat Islam suka pada mereka, lebih dari suka mereka kepada mubaligh Islam.

Pejuang Islam kalau kita tanya kenapa tidak wujudkan badan kebajikan, klinik dan hospital, dijawabnya: Itu perkara remeh-temeh, kita mahu negara! Begitulah pandangan perjuangan orang Islam. Dengan yang hebat tetapi tidak strategik

Hendak dapat negara Islam bukankah ertinya hendak dapatkan orang-orangnya sekali? Kalau dapat negara tetapi orang semua benci kepada kita dan perjuangan kita, apa maknanya? Jangan-jangan negara pun terlepas semula. Jadi kalau hendak ambil hati orang kenalah atur strategi. Buktikan dulu pada masyarakat yang kita boleh bela mereka, kita boleh jaga keperluan mereka, kalau kitadimintamemerintah mereka barulah ada bukti. Tanpa bukti dengan apa orang boleh percayakan cakap-cakap kita. Bahkan orang boleh sangka, entah-entah puak ini gila kuasa dan kalau memerintah belum tentu membawa keuntungan pada kita. Kalau masyarakat masih tertanya-tanya tentang kita, jangan mimpi hati mereka akan diberinya pada kita. Sebab itulah undi kita makin kurang dan terns berkurang.

Atas dasar inilah saya tegaskan bahawa berusaha untuk berkhidmat pada masyarakat melalui badan-badan kebajikan, rawatan-rawatan kesihatan melalui klinik dan hospital, mengeluarkan bahan-bahan makanan Islam, membuka peluang sekurang-kurangnya untuk ahli-ahli, belajar, berkursus kerja dankahwinsertabiasiswaadalahpentingdansangatstrategik.

Jika ini tidak ada, masyarakat umum bukannya hendak pandang kita, sebab rasa prejudis pada Islam sudah kukuh dalam fikiran mereka, lebih-lebih lagi dilihatnya kita selalu berkrisis dan kuat kata-mengata dan menuduh sesama Islam.

6. Bucuk pimpinan tidak mengeluarkan buku panduan untuk anggota jemaah. Hinggakan ahli sendiri tidak tahu apa sebenamya dasar perjuangan, teknik pendekatan, cara dan matlamat perjuangan. Ertinya pejuang-pejuang Islam tidak tahu secara tepat dan menyeluruh tentang tugas mereka. Masing-masing buat apa yang mereka fikir hendak buat. Bila buku perlembagaan tentang undang-undang dan strategi perjuangan tidak ada, masyarakat tidak akan nampak bagaimana bentuk negara Islam yang dilaung-laungkan itu. Bila tidak faham, mereka boleh andai-andaikan kemungkinan buruk kalau kita jadi ketua negara. Apalagi dilihatnya waktu belum memerintah, belum menang, bar-u rasa-rasa hendak menang sudah tunjuk sombong berarak-arak, bertempik dengan motosikal berderum deram. Orang jadi takut dan benci. ' 'Kalau begini, tak boleh haraplah nampaknya. Kerajaan yang ada sekarang buruk-buruk pun boleh juga tumpang di sudut-sudut tertentu. yang ini belum tentu lagi. Entahkan lebih teruk."

Sebab itulah undi kita kurang. Jangan salahkan orang, salahkan kita sendiri.

Saya teringat kisah bulan Julai yang lalu (1988) ketika rombongan saya ke Korat, Thailand menggunakan dua buah kereta Malaysia. Di dalam sebuah kedai makan kami didatangi oleh dua orang polis Thai berjawatan tinggi beruniform.

"Dari mana?" Tanya mereka berbahasa Thailand.

"Malaysia." Jawab kami.

"Kami fikir kamu orang Iran." (Sebab pakaian kami lebihkurangmacam Iran). "Kamibimbangkankeselamatan kamu, sebab rakyat Thailand tidak suka orang Iran, mereka



Islam disampaikan dengan penuh kasih sayang dan akhlak yang indah. Jika ini dpat dibuat sungguh-sungguh nescaya ramai anggota masyarakat akan kembali kepada Islam termasuk anggota pasukan keselamatan, polis dan tentera.

boleh buat sesuatu pada kamu kalau mereka fikir kamu orang Iran. ' '

Polis itu bercerita sambil senyum mesra, walhal tadi mukanya menakutkan. Sebelum pergi mereka berkata lagi.

' 'Kami akan arahkan semua stesyen polis menjaga keselamatan dan menjaga dua buah kereta kamu."

Mereka pun pergi dan kami kehairanan. Begitu sekali jatuhnya imej Iran di mata dunia. Kenapa? Tidak lain tidak bukan kerana mereka kasar. Orang takut dan benci. Keselamatan mereka di negeri asing tidak terjamin.

Begitulab hakikatnya. Kita tidak mampu menahan orang hendak takut pada kita. Tetapi kita boleh ubah sikap kita supaya orang suka. Kalaulah jemaah Islam bercakap saja tetapi tidak beri 'guide line' dan contoh yang baik, tidak mustahil orang benci dan takut pada kita, macam orang takutkan Iran

7. Tidak ada pengurusan yang praktikal mengenai perkahwinan anggota jemaah. Kerana itu, tidak berlakulah pertambaban keluarga dan pertambahan penduduk secara tersusun danberterusan dalam sesebuah jemaah. Sedangkan melahirkan generasi pewaris perjuangan adalah melalui proses perkahwinan antara ahli-ahli yang sama-sama terdidik adalah sangat penting. Sebaliknya jika berlaku perkahwinan yang bercampur-aduk antara pasangan yang mempunyai berbagai pemikiran dan pegangan yang berbeza akan menganggu kesefahamaan dan keselarasan dalam menilai dan bertindak, demi meneruskan perjuangan di masa yang akan datang.

Di samping itu tidak adanya pengurusan perkahwinan membuatkan ramai andartu dalam jemaah. Andartu adalah satu masalah masyarakat. Kalau jemaah tidak selesaikan nanti wanita itu akan berkahwin dengan orang yang di luar jemaah yang tidak faham perjuangan dan dengan sendiri prinsip perjuangan leburdek perkahwinan Kalau itu dibiadcan

kita akan kehilangan ramai ahli serta anak-anak yang bakal mereka lahirkan. Isteri-isteri pejuang Islam masih sama dengan isteri-isteri pihak lawan, sama-sama tidak izinkan suami berpoligami. Mereka lebih mementingkan diri dari nasib jemaah Islam.

8. Pertanian sebagai satu sumber ekonomi dan peluang kerja untuk anggota jemaah tidak langsung diperjuangkan. Hingga kerana itu jemaah Islam miskin dan ahli-ahlinya terpaksa bekerja dan terlibat dengan sistem taghut. Apakah inipun hendak tunggu dapat negara? Bukankah sementara menunggu itu eloklah dimulakan dulu aktiviti-aktiviti yang menguntungkan jemaah dan ahli-ahlinya. Kalau dapat negara, teruskan saja. Kalau tidak dapat pun kita sudah ada negara kecil sendiri, hidup berdikari.

Begitulah sebahagian daripada kelemahan dan kesilapan jemaah Islam di dunia kini. Yakni kurang aktiviti atau langkah-langkah praktikal untuk melaksanakan sistem Islam yang dilaung-laungkan itu. Dari dulu hinggalah sekarang, secara umum aktiviti mereka hanya yang itu juga; forum, muktamar, usrah, bentang kerta kerja dan khemah ibadah. Pendek kata baru aktiviti bercakap, sedangkan Allah suruh berbuat.

Firman-Nya yang bermaksud:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ

Terjemahan: Sangat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu cakapkan apa yang tidak kamu lakukan.

(As Saf : 3)

Konon katanya kuasa bukan dalam tangan kita. Untuk menjawab, saya ingin bertanya menggunakan satu tamsilan.

Katalah kita berada dalam satu rumah tetapi rumah itu bukan rumah kita. Namun kita ingin sangat mentadbir

rumah itu (termasuk orangnya) dengan cara yang kita rasa lebih baik dari pentadbiran yang sedia ada. Apa langkah yangbaik untuk menjayakan cita-cita kita itu? Adakah terus mengecam tuan rumah, minta diserahkan kuasa tadbir supaya kita dapat mentadbirnya dengan lebih baik? Atau kita cuba cari keyakinan tuan rumah atau ahli-ahli rumah dengan menunjukkan sikap yang baik serta kerja-kerja yang memuaskan dan memberi faedah kepada ahli rumah. Bila orang sudah percaya serta yakin dan kita juga sudah bersedia dengan alat-alat kelengkapan untuk pentadbiran baru yang kitarancangkan, waktuitu barukitacadangkan. Atau adakah tepat kita mengutuk-ngutuk tuan rumah dan orang-orang di dalam rumahnya hingga bergaduhlah kita dengan mereka? Can-t itukah, dan dasar itukah yang kita harapkan?

Secara waras saya katakan, orang yang tunggu hendak negara, hingga tidak tegakkan apa-apa pun hukurn Allah sekalipun hukum-hukum yang boleh dibuat tanpa kuasa memerintah, itulah mereka yang menyorokkan ayat-ayat Allah. Mereka sengaja mengelak dengan hujah itu dan ini, supaya beban perjuangan itu tidak terpikul di bahu mereka. Mereka tidak sedar bahawa itu membuatkan orang tidak yakin kalau mereka dapat kuasa, mereka sanggup pikul beban rakyat dan menyelesaikannya dengan adil. Kalau dalam jemaah yang kecil pun kita tidak bertanggungjawab, bagaimana kita boleh memikirkan masalah dan menyelesaikan masalah jutaan manusia dalam sebuah negara?

Saya bukan tidak setuju dengan usaha-usaha hendak dapatkan kuasa memerintah ini. Walaupun saya sendiri. tidak berkeinginan begitu, bukan cara sedemikian untuk mengembalikan manusia pada Allah dan Rasul. Apa yang saya bimbangkan sangat ialah sekiranya dapat negara sekalipun tetapi lahir batin kita tidak bersedia, negara itu akan terlepas semula atau akan hancur di tangan kita.

Sejarah ini sudah berlaku di negara-negara jiran dan di setengah negeri di negara kita. Untuk apa kita ulangai

sejarah pahit itu. Untuk apa kita bawa rakyat jelata ke satu cita-cita yang kosong, yang semua itu merosakkan dan mengecewakan kita, dirosakkan dengan pandangan perjuangan yang palsu dan kosong. Hingga mereka mengutuk sesama Islam, bergaduh sesama sendiri dan menanti sesuatu yang tidak kunjung tiba. Wang rakyat sudah kita gunakan untuk perkara-perkara yang tidak sedikit pun memberi faedah pada mereka Mereka terus tenggelam dalam kejahilan dan berangan-angan. Iman dan Islam tidak pun mereka perolehi untuk mereka baiki dan menyelamatkan'diri mereka dari kehinaan di dunia dan azab neraka. Sedangkan, mereka kian hari kian tua dan hanya menunggu hari mati. Kenapa begitu kejam hati kita terhadap mereka. Mengapa kita bohongi mereka dengan menyatakan kita tidak boleh buat apa-apa selagi kita tidak dapat kuasa?

Sistem ekonomi kapitalis yang merancang dan membentuk masyarakat Malaysia kini adalah dibangunkan oleh orang-orang yang satu ketika dahulu tidak ada kuasa memerintah. Kenapa sistem ekonomi mesti tunggu kuasa memerintah? Apa yang ditakutkan? Apakah ada yang lebih layak ditakuti selain dari Allah SWT? Atau tidak yakin yang Allah akan tolong kita terhadap musuh? Mana pergi rasa tauhid yang sudah bertahun-tahun kita tuntut bahkan setengah kita berjela-jela degreenya di bidang Usuluddin? Kenapa tenaga tauhid itu tidak mendorong jemaah Islam untuk bangunkan sistem Islam di tengah-tengah kekufuran dan kejahilan umat? Kenapa tidak? Bukankah kalau dapat negara nanti, itu juga yang hendak dilaksanakan. Justru itu, mengapa mesti menunggu? Kalau tidak dapat negara? Apa hujah kitadepan Allah nanti sekiranyakitamatidalamkeadaantidakmenjalankansistem Islam?

Begitu juga sistem-sistem lain dan aspek-aspek kehidupan yang lain, yang sudah dikertas kerjakan berulang-ulang. Kenapa tidak dibangunkan saja? Kenapa tunggu dapat negara? Kalau dalam kampung sendiripun sembahyang jemaah tidak

boleh ditegakkan, bagaimana hendak tegakkan sembahyang jemaah dalam negara? Kalau benar kita cinta Allah dan Rasul dan agama Islam, serta ikhlas untuk memperjuangkannya, sesungguhnya kita tidak sabar lagi hendak tunggu negara. Tentu kita ingin segera Islamkan hidup kita, keluarga dan jemaahkitaitu. Itu yang termampu dulu, itulah yang kita tegakkan dulu, negara belakang kira. Yang penting buat dulu mana yang mampu. Tidak boleh buat semua jangan tinggal semua.

Tetapi kalau masih boleh menunggu-nunggu, yang kita tidak tahu bila masanya yang dihmggu itu akan tiba,nyatalah kita bukan cintakan hukum Allah itu tetapi cinta dan rindu kuasa memerintah Malaysia. Sebab orang yang merindu dia sanggup buat apa saja agar segera bertemu yang dirindu. Kecuali yang dirindui itu hanyaboleh dicapai dengan menunggu, maka kerana itu kita boleh menunggu. Sedangkan hukum Allah boleh dibuat tanpamenunggu-nunggu. Sekiranya kita terpaksa mati kerana membangunkannya tentu kita rela. Bahkan kematian itu kemuncak untuk bertemu yang paling dirindui, Allah SWT.

Untuk apa hendak terus Islamkan negara? Islamkan dulu diri, keluarga dan kampung kita. Berdikit-dikit, lama-lama jadi bukit. Tetapi pelik, dalam keadaan kampung sendiri pun belum nampak syiar Islam tiba-tiba mahu Islamkan Malaysia dan dunia yang lebih luas?

Kalau kail panjang sejengkal
Jangan lautan hendak diduga.
Hajat hati nak peluk gunung
Apakan daya tangan tidak sampai.
Peluklah busut dulu.

Pepatah Melayu itu elok diambil perhatian. Takut nanti:

Yang dikejar tidak dapat
Yang dikendung berciciran.

Kemuncak kesilapan kita para pejuang Islam akhir zaman ini ialah meletakkan kesalahan kita pada musuh. Ini kesilapan utama. Sebab itu saya namakan buku ini ' 'Kenapa Salahkan Musuh?" Sebab orang yang bersalah, tetapi tidak mahu menyalahkan diri sendiri, sampai bila pun dia tidak dapat membaiki dirinya dalam menghadapi musuh. Macamlah orang yang menyalahkan siput babi kerana memakan tanamannya. Balik-balik siput itu yang disalahkan, hingga dia tidak berusaha untuk berbuat sesuatu agar musuh itu jangan lagi makan tanamannya.

Orang begini ialah orang yang tidak ada stmtegi namanya. Orang yang tidak tahu taktik dan politik perjuangan. Tidak tahu tipu helah peperangan. Sedangkan orang yang hendak berjuang patutnya perlu pandai tipu helah atau putarkan musuh. Barulah musuh boleh lemah dan kalah. Tetapi kalau berjuang tidak ada strategi dan tektik dalam menghadapi musuh dan tidak ada rahsia dengan musuh, semua isi hati dan perasaan terhadap musuh habis dipaparkan dalam suratkhabar, semua diledak di dalam ceramah atas pentas, masuk majalah, radio, tv... segala-galanya telah didedah. Musuh tinggal dengar saja dan tinggal atur langkah seterusnya supaya tambah menderitalah pejuang-pejuang Islam. Dan musuh kalau bolehinginkan semua pejuang Islam sakit jiwa supaya ' frust' dan 'give up,' malas berjuang lagi. Berjayalah mereka Berjayalah musuh.

Kalau kita tanya pejuang Islam mengapa gagal atau mengapa tidak laksanakan sistem hidup Islam secara syumul, maka meluncurlah rasa marah dan benci pada kerajaan, pada zionis, pada Amerika. Dikutuk dan disalahkan musuh itulah sebagai sebab mereka tidak boleh buat apa-apa serta gagal dalam rancangan dan aktiviti mereka. Seolah-olah mereka meminta musuh jangan berbuat begitu walhal memang musuh dijadikan untuk itu. Yahudi dan Nasrani serta agen-agen mereka sampai kiamat pun tidak akan berhenti dari menyekat perjuangan Islam. Masakankita tidaktahu? Kalau

tahu kenapa mengharap mereka agar tidak mengacau kita? Mengapa meminta kekuatan dan kerjasama dari mereka? Mustahil dan tidak lojik sama sekali. Kerja menyalahkan mereka itu adalah kerja sia-sia, buang masa dan merugikan kita. Sepatutnya kita laksanakan apa sahaja perkara-perkara yang boleh mencabar dan mengancam mereka. Mereka buat sekolah, kita buat sekolah. Anak kita jangan hantar ke sekolah mereka. Kita boikot semua cara hidup mereka!

Mereka buat ekonomi, kita buat ekonomi, dan kita pulaukan ekonomi mereka. Mereka buat hospital, kita buat hospital. Umat Islam kita ajak mendapatkan khidmat perubatan di hospital Islam dan bukan di hospital yang bukan Islam. Mereka buat media massa, kita buat juga. Ini supaya masyarakat ada alternatif dalam memilih bahan bacaan yang lebih baik dan lebih berguna. Mereka buat makanan, minuman, alat-alat make-up, fesyen dan keperluan harian yang lain, kita buat juga supaya sistem ekonomi mereka ada pencabamya, sekaligus supaya Wang umat Islam tidal lagi mengalir ke poket mereka.

Mereka buat pembangunan, perkilangan, pertanian, pentemakan dan lain-lain sumber ekonomi dan peluang kerja, maka kita buat sama, supaya wang kita dan makanan kita adalah bikinan tangan kita, halal dan berkat. Tetapi ini semua tidak kita lakukan. Kemudian kita cakap tentang dunia Islam, negara Islam! Senangkah musuh hendak serah semua itu pada kita? Sedarkah apa yang kita cakapkan itu? Apa kita tidak tahu, musuh bahkan kawan-kawan kita sendiri sedang mentertawakan kita kerana angan-angan kita itu.

Belajarlah dari kesilapan ini. Akuilah kekurangan diri, kemudian ambil sikap barn. Membangun dan membangun. Usah tunggu-tunggu lagi. Mengapa ditunggu sesuatu yang makin jauh. Bukankah selama ini kita semakin kalah? Dan undi masyarakat pada kita makin merosot?

5

Mengapa Kasar

HAMPIR semua orang tahu bahawa kebanyakan pejuang Islam suka marah-marah, menuduh-nuduh, menyangka-nyangka, mengata-ngata, menghina, mencerca dan memulau sesama Islam. Masyarakat bukan tidak suka dengan Islam yang mereka bawa atau yang mereka perjuangkan tetapi tidak boleh terima sikap gelojoh, kasar dan gopoh-gapah mereka itu. Belum tentu umat Islam yang mereka katakan musuh itu menentang Islam. Mungkin mereka hanya menolak sikap pejuang-pejuangnya. Maka sekaligus tertolaklah apa yang diperjuangkan.

Oleh kerana itu Islam mesti diperjuangkan bersama akhlak yang mulia. Bahkan akhlak yang baik itu adalah satu hukum Islam yang mesti diperjuangkan juga. Yakni hukum fardhu ain, mendahului hukum kenegaraan dan undang-undang sivil. Firman Allah:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

***Terjemahan:** Sesungguhnya bagi kamu pada Rasulullah itu adalah contoh yang baik.*

(Al Ahzab : 21)'

Firman Allah:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ○

Terjemahan:* *Muhammad mempunyai akhlak yang agung.

Al Qalam: 4)

Allah memuji Rasulullah kerana akhlaknya, bukan kerana perjuangannya. Rasulullah berjuang menggunakan akhlak yang sungguh tinggi. Dan baginda bersabda:

خَيْرُ النَّاسِ اَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Terjemahan:* *Sebaik-baik manusia adalah yang paling baik akhlaknya.

(Riwayat Tabrani)

Mari kita ikuti beberapa kejadian yang memperlihatkan betapa agungnya akhlak Rasulullah terhadap orang-orang yang hendak diajaknya kepada Allah.

1. Diperingkat awal dakwah Rasulullah di kota Makkah, baginda sentiasa berulang-alik melalui sebuah rumah perempuan tua yang sangat benci padanya. Bila Rasulullah lalu, perempuan itu akan menabur najis, meletakkan duri-duri dan mengejek-ngejek baginda. Begitulah hampir setiap hari hinggalah suatu hari perempuan itu jatuh sakit. Oleh kerana Rasulullah lihat perempuan itu tidak ada dan tidak lagi melakukan kerja-kerjanya itu, maka baginda pun pergi menjenguk ke dalam rumah itu. Dilihatnya perempuan itu terlantar sakit. Tiada siapa menguruskannya. Maka baginda pun menziarahi perempuan itu dan bertanyakan keperluan serta menawar diri untuk mencari ubat. Alangkah terkejut perempuan itu.

"Engkau datang ya Muhammad, sedangkan aku telah banyak menyusahkanmu. Betullah engkau utusan Allah."

Begitulah lebih kurang kata-katanya. Akhlak Rasulullah mengubah hatinya hingga akhimya dia menerima Islam.

2. Oleh kerana dakwah di Makkah kurang berkesan, maka Rasulullah mencuba ke Taif. Akan tetapi di sana juga baginda tidak diterima bahkan dihalau, dibaling batu hingga terjatuh dan berdarah kaki baginda. Bersembunyilah baginda di balik bukit dalam keadaan sedih dan luka-luka. Tiba-tiba malaikat penjaga bukit itu menjelma dan bertanya:

"Hendak diapakan kaum itu ya Rasulullah?"

Dengan tenang baginda menjawab: "Aku mahu dari mereka zuriat-zuriat yang akan menerima Islam." Kemudian sambil mengangkat tangan baginda terus berdoa.

اَللّهُمَّ اهْدِيْ قَوْمِيْ فَإِنَّهُمْ لاَ يَعْلَمُوْنَ.

"Terjemahan: Tuhanku, berilah petunjuk pada kaumku, kerana sesungguhnya mereka tidak mengetahui.

3. Dalam satu peperangan, seorang musuh (Da'thur) dapat menghampiri Rasulullah yang sedang berehat-rehat. Dengan pedang terhunus musuh berkata, "Siapa lagi yang boleh menyelamatkan engkau?"

Dengan tenang Rasulullah menjawab, "Allah!"

Tiba-tiba pedang terlepas dari tangannya. Sebagai satu mukjizat Allah pada Rasulullah. Maka Rasulullah pun mengambil pedang itu dan mengangkamya ke muka musuh dan bertanya, "Siapa pula yang boleh menyelamatkan kamu sekarang?"

"Tiada siapa lagi." Jawabnya.

Lantas baginda pun memaafkannya. Hingga kerana itu orang tersebut berkata pada kawan-kawannya, "Aku baru



Apakah kaedah perjuangan yang digeruni oleh musuh? Semakin keras kita bertindak semakin mudah musuh mematahkan usaha menegakkan Islam. Tunjuk perasaan yang dilancarkan oleh jemaah haji Iran ini telah mengorbankan ramai nyawa dengan sia-sia, tanpa matlamat yang jelas.

kembali dari berjumpa sebaik-baik manusia."

Begitu akhlak Nabi kita yang hendak kita sambung lidahnya dan kerjanya Bukan saja sahabat-sahabatnya tertawan pada akhlaknya, musuh pun mengaku Muhammad adalah sebaik-baik manusia. Maknanya musuh merasa mereka bergaduh dengan orang yang sangat baik.

Itulah satu ciri pejuang-pejuang Islam atau tentera-tentera Allah. Yakni musuh pun mengaku mereka adalah orang-orang yang baik. Dan orang bukan Islam tidak takut untuk berada di bawah pemerintahan mereka. Tapi pejuang-pejuang Islam hari ini, bapa mertua, anak-anak dan kawan pun benci terhadap mereka apalagi musuh. Bukan benci Islam tetapi bencikan perangai mereka. Kasar, sombong, keras kepala, suka marah, membesar diri, selalu memalukan orang, mengata-ngata orang, menuduh-nuduh, menyangka-nyangka dan menghina orang lain. Siapa saja yang tidak ikut katanya nescaya dihina-hina, dikata-kata dan diperli-perli. Itu membuatkan orang tidak suka. Mereka pun takut apalagi orang yang sakit hati dengannya. Lagilah benci dan tambah bersungguh-sungguhlah dia hendak menjatuhkan. Sebab itu akhimya pergelutan antara pejuang Islam dengan musuh bukan lagi kerana Islam (kerana Allah) tetapi perlawanan untuk jatuh menjatuhkan dan berebut kuasa dan negara. Apakah sikap demikian diterima oleh Allah? Adakah Allah setujudenganapayangkitabuatitu?Betulkahkitabertindak selaku wakil (khalifah) Allah dan berjuang bagi pihak Allah? Atau berjuang untuk diri dan bagi pihak diri sendiri?

Untuk mudah menjawab persoalan ini biar saya buat satu tamsilan: Misalkan ada seorang ayah mewakilkan kepada seorang anaknya untuk pergi mengajak anaknya (yakni adik kepada yang disuruh) pulang ke rumah ayah. Maka pergilah si abang kepada adikuntuk menyampaikan hasrat ayah. Tapi sungguh di luar dugaan abang, mpa-rupanya adiknya enggan pulang. Berbagai-bagai helah dibuatnya. Maka tersinggunglah

abang. Terus dibentak adiknya dengan marah-marah menghina dan mencerca sikap adiknya itu. Kemudian dia pun pulang. Diceritakan segala yang berlaku pada ayah. Apa kata si ayah?

"Kenapa engkau marahkan dia sedangkan dia tidak marah pada engkau. Aku cuma suruhengkau menyampaikan hasrat hatiku. Itu saja. Bukan suruh engkau buat lebih dari itu. Kemarahan engkau itu banyak buruknya. Sudahlah dia pun kecil hati dengan engkau, engkau pula sudah ada rasa permusuhan dengannya. Dan tentunya dia anggap aku pun marah dan bencikan dia. Hal ini boleh memecahbelahkan keluarga kita." Si ayah termenung seketika kemudian berkata lagi, "Engkau pergilah lagi padanya, nyatakan hal yang sebenamya. '

Begitulah halnya pejuang-pejuang Islam yang kasar dan sombong itu. Allah suruh sampaikan. Sabda Rasulullah:

بَلِّغُوْا عَنِّىْ وَلَوْ آيَةً .

Terjemahan: Sampaikan dariku walaupun satu ayat.

Jadi, berjuang ini bukan buat kerja kita tapi buat kerja Allah. Maknanya kalau AIlah tidak suruh, kita pun tidak akan melakukannya. Kalau begitu, perlulah betul-betul menjadi wakil Allah, jangan ikut selera kita saja. Bila orang tidak mahu dengar cakap kita, bukankah elok kita kata begini:

"Tugasku hanya menyampaikan."

Petunjuk itu di tangan Allah. Oleh itu terpulanglah pada Allah hendak beri atau tidak petunjuk pada seseorang itu. Kita tidak seharusnya mengamuk dan menuduh-nuduh serta menghina atau mengugut orang lain. Allah tidak suruh buat begitu. Lihat firman-Nya:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ

Terjemahan: Serulah kepada Tuhanmu dengan hikmah (bijaksana) dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang sebaiknya.

(An Nahl : 125)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ

Terjemahan: Kalau engkau kasar dan keras nescaya orang keliling akan lari dari engkau.

(Al Imran : 159)

Seorang rakyat Al Ma'mun (seorang khalifah Bani Abbasyiah) telah menegumya dengan kasar. Maka Ma'mun berkata:

' 'Telah datang seorang yang lebih baik dari engkau (Nabi Musa) kepada seorang yang lebih jahat dari aku (Firaun). Itu pun dia boleh berlembut."

Selama ini kita memperjuangkan Islam ikut cara kita, bukan cara yang Allah suruh. Buktinya, kalau orang yang tidak ikut kita, kita umpat-umpat, tuduh-tuduh dan sangka-sangka serta fitnah yang bukan-bukan. Lepaslah geram kita. Tapi begitukah sikap yang Allah suruh? Tidak, bukan! Jadi, adakah Allah setuju dengan sikap kita itu? Tentu tidak. Dan kalau Allah tidak setuju, apa yang kita dapat dari perjuangan ini? Kemurkaan dan kutukan-Nya sahaja. Firman-Nya:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ
بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ
إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ
إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ

Terjemahan: Apakah kamu ambil sebahagian isi kitab dan menolak sebahagian yang lain. Tidaklah sikap yang demikian itu melainkan akan mendapat kehinaan di dunia. Dan di akhirat akan dikembalikan pada azab yang pedih.

(Al Baqarah : 85)

Kita ambil hukum Allah yang kita suka saja, yakni kuasa memerintah, hudud dan qisas. Itulah yang kita idamkan, yang kita syarah-syarahkan. Tapi di waktu yang sama kita tolak perintah Allah yang lain. Kita bersengketa sesama saudara se-Islam. Kita menuduh-nuduh, menghina orang, memalukan orang, kita mengumpat, memfitnah dan mengadu domba. Dan banyak lagi akhlak-akhlak mulia yang Allah suruh kita tegakkan, kita langgar membabi buta. Konon tidak mengapa berperangai jahat pada musuh. Musuh yang dimaksudkan itu bukannya Komunis, Yahudi atau Nasrani tetapi jiran sekampung, sesama umat Islam yang mereka itu mengaku juga bertuhankan Allah dan bernabikan Muhammad. Mereka sembahyang, puasa dan menunaikan haji, cuma mereka tidak fikir negara Islam. Tetapi akhlak mereka mungkin lebih baik. Orang itulah yang kita umpat, hina, fitnah, tuduh kafir, tuduh alat Yahudi, alat Amerika dan lain-lain.

Begitukah! Kalaulah ada orang nasihatkan, nanti mereka tuduh pula orang yang nasihatkan itu alat musuh. Dahsyat!

Ajaran Islamkah itu? Allah dan Rasulkah yang menyuruh itu? Beranikah mereka bersumpah menyatakan apa yang mereka buat itu sesuai dengan perintah Allah dan Rasul? Kalau berani, saya kira amat kejamlah mereka terhadap Allah dan Rasul kerana berbohong pada keduanya.

Supaya saudara tahu tentang sifat Allah yang sangat Pengasih itu, maxi kita ikuti kisah bagaimana sikap Allah terhadap hamba-Nya yang derhaka pada-Nya. Suatu hari datang seorang Majusi ke rumah Nabi Ibrahim untuk tumpang bermalam.

"Boleh, dengan syarat engkau terima Islam." Jawab Nabi Ibrahim.

Tidak jadilah Majusi itu bermalam di situ, lalu meneruskan perjalanannya. Lepas itu Allah menegur Nabi Ibrahim.

"Kenapa engkau tidak izinkan dia bermalam cuma satu malam walaupun dia Majusi? Aku sendiri sudah berpuluh tahun memberi nikmat dan khidmat kepadanya walaupun dia sangat derhaka pada-Ku."

Begitulah sabar, pemurah dan baiknya Allah, Tuhan kita. Dia tahan melihat ragam hamba-Nya yang terlalu kufur dan derhaka pada-Nya. Diberi-Nya juga rezeki, kesihatan dan lain-lain kepeduan si hamba Mudah-mudahan mereka berfikir

Menyedari keterlanjurannya itu Nabi lbrahim pun berkejar mencari Majusi itu dan diajaknya ke rumah untuk bermalam. Melihat perubahan yang mendadak itu Majusi pun bertanya sebabnya. Apabila diceritakan hal yang berlaku, sedarlah Majusi itu dan terus memeluk Islam.

Lihat bagaimana sikap atau tindakan kita yang tepat boleh membawa hasil yang di luar dugaan. Dan lihat bagaimana Allah sendiri begitu sabar dan berhati-hati terhadap hamba-Nya. Mengapa kita boleh jadi begitu kasar dan sombong sekali? Satu lagi kisah saya turunkan di sini untuk menjadi panduan kita menghadapi lawan kita. Kisah bagaimana Allah sungguh menjaga hati dan maruah hamba-Nya.

Suatu hari Nabi Musa a.s bersama pengikutnya keluar ke padang untuk sembahyang minta hujan. Kali pertama berdoa hujan tidak turun. Kali kedua baru hujan turun. Maka bertanyalah Nabi Musa kepada Allah kenapa begitu halnya.

Jawab Allah, "Di kalangan pengikutmu ada orang yang melakukan dosa besar. Sebab itu doa tidak dikabulkan. Tapi kemudian orang itu bertaubat, maka Ku ampunkan dia. Sebab itu doa kamu kali kedua dikabulkan."

' 'Siapakah orang itu ya Allah?' ' Tanya Nabi Musa.

Jawab Allah, "Itu rahsia antara Aku dan hamba-Ku itu. Dia bersalah dengan-Ku maka cukuplah Aku saja yang tahu."

Lihat saudara betapa halusnya budi Allah. Tidak diceritakan salah silap hamba-Nya sekalipun pada Nabi-Nya, supaya tidak cacatlah orang itu di mata seorang pun manusia lain. Begitu sekali Allah menjaga maruah seseorang. Begitu sekali Allah tidak mahu mencacatkan hati dan perasaan hamba-Nya, sebab mencacatkan hati orang atau merosakkan perasaan orang atau memburukkan nilai atau membuka rahsia keburukan seseorang di depan manusia lain adalah suatu perbuatan yang kejam. Fikirkan betapa halnya kalau orang memalukan kita atau rosakkan 'perasaan kita atau mencacatkan maruah kita! Maka begitulah orang lain, tidak mahu dirinya dibuat begitu.

Begitulah Islam! Itulah Allah dan Rasul. Dan kita perlulah ikut ajaran ini di samping apa juga ajaran lain yang terdapat dalam Islam. Ikut bukan keranakita, tapi kerana Allah! Buat bukan kerana kita, tetapi kerana Allah! Bukan hendak puaskan hati kita tapi untuk keredhaan Allah.

Bukan tidak boleh bermusuh dengan manusia. Boleh, iaitu dengan musuh-musuh Allah. Bukan kerana kita tetapi kerana Allah. Maknanyabermusuh kerana Allah. Bermusuh kerana Allah tidak sama dengan bermusuh kerana kita. Bermusuh kerana kita ialah untuk puaskan hati kita, dengan

tujuan melepaskan geram hati kita. Tapi kalau kerana Allah, ialah untuk tegakkan hukum Allah. Demi membenteras yang batil, hendak bangunkan makruf. Kedua-dua perkara ini jauh bezanya. Umpama orang yang pergi ke laut kerana menangkap ikan dengan orang pergi ke laut kerana berkelah. Bukankah jauh beza cara dan hasilnya?

Sebab itu terjadi berbagai-bagai bentuk perjuangan Islam hari ini. Masing-masing berjuang bagi pihak diri sendiri, ikut fikiran dan perasaan sendiri, tidak ikut cara dan kehendak Allah. Kalau masing-masing ikut cara yang Allah rentangkan, tentu tidak bergeseran atau tidak berbeza sangat caranya, Dalam pada itu tidak mahu berlapang dada, menerima apa yang baik dari orang lain. Jemaah Islam seolah-olah merasa mereka sahaja yang betul. Orang lain salah belaka.

Orang yang ikhlas dengan Allah, bila sampai kepadanya kebenaran, dia akan terima dan taat sekalipun sangat mencabar dan meragut kepentingan dirinya. Sekalipun kebenaran itu datang dari seorang budak. Akan tetapi orang yang berjuang kerana dirinya, yang mahu dirinya saja yang berbuat kebaikan, nescaya tidak akan tunduk pada orang lain, sekalipun dia tahu dia yang salah. Dia hendak buat juga apa yang dia hendak buat itu. Betul atau tidak, belakang kira.

Saya bimbang kalau-kalau ada orang menganggap saya terlalu berlembut dan berakhlak baik terhadap manusia sekalipun terhadapmusuh. Mana boleh baik dengan musuh? Oleh itu perlu dijelaskan bahawa Allah S.W.T telah bertirman:

وَالَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ

Terjemahan: Orang mukmin yang bersamanya(Nabi Muhammad) terlalu keras terhadap orang kafir sebaliknya sangat berkasih sayang sesama mereka.

(Al Fathi : 29)

Apa maksud keras di sini? Apakah dengan sikap marah-marah, maki-maki dan menghasut sesama orang Islam yang



Musuh-musuh Islam telah berjaya menawan hati umat Islam melalui khidmat masyarakat seperti sekolah, pusat peribatan, media massa dan lain-lain lagi. Mengapakah gerakkan Islam tidak "memerangi" mereka dengan cara yang sama? Mana dia hospital, sekolah dan khidmat masyarakat gerakan Islam? Apakah cukup dengan mengecam dan mengutuk?

dianggap musuh itu. Keras dan tegas bukan begitu. Tetapi bermaksud tidak ada tolak ansur terhadap hukum Allah. Firman Allah:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ○

Terjemahan: Bagi engkau agama engkau, bagi aku agamaku.

(Al Kafirun : 6)

Orang mukmin tidak bekerjasama dengan musuh dalam apa hal sekalipun. Mereka terpisah dan tersendiri. Serta sangat memegang kuat prinsip hidupnya.

Politik, ekonomi, budaya, sosial, pelajaran, pendidikan, perkilangan, pertanian, mass media dan apa juga bidang hidup ini, mereka tidak terima cara-cara yang dibangunkan oleh orang kafir. Bahkan menentangnya. Mereka bangunkan sendiri. Pakaian mereka pun jauh beza dengan pakaian musuh Allah. Begitu sekali kerasnya mereka terhadap musuh. Mereka ada identiti sendiri yang nampak terserlah pada sikap hidup mereka. Mereka tidak memaki-maki orang apalagi mengkafirkan orang, menuduh sesat, alat Amerika dan lain-lain. Akan tetapi mereka sangat tegas melaksanakan undang-undang Allah. Sedikit tiada tolak ansur dan kerjasama dengan program musuh.

Tapi pelik! Ada pejuang Islam yang sangat gemar mencerna musuh, tetapi rokok musuh dia yang tolong beli (lakukan). Sekolah musuh dia yang tolong penuhkan. Bank musuh dia yang isi. Pejabat musuh pejabat dia. Biasiswa musuh dia yang ambil. Kilang-kilang musuh tidak cukup tempat. Baju musuh dia pakai. Makanan musuh dia telan. Pelik! Kata musuh tidak betul, apa yang tidak betul itu?

Kalau kita berjuang bagi pihak Allah, kita tidak jadi begitu. Orang yang benar-benar menurut jejak langkab

Rasulullah tidak akan mengkafirkan orang Islam, menuduh mereka atau memfitnah sesama pejuang Islam. Walau bagaimana sakit pun dibuat oleh pihak lawan, dia tetap tidak hilang pertimbangan atau emosional sebab dia teringat bujukan Allah:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ○

Terjemahan: Jangan kamu rasa hina dan kamu rasa dukacita sedangkan kamu adalah tinggi jika sesungguhnya kamu beriman.

(Ali Imran : 139)

Firman-Nya lagi:

وَلَا تَهِنُوا فِي ابْتِغَاءِ الْقَوْمِ إِن تَكُونُوا تَأْلَمُونَ فَإِنَّهُمْ
يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ وَتَرْجُونَ مِنَ اللَّهِ مَا
لَا يَرْجُونَ

Terjemahan: Jangan kamu rasa terhina dalam kamu menghadapi mereka(musuh kamu). Jika kamu menderita kesakitan, maka sesungguhnya mereka pun menderita kesakitan sebagaimana kamu menderitainya. Sedangkan kamu mengharapkan daripada Allah apa yang tiada mereka harapkan(di akhirat)

(An Nisa' : 104)

Orang mukmin yang betul-betul berjuang di atas landasan Allah dan Rasul, bukan berjuang untuk menang, tetapi berjuang untuk Allah. Sebab itu kalau kalah mereka tidak hilang pertimbangan. Kalau tidak dapat negara, mereka

tidak menghina, mengumpat dan mencerca orang tetapi sebaliknya mereka terkenangkan dosa sendiri, Yang menyebabkan Allah tidak bantu memka. Ingat apa kata Sayidina Umar:

" Aku lebih takut pada dosadosamu daripada musuhmu. Sebab kalau kamu berdosa Allah akan biarkan kamu pada musuhmu."

Kekalahan Islam dalam perang Uhud adalah kerana memka melanggar perintah Rasul lantaran tamakkan harta rampasanperang. Dosa tamakitumembuatkan Allahhukum mereka dengan musuh-musuh. Seterusnya kekalahan dalam peperangan Hunain pula adalah kerana rasa ujub dan rasa kuat melihatkan bilangan tentera Islam yang ramai. Kerana dosa itu Allah biarkan memka kalah berdepan dengan musuh.

Atas dasar itulah Sayidina Umar mengarahkan tenteranya membetulkan saf sembahyang dan amalkan bersugi sebagai syarat untuk menang perang. Hal ini berlaku ketika tentera Islam tidak kalah dan tidak menang sesudah berbulan-bulan berperang untuk menawan Palestin. Bila dilaporkan pada Sayidina Umar, beliau datang dan memeriksa. Didapati tenteranya tidak lurus safsembahyang serta cuai bersugi. Kerana itu pertolongan Allah tidak datang. Bila arahan itu dilaksanakan maka datanglah pertolongan Allah dan kemenangan. Begitu juga dengan tentera Salehuddin Al Ayubi. Hanya orang yang bangun malam untuk beribadah dengan Allah yang dibenarkan pergi ke medan perang. Siapa yang tidur saja tidak dibenarkan.

Begitulah pejuang-pejuang Islam yang silam mencari kemenangan. Bukan dengan mengutuk orang lain, demonstrasi anti-Yahudi. Akan tetapi membersihkan diri dari dosa serta membanyakkan amalan-amalan taqwa, yang boleh membuatkan Allah suka dan menolong mereka. Mereka berusaha membersihkan hati yang kotor sebab

ingatkan pesan Allah untunglah orang yang membersihkan jiwanya, dan kecewalah orang yang mengotorinya. Dan mereka berusaha dapatkan sembahyang yang khusyuk kerana di situlah kemenangan. Firman Allah yang bererti mendapat kemenanganlah orang yang khusyuk dalam sembahyang.

Begitu orang dahulu berjuang. Apahal dengan kita yang masih ambil “loan”, sekolah sekular, ekonomi riba, politik kotor, pergaulan bebas, pakaian terdedah, mengumpat, menuduh, memfitnah sesama Islam, sombong, takabur, hasad dengki, gila dunia, bakhil, ujub, riak, dendam, buruk sangka dan 1001 macam perkara haram lagi? Bagaimana Allah mahu tolong? Sedangkan seorang yang berdosa pun boleh menghijab doa semua orang (seperti yang berlaku di zaman Nabi Musa). Inikan pula secara berjemaah kita membuat dosa itu. Bukan pertolongan Allah tetapi kehinaan yang kita dapat. Apa belum rasa terhina lagi?

Kalau terhina rasa begitu ketahuilah bahawa ini ialah kerana taqwa yang tidak sempuma, kerana ukhwah yang berkecai, kerana mengambil hanya sebahagian dari isi kitab dan menolak yang lain, kerana tidak ikut sunnah, kerana cinta dunia, kerana tidak berhikmah, tidak strategik, tidak betul cara bertindak, tidak membangun rohani dan jasmani dan tidakmemberikhidmat pada masyarakat dalam jemaah apalagi di luamya. Itulah sebabnya. Dan selagi perkara ini tidak dititikberatkan di kalangan ahli-ahli jemaah Islam usah mimpi kita akan mencapai ke tahap yang kita inginkan.

Ingatlah! Bukan musuh yang salah. Bukan Amerika yang salah, bukan Yahudi yang salah dan bukan pemerintah sekular yang salah. Mereka itu memang kerjanya menentang kita. Usahlah mengutuk mereka lagi. Membuang masa saja. Bukan salah memka yang menyebabkan pejuang Islam tidak beroleh kemenangan. Tetapi salah kita. Kita yang tidak ikut Al Quran dan Sunnah dalam setiap aspek kehidupan. Kerana itu Allah tidak bantu kita. Hingga terbiarlah kita pada musuh kita.

6

Kenapa Berebut Kuasa?

SAYA selalu dicurigai oleh saudara-saudara saya sesama pejuang Islam sebagai tidak berpolitik atau menjadi alat musuh, kerana tidak ikut serta dalam perebutan kuasa politik untuk memerintah Malaysia. Mereka nampaknya mempunyai alasan-alasan yang begitu sungguh-sungguh untuk meletakkan saya dalam keadaan yang dikatakan itu. Hingga kerana itu terasalah oleh semua, bahawa jemaah-jemaah Islam bergaduh sesama sendiri.

Selama ini saya tidak pernah komen apa-apa tentang apa yang mereka katakan itu. Sebab saya tidak mahu berjuang sambil menoleh kiri kanan, jawab itu jawab ini, buang masa untuk buat kerja yang tidak memberi apa-apa faedah pada perjuangan yang sedang dibangunkan.

Tapi dalam buku ini ingin saya menjawab juga, dengan niat, moga-moga mereka yang benar-benar mencari suatu pandangan perjuangan yang terbaik, memperolehi sesuatu dari saya untuk membantu pencarian mereka itu. Dan moga-moga orang yang bersedia menerima kebenaran, sekalipun datangnya dari orang yang dirasanya kurang darinya, mendapat sedikit peluang untuk berbuat begitu, melalui tulisan ini dengan izin Allah.

Sebenarnya saya dan anggota jemaah saya, bukan boikot 100% politik pilihanraya. Sebab kami pergi mengundi di hari membuang undi. Kami cuma tidak terlibat dalam kempen pilihanraya, untuk rebutkan kerusi atau kuasa di parlimen. Bukan kami tidak mahu negara Islam. Tetapi kami tidak

mahu berebut kuasa, berebut kerusi hingga terpaksa bergaduh dan berpecah-belah sesama Islam. Sebab pada kami negara Islam boleh juga dibangunkan, sekalipun orang lain yang memerintah dan mentadbirnya. Biarkan mereka duduk di kerusi mereka. Perdana Menteri dan menteri di kerusinya, wakil rakyat di kerusi mereka, pengurus-pengurus dan pengarah-pengarah tetap di tempat mereka. Pegawai daerah, doktor, gum, penghulu pun jangan digugat kedudukan mereka Kami sebagai pendakwah, cukuplah di tempat kami, buat kerja kami iaitu mendidik, menasihat, menegur dan mengingatkan serta membangunkan jemaah Islam contoh, supaya jadi contoh pada masyarakat umat Islam agar memerintah danmentadbir dengan jiwa dan cara Islam. Saya berpendapat cara ini pun boleh juga menghasilkan negara Islam.

Saya memilih pandangan perjuangan yang begitu kerana sayaberpendapat, dengan caraitu, jemaah saya akan selamat dari permainan kotor politik pilihanraya itu. Saya katakan kotor kerana ia membabitkan perpecahan dan ketegangan, kata-mengata, hina-menghina, tuduh-menuduh sesama Islam. Bukan senang hendak kawal ribuan ahli agar mereka tidak bergaduh dengan parti lawan. Menangnya belum tentu, negara pun belum tentu dapat, tetapi ruginya yang besar.

Selain dari itu, saya berpendapat perjuangan mendapatkan negara Islam dengancara seperti yang kami lakukan ini, iaitu mendidik, menasihat, menegurdan membuat jemaah contoh untuk jadi contoh pada pemerintah dan ralcyat, itu tidak membuatkan kita rasa kalah dan kecewa. Kalau mereka belum berubah dan tidak pedulikan kita, itu salah mereka dengan Allah. Kita tidak perlu marah dan sakit hati. Sebab kita berjuang kerana Allah, bukan kerana mereka. Kalau tugas kita telah kita lakukan sungguh-sungguh, cukuplahitu untuk menyenangkan hati kita, sebab Allah telah takdirkan kita dapat menjalankan tanggungjawab kita. Kuasa mengubah dan memberi petunjuk dan pimpinan pada hati, bukan kuasa

kita. Allah berfinnan:

إِنَّكَ لَا تَهْدِى مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى مَن يَشَآءُ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada sesiapa yang engkau cintai. Tetapi Allah beri petunjuk pada siapa yang Dia kehendaki.
(Al Qasas : 56)

Kemudian Allah pujuk kita lagi dengan firman-Nya:

وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ○

Terjemahan: Jangan kamu rasa hina dan rasa dukacita, sedangkan kamu adalah tin& jika sesungguhnya kamu orang yang beriman.
(Aii Imran : 139)

Firman-Nya lagi:

وَلَا تَهِنُوا۟ فِى ٱبْتِغَآءِ ٱلْقَوْمِ إِن تَكُونُوا۟ تَأْلَمُونَ فَإِنَّهُمْ
يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ وَتَرْجُونَ مِنَ ٱللَّهِ مَا
لَا يَرْجُونَ

Terjemahan: Jangan kumu terhina dalam kamu menghadapi kaum kamu. Jib kamu rasasakit, mereku pun rasa sakit. Sedangkan mereka tia'uk adb harapan

rahmat Allah, manakala kumu ada harapan di sisi Allah. *(An Nisa' : 104)*

Dengan itu, kita akan sabar menanti hingga tibalah pertolongan yang Allah janjikan terhadap diri dan perjuangan kita. Yakni tercapainya cita-cita kita dunia dan akhirat, berdasarkan firman-Nya:

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah perwlong, orang yang bertaqwa.

(Jasiyah : 19)

Dan finnan-Nya lagi:

إِذَا جَآءَ نَصْرُ ٱللَّهِ وَٱلْفَتْحُ ○ وَرَأَيْتَ ٱلنَّاسَ
يَدْخُلُونَ فِى دِينِ ٱللَّهِ أَفْوَاجًا ○

Terjemahan: Apabila datangnya pertolongan Allah dan kemenangannya Engkau lihat man&a masuk agama Allah berduyun-duyun.

(AnNasyr:l-2)

Justeru itu membuat kami tidak jemu-jemu berdakwah mengajak orang mengamalkan Islam, melalui ceramah, kaset, video, buku, akhbar, majalah-majalah, poskad, sajak, carta, nasyid, kata-kata hikmah, Malam Puisi, Hari Muslimah, ziarah, tahlil, maulid, memberi khidmat nasihat dan lain-lain pada masyarakat, membina kampung, membangunkan ekonomi, buka sekolah-sekolah, kilang-kilang, pertanian, penternakan, klinik-klinik dan markas-markas serta rumah-rumah tetamu.di seluruh Malaysiadannegara-negara

tertentu di dunia. Selagi ada cara yang difikirkan boleh menarik orang kepada mengamalkan Islam yang cantikiaitu tidak bercanggah dengan syariat nescaya akan kami lakukan. Hendak tarik orang bukan mudah, bukan satu cara sahaja, lain orang lain caranya, sebab itu kami gunakan ban yak cara. Alhamdulillah hingga kini bancian kami menunjukkan lebih 30,000 orang yang sudah berubah dari jahiliah kepada Islam melalui cara-cara yang kami pelbagaikan itu. Berubah Iikiran, jiwa dan seterusnya cara-cara hidup harian mereka. Hal ini membuatkan kami yakin bahawa cara perjuangan yang kami pilih ini akan mampu menegakkan negara Islam suatu masa nanti insya-Allah. Dan kalau pun tidak dapat negara Islam, sebab bukan senang hendak mengambil alih sesuatu yang di dalam tangan orang lain, kami tidak akan rasa kempunan kerana tidak dapat merasa hidup dalam negara Islam. Sebab kami sudah ada kampung Islam, insya-Allah. Cukuplah kampung itu sebagai dunia kami sebab di sana kami dapat laksanakan Islam dalam pergaulan, pendidikan, ekonomi, perubatan, bahan bacaan, video, nyanyian, puisi, bahan makanan, kenduri-kendara, pertanian, pentemakan dan lain-lain lagi keperluan hidup harian seorang manusia. Tidak mengapalah Allah tidak takdirk negara dapat di-Islamkan. Tetapi kami telah ada kampung Islam. Cukuplah itu. Kalau kita dapat negara Islam pun tempat tinggal kita masih di sebuah kampung Islam juga bukannya satu negara seluruhnya jadi tempat tinggal kita.

Paling besar daerah kediaman kita ialah sebuah taman. Ada orang boleh tinggal seorang diri di atas bukit. Kalau begitu tidaklah kempunan menunggu negara Islam yang tidak dapat-dapat hingga kerana menunggu itu, sembahyang jemaah pun tidak dapat dilaksanakan apa lagilah soal fardhu kifayah yang besar-besar seperti ekonomi Islam, pendidikan Islam dan lain-lain.

Atas dasar itulah saya menumpukan perjuangan pada cara yang saya pilih ini. Kalau Rasulullah memulakan gerakan

perjuangannya hanya di sebuah rumah iaitu Darul Arqam, itu pun akhirnya boleh Islamkan 2/3 dunia, tentu tidak mustahil percubaan kami ini juga akan dibantu oleh Allah. Biar lambat asal selamat. Siapa berani mengatakan perkara itu mustahil berlaku? Saya bukan tidak nampak bahawa kalau boleh dapat kuasa politik untuk memerintah negara, memang cepatlah dapat diubah dasar pemerintahan dan pentadbiran negara ini. Bolehlah nanti diubah kurikulum pelajaran dan pendidikan, dihapuskan riba dalam sistem ekonomi, benteras arak dan judi, pendedahan aurat, pergaulan bebas, kuat-kuasakan sembahyang, puasa, zakat, haji dan bolehlah dipotong tangan pencuri dan direjam penzina, dibunuh siapa yang menuduh dan lain-lain lagi.

Saya tahu itu. Akan tetapi bukan senang. Payahnya ialah jauh lebih payah daripada cara yang saya pilih itu, sebab:

1. Kita terpaksa berhadapan dengan satu kuasa pemerintah yang boleh buat dan akan buat apa saja untuk tewaskan kita. Oleh kerana kita terpaksa menyerang mereka terang-terangan, maka mereka pun boleh kilas kita terang-terangan juga dan ada alasan untuk mereka bertindak demikian!

2. Katalah kita menang, tetapi kita tidak senang juga. Masakan musuh hendak berdiam diri. Mereka mungkin lakukan macam-macam sabotaj untuk dapatkan semula kuasa itu, lima tahun kemudian. Dan ingat, mereka mempunyai pembantu-pembantu yang gagah dari barat dan timur untuk menjayakan hasrat tadi. Maknanya bila-bilamasa kita boleh jatuh kembali atau paling tidak sentiasa terancam. Lihatlah kejadian di Iran. Sejak dapat negara, Iran terpaksa berperang. Peperangan itu meragut keamanan dan kewangan yang banyak. Hingga kini Iran kalah dan negara menanggung kemiskinan yang teruk, barulah dia mahu berdamai. Apa kita sanggup begitu? Ribuan rakyat yang cacat. Berjuta-juta

jadi pelarian. Isteri jadi janda, anak-anak jadi yatim. Pemuda-pemuda dipaksa ke medan perang, makanan terbatas sekali, gegaran born terasa di mana-mana. Penyakit merebak dan semua rakyat rasa terancam. Itukah negara Islam?

3. Kalau kita ingin mengambil alih tampuk pemerintahan dan pentadbiran negara, kita tidak boleh naik seorang diri atau melalui satu kumpulan kecil saja. Seelok saja kita memerintah, bermakna sebahagian besar kakitangan pemerintah dan pentadbir yang ada tentu tidak memihak kepada kita dan tidak mahu bekerja dengan kita, atau kalau mahu pun, masalahnya ialah mereka belum dilatih dan dididik dengan kaedah pemerintahan dan pentadbiran Islam. Ertinya tugas perjuangan yang perlu dibuat ialah menyediakan:

a. Menteri-menteri atau wakil rakyat yang bertaqwa yang tahu pula kaedah pemerintahan Islam.
b. Dutaduta yang bertaqwa yang tahu tentang hubungan luar negeri mengikut kaedah Islam.
c. Hakim-hakim dan peguam-peguam yang bertaqwa yang tahu pula tentangundang-undang sivil mengikut Islam.
d. Polis dan tentera yang bertaqwa yang tahu pula kaedah mengawal keselamatan menurut Islam.
e. Doktor-doktor dan jururawat yang bertaqwa yang tahu menjalankan sistem rawatan menurut Islam.
f Pegawai daerahdan kakitanganpejabat daerah yang bertaqwa dan boleh menjalankan dasar Islam.
g. Pegawai tinggi, pengurus besar, pengarah serta orang-orang bawah mereka yang bertaqwa dan boleh menjalankan undang-undang Islam di pejabat mereka
h. Pilot dan pramugari yang bertaqwa, yang boleh laksanakan Islam di dalam kapal terbang.
i. Pensyarah, guru besar dan guru-guru yang bertaqwa

untuk melaksanakan pendidikan Islam dengan jayanya.

j. Mufti-mufti dan kadhi-kadhi, tuan-tuan guru, mubaligh, imam, bilal, siak, ustaz-ustaz yang bertaqwa yang boleh berdakwah dan menjalankan tugas-tugas mahkamah syariah dan masjid dengan sempuma.

k. Rakyat jelata yang bertaqwa yang bersedia menerima undang-undang Islam sepenuhnya tanpa penentangan dan tunjuk perasaan terhadap pemerintahan yang ada.

l. Pengikut yang bertaqwa, yang tidak menuntut kepentingan diri, lesen itu, lesen ini dari pemimpin bila kekayaan negara berada dalam tangan mereka atau minta biasiswa dan lain-lain kemudahan.

Itulah di antara yang terpenting yang mesti kita disediakan untuk melayakkan diri kita mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Yakni tenaga-tenaga mahir yang bertaqwa, yang benar-benar jujur dalam melaksanakan hukum Allah. Tanpa taqwa dan pengetahuan Islam yang mahir dalam tugas masing-masing, mustahil kitaboleh ubah corak pentadbiran yang ada kepada Islam. Mungkin Perdana Menten dan menteri-menteri bertukar wajah tapi tidak dengan bentuk pentadbirannya. Ini adalah kerana masyarakat tidak bersedia. Kalau ini berlaku, maka akan terjadi seperti yang terjadi pada parti Masyumi di Indonesia. Pernah ketua mereka dapat kuasa memerintah (jadi Perdana Menteri) tetapi akhimya berlaku kekecohan, kuasa terlepas kembali hinggalah akhimya umat Islam hilang kepercayaan danparti itu kini hanya tinggal dalam kenangan.

4. Persediaan lam yang perlu dibuat juga untuk mengambil alih kuasa negara ialah sebuah buku perlembagaan yang lengkap mengenai:

a. Dasar politik Islam, cara dan matlamatnya.
b. Dasar pendidikan Islam, cara perlaksanaan dan matlamat serta alat keperluannya.
c. Dasar ekonomi Islam, teknik dan matlamatnya.
d. Dasar sosio budaya, bentuk dan matlamatnya.
e. Dasar luar negeri dan keperluannya.
f. Dasar ketenteraandan keselamatannegara dan cara-caranya.
g. Sistem perubatan menumt Islam dengan menyebutkan segala cara perlaksanaan dan keperluannya.
h. Dasar pentadbimn di pejabat-pejabat, sekolah, kilang, ladang, laut, udara dan di mana-mana juga yang tepat sepertimana kehendak Al Quran dan sunnah.

Buku itu kemudiannya hendaklah diedarkan ke seluruh negara, sama ada kepada pemerintah atau rakyat jelata, supaya mereka semua tahu bentuk negara yang ingin kita tegakkan. Ini supaya mereka dapat menerimanya dengan yakin, faham, baik sangka dan akhirnya menerima Islam yang cantikitu. Dan supayamereka bersedia juga ke arahitu. Tanpa buku perlembagaan yang lengkap dan sempurna dengan apa kita hendak yakinkan masyarakat tentang cita-cita kita?

5. Alangkah baiknya kalau sistem-sistem yang telah kita rencanakanitu kita tegakkan dulu dalam kehidupankita, khusus dalam jemaah Islam yang kita perjuangkan, iaitu kecil-kecilan, supaya kitamendapat pengalaman awal untuk mengendalikan sebuah pemerintahan dan pentadbiran Islam. Nanti bila dapat negara kita hanya meneruskan serta memperkembangkannya saja. Tidak perlu mencuba-cuba lagi. Selain dari itu kalau kita boleh buat jemaah Islam contoh, senanglah masyarakat melihat senditi apa yang dikatakan masyarakat Islam itu. Senang pula mereka terus mengikut dan melaksanakannya. Kalau kita hanya bercakap

saja tentang Islam, orang tidak nampak. Jadi tidak peliklah kalau orang susah hendak ikut kita. Sebab mereka rasa, apa yang mereka buat pun sudah baik, perlu apa diganti dengan Islam. Apa lagi bila dilihat pejuang-pejuang Islam suka mengata-ngata, menuduh orang, bertambahlah ketakutan mereka.

Itulah di antara perkara-perkaranya yang mesti disediakan untuk menjadi penguasa negara. Kalau itu tidak ada, negara tidak akan dapat di-Islamkan. Undang-undangnya boleh, tapi undang-undang itu tidak akan berjalan dalam realitinya. Ini telah terbukti dalam sejarah. Lihat Arab Saudi, yang sudah lama diisytiharkan sebagai negara Islam. Ramai yang ada pengalaman di Makkah kerana naik haji boleh lihat sendiri bagaimana masyarakat di sana. Tidak ada syiar Islam. Islam hanya pada kertas, pada mulut tapi tidak diamalkan. Orang perempuan takut dengan lelaki Saudi Arabia. Mereka boleh masuk ke dalam bilik air perempuan kemudian merogol siapa yang ada di situ. Seorang wanita yang baru pulang dari Arab Saudi keranabekerjadi sana, bila ditanya bagaimanakah kehidupan di sana, adakah seronok? Jawabnya ialah buminya cantik tapi orang-orangnya jahat. Apakah kita mahu sebuah negara Islam yang begitu? Kalau tidak, tidak adalah pilihan lain lagi selain dari mengemaskan diri dengan persediaan yang sepatutnya. Oleh kerana saya rasakan payahnya untuk dapatkan negara Islam, sebab itu saya bangunkan kampung-kampung Islam dahulu. Sekurang-kurangnya saya dan kawan-kawan saya yang terlalu ingin merasa nikmat hidup mengikut Islam, dapat peluang untuk berbuat begitu dalam kampung sendiri. Namun jangan sekali-kali saudara fikir kami tidak merancangkan negara Islam. Bahkan keinginan dan harapan kami ialah untuk melihat seluruh muka bumi Allah ini menyerahkan diri kepada Islam dengan semua manusianya sujud pada Allah S.W.T. Tapi apakan daya tangan tak sampai. Cukuplah berkampung-kampung dahulu. Kalau Allah matikan hari ini, sudah bolehlah

kami berkata bahawa kami hanya mampu buat kampung. Negara tidak dapat lagi.

6. Satu lagi ialah memperjuangkan Islam melalui pilihanraya bererti kita tidak bebas untuk memperkatakan kebenaran, yakni hukum Allah seperti sembahyang, tutup aurat, tentang akhlak, kerana takut penyokong lari, takut undi kurang. Selain itu kita sanggup bekerjasama dengan orang-orang bukan Islam demi mendapatkan undi. Bukankah itu salah!

Pam pejuang politik Islam nampaknya begitu yakin bahawa dengan cara menyertai pilihanraya saja yang boleh mendapatkan negara Islam hingga kerana itu mereka menuduh pejuang Islam yang tidak ikut mereka sesat, kafir, alat musuh danlain-lain. Kenapa kafirkan orang hanya kerana tidak mahu negara Islam sedangkan orang yang tidak mahu akhlak Islam, rumahtangga Islam, budaya Islam, kenduri-kendara Islam, ekonomi Islam, sekolah Islam, hospital Islam, kampung Islam pun boleh jadi kafir juga. Apalagi orang yang mengkafirkan orang Islam yang tidak kafirmaka kafirlah, orang yang mengkafir tadi. Orang yang anti purdah pun boleh jatuh kafir juga.

Saya kira untuk dapatkan negara Islam ada cara lain yang lebih baik dari metebut kerusi di musim pilihanraya Rasulullah S.A.W menolak kuasa memerintah yang ditawarkan padanya tapi baginda membangunkan kumpulan sendiri dengan kaedah sendiri yang dengan kumpulan itu akhirnya membesar dan kuasa memerintah dipemlehi dengan sendirinya tanpa tawar-menawar atau perebutan kuasa; kecualilah apa yang berlaku kepada Imam Ghazali yang menerima jawatan Perdana Menteri tapi kemudian ditolaknya dan dia merasa tugas itu telah merosakkan hatinya. Imam-imam besar yang lain turut menolak jawatanitu ! Begitulah bcrhati-hatinya para kekasih Allah. Mereka hanya sanggup jadi penasihat pemerintah. Malah sesetengah mereka hingga sanggup dihukum kerana

menolak jawatan tersebut.

Apa yang saya maksudkan ialah, sejarah telah membukukan bahawa proses peng-Islaman negara dan manusia ini mempunyai cara-cara tertentu dan memakan masa yang bukan pendek dan cepat. Ia mesti disusun, dirancang dan dilaksanakan denganpenuh hati-hati danberhikmah. Musuh kita lahir dan batin tidak pernah rehat dari tugas mereka. Kalau kita tidak hati-hati, nanti bukan saja negara tidak dapat di-Islamkan, bahkan diri sendiri pun hanyut entah ke mana. Kecualilah kalau cara-cara lain tidak dibenarkan langsung untuk kita tegakkan hukum-hukum Islam, bolehlah kita hanya bertungkus-lumus berebut kuasa dengan pihak lawan. Ini tidak. Berbagai-bagai cara dan teknik lain lagi boleh kita lakukan untuk melihat hukum-hukum Allah tegak dalam hidup kita dan jemaah kita. Mengapa kita tumpu kepada yang satu itu saja? Laksanakan dahulu mana yang boleh; tidak. boleh buat semua, jangan tinggal semua. Sedangkan jumlah kerusi mereka yang bercita-cita menegakkan Islam makin kurang di parlimen. Soal-soaI fardhu ain pula masih banyak belum selesai. Selesaikan dulu maruah itu!

Kenapa kita pergi ke satu kampung yang penduduknya tidak sembahyang, untuk mensyarahkan negara Islam. Apakah untuk menyeru orang kampung agar bersembahyang pun tunggu negara Islam? Kemudian pergi ke satu kampunglain, di mana masalahnya ialah wanita-wanita dedah aurat sembahyang jemaah tidak hidup, surau kosong, judi jadi mainan, tapi kita syarahkan negara Islam, sambil mengutuk-ngutuk pemerintah yang ada. Konon tidak Islam.

Rasulullah S.A. W. bersabda:

مَنْ تَرَكَ الصَّلَاةَ مُتَعَمِّدًا فَقَدْ كَفَرَ جِهَارًا

Terjemahan: Barangsiapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja nyata dia jadi kafir.

Bukankah orang depan kita itu pun belum benar-benar Islam? Kenapa ajak mereka tegakkan negara Islam? Suruh mereka selesaikan diri mereka dulu, baru boleh ajak untuk selesaikan masalah orang lain.

Begitu juga kalau kita pergi ke kampung yang penduduknya berpecah-belah, bergaduh-gaduh sesama Islam, kita tetap syarahkan negara Islam. Kenapa tidak syarahkan supaya mereka bersatu sesama mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Baru boleh bercakap tentang perpaduan ummah dan negara Islam.

Menegakkan negara Islam hukumnya fardhu kifayah. Ertinya tugas sekumpulan ahli politik atau orang yang memerintah untuk memikirkan dan melaksanakannya. Rakyat jelata, lebih-lebih lagi orang kampung, perlu apa dibakar semangat mahukan negara Islam hingga kerana itu mereka berpecah-belah? Kalau pemerintah tidak potong tangan pencuri atau tidak rejam penzina, orang kampung tidak berdosa. Jadi kenapa persoalan itu dibebankan pada mereka hingga kerana itu mereka mengutuk-ngutuk kerajaan dan bersengketa sesama sendiri?

Tempat yang sebaiknya untuk bahaskan negara Islam ialah pergi jumpa orang politik,, terutama yang terlibat dengan pemerintah yang tidak jalankan hukum Islam itu. Baru kena pada tempatnya. Bukannya pergi ke setiap ceruk negara kemudian minta negara Islam. Itu tidak tepat. Sebab itu rakyat bergaduh. Nampak sangatlah yang kita gila undi rakyat. Itu tandanya bukanlah Islam sangat yang hendakkita tegakkan, tapi mahu kuasa memetintah. Kalau tidak, mengapa dengan orang tidak sembahyang pun kita cakap tentang negara Islam? Sedangkan sembahyang ialah fardhu ain, negara Islam fanihu kifayah. Kenapa fardhu kifayah hendak didulukan?

Lagi pun bukan persoalan negara Islam saja yang hukumnya fardhu kifayah. Sekolah Islam, ekonomi Islam, kampung Islam, kilang makanan Islam, klinik dan hospital Islam,

akhbar Islam dan lain-lain lagi, semuanya fardhu kifayah. Tapi negara yang kita rindu-rindukan. Walhal negara Islam bukan mesti kita yang memerintah. Kalau begitu kenapa rebut kuasa? Kenapa tidak rindukan hukum-hukum Allah yang lain-lain agar ia terbangun dalam jemaah kita supaya jemaah kita benar-benar Islam. Ini tidak, tiba sahaja musim pilihanraya, kita sesama sendiri berebut kawasan pilihanraya hingga timbul krisis. Kerana itulah ramai orang tertanya-tanya mahu negara Islam atau mahu tampuk pemerintahan? Mahu tegak Islam atau hendak kuasa?

Kalau kita boleh persoalkan orang, orang pun boleh persoalkan kita. Kenapa kita suruh orang buat, walhal kita pun tidak berbuat. Kenapa tidak bangunkan dulu hukum-hukum yang boleh dibuat tanpa kuasa. Kalau kita persoalkan kenapa orang tidak berbuat dengan kuasa yang ada pada mereka, orang pun boleh persoalkan kita, kenapa kita pun tidak berbuat mengikut kadar kuasa yang ada pada kita.

Berjuang dengan berlindung di sebalik negara Islam memang seronok sebab di sana ada nama, ada pangkat, ada gaji, adalombong bijih, lombong emas, lesen balak dan lain-lain lagi. Dan kekayaan dunia itu melambai-lambai bagaikan lambaian si gadis yang cantik. Siapa tidak rindu? Kerana bimbangkan kemungkinan itulah (moga-moga tidaklah jadi begitu) menjadi satu sebab mengapa saya tidak pilih jalan untuk merebut kuasa dalam usaha hendak menegakkan negara Islam. Sebab kita terpaksa bertarung dengan macam-macam keinginan yang bermain-main dalam kepala dan jiwa. Hingga hilanglah bahagia, bahkan hilang keikhlasan.

Hingga hari ini, pejuang Islam belum menang-menang lagi. Tapi mereka tidak kecewa katanya. Eloklah begitu. Tapi soalnya apalagi harapan kita untuk hidup dalam sistem Islam? Sanggupkah kita mati dalam cara hidup yang masih bercampur aduk yang hak dan taghut?

Malah ada pejuang Islam, dek kerana semangat meluap-luap, sanggup berkata:



Kehebatan sesebuah jemaah bukan terletak pada ramainya pemimpin atau pengikutnya yang telah ditangkap. Tangkapan atau penjara bukan syarat mengukur kebenaran, kekuatan dan kebijaksanaan sesebuah jemaah. Apatah lagi jika tangkapan itu membuat kita hilang pertimbangan dan rela mengorbankan prinsip. Kelihatan isteri-isteri tahanan ISA yang berusaha menemui Perdana Menteri...

"Perjuangan mesti diteruskan. Biar kita ditangkap."

Saya kira itu pun tidak tepat. Kita tidak boleh minta Allah uji kita. Apa jaminan kita boleh tahan dengan ujian? Berapa ramai sudah saudara kita yang ditangkap tapi tidak dapat menanggung ujian itu dengan sebaik-baiknya? Terpaksa ambil 'lawyer', anak isteri tidak ada pembela. Sebab itu bila keluar penjara, jadi kecewa dengan perjuangan. Bahkan ada yang lari ke parti lawan. Bukankah kita disuruh berdoa begini:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ۝

Terjemahan: *Ya Tuhan kami, janganlah Engkuu hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkuu pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkau penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafr*

(Al Baqarah: 286)

Atau bersikap seperti yang ditunjuk oleh Rasulullah SAW, sebagaimana hadisnya:

آيُّهَا النَّاسُ لاَ تَتَمَنَّوا لِقَاءَ العَدُوِ وَاسْأَلُوْا اللهَ الْعَافِيَةَ، فَاذَا لَقِيْتُمْ فَاصْبِرُوْا وَاعْلَمُوْا اَنَّ الجَنَّةَ تَحْتَ ظِلاَلِ السُّيُوْفِ.

Terjemahun: Wahai manusia, jangankah kamu bercita-cita ingin bertemu dengan musuh, dan berdoalah agar dijauhkan Allah. Jika kamu bertemu juga bersabarlah (dengan menetapkan pendirian) dan ketahuilah syurga itu di bawah naungan pedang.

(Riwayat Bukhari Muslim)

Maknanya kita tidak disuruh mencari musuh (ujian). Dan tidak pula boleh mencabarnya (kecuali musuh yang cari pasal, itu memanglah tidak boleh kita biarkan). Apalagi dalam keadaan kita pun lemah, belum ada kekuatan apa-apa, samada kuasa politik mahupun kekuatan ekonomi, perpaduan dan tenaga kerja; lebih baiklah kita jangan cabar musuh. Lihat orang-orang yang sudah ditangkap bahkan dibunuh. Apa jadi pada perjuangan mereka. Bersambung dan kian membesarkah perjuangan mereka, atau telah berlaku sebaliknya? Sejauh ini nampaknya perjuangan ***pergi*** bersama pemergian kita ke penjara. Bahkan ada yang terus mati bersama kematian perjuangannya. Kalau kita syahid sekalipun adakah kita bangga walhal perjuangan Islam kucar-kacir, hancur berkecai.

Sebab itu di antara yang Rasulullah doakan semasa peperangan Badar ialah:

اَنْجِزْ مَا وَعَدْتَنِي، آت
وَعَدْتَنِي اَللّٰهُمَّ اِنْ تَهْلِكْ هٰذِهِ الْعِصَابَةُ مِنْ اَهْلِ
الْاِسْلَامِ لَا تُعْبَدُ فِي الْاَرْضِ.

Terjemahan: Ya Allah, segerakanlah untukku apa yang Engkau janjikan. Ya Allah, datangkanlah apa yang Engkau janjikan. Sesungguhnya kali ini kalau hancurlah kumpulan Islam ini nescaya Engkau tidak disembah lagi di bumi ini.

Sampai begitu berat dan seriusnya baginda Rasul memandang kepada perjuangan. Sebab perjuangan itulah yang memungkinkan tertegaknya hukum-hukum Allah. Jika perjuangan itu mati, bermakna tertutuplah peluang untuk mendapatkannya. Sebab itu pejuang-pejuang Islam mesti memikirkan jalan-jalan untuk memperpanjangkan umur perjuangan Islam itu sendiri. Jangan terlalu cepat mahu mati syahid atau masuk penjara sedangkan perjuangan mati separuh jalan, tanpa ada penyambungnya? Apa maknanya kita masuk syurga secrang diri sedangkan anak cucu cicit kita tidak sempat menerima Islam disebabkan perjuangan kita mati separuh jalan, hingga kerana itu mereka masuk neraka. Sukakah kita? Tentu tidak bukan. Kalau begitu berjuang mesti ada strategi dan siasahnya. Mari kita lihat strategi dan politik Rasulullah.

Waktu Islam belum kuat, anggota tidak ramai, ekonomi tidak stabil kekuatan tentera belum ada, yang mana kalau matilah pengasas-pengasas Islam itu akan matilah perjuangan menegakkan Islam. Oleh itu baginda tunjuk 'kalah' saja. Sayidina Umar Ibn Khattab pernah mencadangkan dibuat perarakan dari rumah mereka, Darul Arqam ke Kaabah. Ditolak oleh baginda kerana Rasulullah memandang perbuatan begitu sebenamya mencabar musuh-musuh. Kalau selama ini musuh kurang sakit hati, nanti perbuatan itu menambah

sakit hatinya pada kita. Kalau musuh bertindak walhal kita sebenamya belum bersedia, bahayanya akan ditanggung oleh jemaah.

Begitu juga halnya ketika musuh Islam menekan para sahabat dengan berbagai-bagai tekanan dan azab penderitaan, Rasulullah tidak bertindak apa-apa sebaliknya disuruhnya sahabamya berhijrah ke Habsyah. Bukan Rasulullah penakut atau tidak cinta mati syahid, tapi baginda mahu perjuangannya hidup lama dan bertapak kuat di bumi, barulah boleh mati syahid. Yang mana kematian itu tidak menjejaskan perjuangan dan masih ada generasi penyambung yang masih tinggal.

Begitulah strategi Rasulullah dengan kebijaksanaan dan keberaniannya yang berhikmah. Bukan berani melulu, berani yang tidak diukur dengan kesanggupan dan kelayakan. Seperti lembu yang menanduk tembok. Memanglah berani nampaknya. Tapi melulu. Sebab tembok jauh lebih gagah, kalau tanduk macam manapun tembok tidak berganjak juga. Sebaliknya tanduk lembu mungkin patah.

Apabila kita sudah bersedia dengan kekuatan yang sempurna dan cukup lengkap dalam semua bidang, waktu itu bolehlah kita sahut panggilan musuh. Rasulullah S.A.W sendiri pergi ke medan perang iaitu bila baginda merasa sudah layak untuk berbuat begitu. Sesudah baginda mempunyai pasukan peninjau dan pasukan tentera berkuda yang cukup bersedia, yakni 313 orang yang benar-benar bertaqwa dengan alat-alat perang yang tertentu, maka baginda pun sedia bila-bila masa untuk berperang jika diserang. Ini terbukti dalam peperangan Badar.

Tapi sebelum itu musuh pemah mengepung kaum keluarga baginda selama tiga tahun sehingga mereka terpaksa makan rumput kering. Rasulullah tetap bertahan saja. Bahkan, sewaktu rumahnya dikepung musuh, untuk menangkap dan membunuh baginda, apa yang baginda buat ialah lari di malam hari bersama Abu Bakar As Siddiq dengan Sayidina Ali menggantikan tempat tidurnya. Begitu strategi perjuangan

baginda Rasul yang patut jadi iktibar pada kita. Bahawa waktu jemaah kita kecil, lemah dan belum bersedia, jangan kita cabar musuh yang jauh lebih gagah itu. Sebab kalaupun kita syahid, itu tidak memberi keuntungan pada perjuangan.

Pejuang-pejuang yang terus hendak mati syahid, walhal anggotanya belum bersedia dengan taqwa yang tinggi, dan dengan persiapan lahir, macamlah orang yang mengajalc terjun ke laut. Walhal mereka belum pandai berenang. Apa jadi? Begitulah pejuang-pejuang Islam yang bercakap besar, sanggup dipenjara, sanggup mati syahid, tapi bila betul berhadapan dengan kemungkinan itu masing-masing bertempiaran lagi. Ada yang cari 'lawyer', ada yang mengutuk-ngutuk pihak yang menangkap dan macam-macam reaksi lagi. Yang semuanya sangat merugikan jemaah dan perjuangan serta menggambarkan sikap tidak redha dengan takdir Allah.

Kehebatan sesebuah jemaah bukannya terletak pada ramainya pemimpin atau pengikutnya yang telah ditangkap. Tangkapan dan penjara bukan syarat mengukur kebenaran, kekuatan dan kebijaksanaan sesebuah jemaah. Sebab ujian kesusahan yang Allah timpakan pada sesiapa saja di dunia ini ialah bermaksud penghapusan dosa atau untuk tinggikan darjat. Tapi jangan lupa, bahawa ujian juga kadang-kadang sebagai kutukan atau penghinaan dari Allah untuk seseorang atau sesuatu jemaah itu. Akibatnya jemaah itu akan terhina dan menjadi lebih buruk dari sebelumnya.

Ujian bukan saja kena tangkap. Dalam Al Quran, Allah menyenaraikan perkara-perkara yang hendak diuji pada hamba-Nya. Di antaranya ialah kemiskinan, kesusahan, kekurangan makanan, ketakutan dan kehilangan pengikut. Kesusahan itu berbagai bentuknya. Di antaranya ialah dicaci maki, difitnah, dituduh sesat, kafir, ada jin, diugut dengan born waktu ceramah, dibuang poster yang mengiklankan sesuatu program penting, dituduh kahwin lima dan lain-lain lagi. Ujian dalam bentuk fitnah dan tuduhan lebih berat sebab ia boleh menyebabkan orang tinggalkan jemaah kita.

Sedangkan kerana dipenjara, kadang-kadang seseorang itu boleh merasa dialah hero dan dibanggakan oleh orang lain (pengikut-pengikut). Dengan ujian, Allah mahu lihat siapa yang sabar dan siapa yang mahu meneruskan perjuangan sekalipun pahit dan menyeksakan. Tapi kalau keluar dari penjara sudah mula longgar dengan Islam, tinggal di mulut saja, manakala ciri-ciri Islam yang lain sudah lenyap, itu tidak sabar namanya.

Apa yang mahu saya ingatkan ialah kita tidak boleh mudah-mudah menuduh orang. Kalau kita ada alasan, orang lain pun tentu ada alasan. Yang penting ialah kita berbuat. Laksanakan Islam itu sungguh-sungguh selagi terdaya. Jangan hanya menyuruh orang buat dan jangan salahkan orang lain. Jangan dirisaukan perkara-perkara yang tidak terbuat dek kita lagi. Yang penting, laksanakan dulu semua perkara yang termampu itu, walaupun kemudiannya diberi atau tidak kuasa negara itu pada kita.

Firman Allah:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ

Terjemahan: Dan katakanlah (hai Muhammad) hendaklah kamu berbuat, nanti Allah, Rasul dan orang-orang mukmin akan menilai.

(At Taubah : 105)

7



Iman Dan Taqwa Senjata Paling Utama



KENAPA SALAHKAN MUSUH?

KETAHUILAH bahawa senjata umat Islam yang utama untuk menjayakan perjuangan mereka ialah iman dan taqwa. Inilah satu-satunya senjata yang tidak ada pada orang kafir. Dengan senjata ini sajalah kita boleh kalahkan orang-orang kafir itu atau orang munafik, Komunis, Amerika, Rusia, Yahudi serta musuh batin, nafsu dan syaitan.

Selain taqwa, dengan kekuatan apa pun, ekonomi, ilmu pengetahuan, ketenteraan dan senjata, pasti kita tidak akan mampu menentang kegagahan musuh-musuh Allah yang jauh lebih gagah dari kita. Oleh itu marilah kita bertaqwa. Apa itu taqwa? Taqwa ialah rasa hati yang sangat takut pada Allah kalau terbuat atau membuat dosa kecil apalagi dosa besar. Rasa takut itu macam takutkan gunung yang hendak dihempapkan ke kepala. Ngeri, sakit, cemas dan bimbang sangat mengganggu dirinya. Maka dia bertaubatlah, dia bersungguh-sungguh minta Allah ampunkan dosanya dan minta dibantu untuk tidak berbuat dosa lagi.

Seorang sahabat baru balik dari medan perang, dia tiba-tiba ternampak di pintu rumahnya betis seorang perempuan (isteri sahabatnya). Terus ia melompat keluar dari pintu dan berlari meninggalkan rumahnya bertahun-tahun, bertaubat dengan Allah kerana ketidak sengajaannya itu. Rintihan taubatnya itu turut menjadi amalan kita sehingga hari ini:





Bersatu menurut Islam bukan sekadar berkumpul untuk mengutuk dan mengecam musuh, tetapi adalah sama-sama memahami, menghayati dan melaksanakan kelima-lima hukum hakam yang lima (wajib, haram, makruh, harus dan sunat).

إِلٰهِي لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ أَهْلاً ،
وَلَا أَقْوَى عَلَى نَارِ الْجَحِيْمِ ،
هَبْ لِي تَوْبَةً وَاغْفِرْ ذُنُوْبِي ،
فَإِنَّكَ غَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيْمِ .

' 'Tuhanku, aku memang tidak layak untuksyurga-Mu. Dan aku juga tia'ak tahan menanggung akan seksa api neraka-Mu, oleh itu ya Allah, terimalah taubatku dan ampunkanlah dosaku kerana sesungguhnya Engkaulah Maha Pengampun dosa-dosa besar."

Begitu taqwanya, takutnya pada Allah kerana kesilapannya, walaupun tidak sengaja tetapi dia kesal, kenapa perkara haram itu terjadi padanya? Tentu ada maksud Allah. Jangan-jangan itu sebagai 'hukuman' Allah kerana dia masih suka berbuat begitu. Sebab itu Allah temukan dengan perkara itu. Perasaan itu yang membuat dia begitu takut dan malu dengan Allah. Itu membuatkan dia menghukum dirinya tidak mahu pulang selagi dirinya tidak jadi manusia yang baik, sebaik yang Allah kehendaki.

Sayidina Abu Bakar As Siddiq pemah terleka di kebunnya hingga teninggal sembahyang berjemaah asar (bersama Rasulullah S.A.W.) Dengan rasa takut dan kesal yang tidak terkira, terus diwakafkan kebun itu sebagai hukuman pada dirinya, Di samping itu digandakan sembahyangnya sebanyak 70 kali (sebab pahala berjemaah ialah sebanyak 70 kali). Begitulah taqwa para sahabat. Takumya mereka pada Allah bila mengenangkan dosa dan api neraka boleh membawa

pengsan dan setengahnya terus mati.


Oleh kerana begitu sekali takutnya untuk melakukan kejahatan dan dosa, maka yang tinggal dalam hati mereka ialah keinginan yang kuat untuk membuat kebaikan dan amal soleh, kebaikan dengan Allah dan dengan sesama manusia. Maka jadilah mereka orang-orang muttaqin, iaitu orang-orang yang:

1. Memahami, meyakini dan menghayati keenam-enam rukun iman.
2. Memahami, meyakini dan menghayati kelima-lima rukun Islam.
3. Menegakkan amal makruf nahi mungkar.
4. Berjihad melaksanakan cara hidup Islam.
5. Berakhlak mulia iaitu berkasih sayang dengan sesama mukmin, tegas dan keras dengan orang kafir, berbelas kasihan pada orang yang kurang dan susah seperti mana ia mengasihi dirinya sendiri, pemurah, pemaaf dan suka minta maaf, bertaubat, sabar, bertolak ansur, berlapang dada, bertolong bantu, berani, tawakal, tawaduk (tidakbesardiri), berbaik sangka, bertimbang rasa, gembira dengan kegembiraan orang lain, susah dengan kesusahan orang lain dan memikirkan kepentingan orang lain seperti memikirkan kepentingan diri sendiri.

Semua itu mesti ada untuk seorang yang dikatakan bertaqwa Kalau kurang satu pun kuranglah taqwanya. Sebab itu golongan bertaqwa itu dibahagi dua:

i. Muqarrobin
ii. Solihin

Namun kedua-duanya adalah mukmin sejati. Orang yang hanya ada salah satu daripada ciri-ciri' taqwa, tidak boleh dipanggil orang yang bertaqwa tetapi digelarkan sesuai



Pendakwah dan para ulama mestilah gigih menjelajah seluruh negara, menemui rakyat di pendalaman, menziarahi orang-orang sakit di hospital, berdakwah kepada orang asli di hulu-hulu negeri tanpa bayaran gaji, elaun perjalanan dan pangkat.

dengan nama sifat baiknya itu. Misalnya orang yang rajin dan bersungguh-sungguh beribadah dipanggil abid. Seorang abid belum tentu bertaqwa kalau ada padanya bakhil, hasad dengki, gila kuasa dan lain-lain.

Seorang yang gigih berjuang dan berjihad dipanggil mujahid. Mujahid belum tentu bertaqwa kalau ada padanya sombong, takabur, membazir, tidak sabar, tidak tolak ansur dan lain-lain. Orang dermawan dipanggil assakhi (pemurah). Pemurah belum tentu bertaqwa kalau adapadanya pendendam, mengadu domba, berburuk sangka dan lain-lain.

Orang yang gigih berdakwah dipanggil da'i atau mubaligh. Seorang da'i belum tentu bertaqwa kalau dia cuai sembahyang, arnbil riba, bebas dengan perempuan ajnabi dan lain-lain.

Orang bertaqwa ialah orang yang membuat semua kebaikan yang Allah suruh buat (lahir dan batin, dengan Allah dan dengan sesama manusia), kerana takutnya untuk melakukan dosa walaupun sekecil-kecil dosa. Pejuang Islam mesti sedar hakikat ini. Jangan mudah-mudah mengaku beriman dan bertaqwa sedangkan banyak lagi suruhan Allah S.W.T yang kita tidak buat. Ertinya kita ini orang berdosa, hamba Allah yang derhaka. Panggilan yang layak untuk kita ialah mukmin yang derhaka atau mukmin yang fasik (asi) atau mukmin yang zalim. Bukan mukmin yang sejati, bukan solihin dan lebih-lebih lagi bukan muqarrobin. Kalau mati ketika ini, dalam keadaan taubat tidak diterima, dosa tidak terampun, nescaya malaikat akan melempar kita ke lubuk neraka. Dituang dengan air yang mendidih dan makan buah zaqqum yang sangat menyeksakan. Itulah janji Allah. Dan Allah tidak pernah mungkir janji.

Kalau begitu kenapa salahkan musuh? Kegagalan yang Allah timpakan pada kita lepas satu, satu dan makin teruk itu sebenamya satu pemberitahuan bahawa kita telah tidak ditolong Allah, Allah biarkan kita dan Allah hinakan kita kerana kita tidak mahu bertaqwa, banyak dosa dan tidak mahu bertaubat, di samping tidak mahu belajar dari kesilapan

atau dari kawan-kawan se-Islam yang sama-sama berjuang. Dosa-dosa itulah yang menjadikan kita tewas di tangan musuh. Sedangkan orang bertaqwa, ujian yang berat merupakan baja untuk menyuburkan perjuangan mereka. 'I'etapi kita, ujian-ujian itu nampak menghina dan tambah melemahkan kita. Makin berjuang makin kalah. Makin kuat kita mencaci musuh makin sikit kerusi dalam parlimen. Bukankah itu ertinya perjuangan kita tidak dibantu oleh Allah. Kenapa Allah biarkan kita? Berkatalah Sayidina Umar Ibnu Khattab:

' Aku lebih takut pada dosamu daripada musuh-musuhmu. Kerana bila kamu berdosa Allah akan biarkan kamu pada musuh-musuhmu.'

Maknanya, kegagalan kita ialah kerana dosa-dosa kita, kerana kita tidak bertaqwa. Ertinya salah itu terletak pada diri kita bukan pada orang lain. Dan selagi kesilapanitu tidak dibetulkan, tidak bertaubat dan tidak dididik dan dilatih dengan iman dan taqwa, buatlah macamana pun, insya-Allah kita tidak akan boleh menang: Sebab kita langgar syarat dari Allah. Syarat taqwa. Janganlah buat helah lain-lain lagi, itu dan ini untuk dijadikan alasan kegagalan kita itu. Mengakulah dengan Allah bahawa kitabelum bertaqwa, sebab itu Allah tidak tolong! Sebab Allah hanya akan menolong orang yang bertaqwa. Firman-Nya:

وَٱللَّهُ وَلِىُّ ٱلْمُتَّقِينَ

Terjemahan: Allah pembela orang-orang yang bertaqwa (Jasiyah : 19)

Firman-Nya lagi:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ۝ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ

Terjemahan: Barangsiapa bertaqwa Allah akan lepaskan dari kesulitan hidup dan diberi rezeki dari sumber yang tidak diduga

(At Talak : 2 - 3)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم
بَرَكَـٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Terjemahan: Jika penduduk suatu kampung (jemaah atau kumpulan) itu bertaqwa, Allah akan bukakan untuk merek.a barakuh dari langit dan bumi.

(Al A'araf : 96)

Jangan pula disalah fahamkan taqwa itu dengan orang-orang yang jumud dan beku. Iaitu orang-orang penunggu masjid yang berpakaian lusuh dan miskin papa, anti kemajuan dan pembangunan. Generasi taqwa yang jadi contoh ialah salafus soleh, para sahabat yang hidup mereka digambarkan begini:

رُهْبَانٌ فِي ٱللَّيْلِ وَفُرْسَانٌ فِي ٱلنَّهَارِ

' *'Menjadi pendita (abid) di malam hari, menjadi singa (pejuang) di siang hari."*

Dalam keadaan hati rindu dan takut pada Allah, mereka bertaburan di tengah manusia di seluruh dunia untuk mengubah dunia dari jahiliah kepada Islam. Dari undang-undang taghut kepada kalimah Allah. Dari kekotoran najis dosa kepada kemurnian hati yang bertaqwa. Dari peperangan dan penzaliman kepada keamanan, keadilan, kemakmuran, supaya manusia semua mahu sujud pada Allah, Tuhan yang

menciptakannya dan yang akan mematikannya.

Itulah kerja orang yang bertaqwa. Dan kalau kita boleh buat begitu barulah Allah percaya untuk mengamanahkan negara dan dunia ini pada kita. Kalau masih belum, yakni kalau perangai kita masih niacam hari ini maka jika Allah serahkan Malaysia ini, lebih-lebih lagi seluruh dunia, habis harta bendanya masuk poket kita pula. Kata hendak bela rakyat tetapi di belakang pentas kaki disko, judi atau jadi taukeh-taukehbesar yang memiliki bermacam-macam lesen dan rumah sewa dan yang punya banyak simpanan di bank-bank dunia. Kaum keluarga kita automatik jadi kaya. Rakyat entah ke mana, negara jadi milik kita sekeluarga saja atau jadi milik 'klik-klik' kita sahaja.

Kalau taqwa belum cukup, jangan berangan boleh selamat dari tipuan dunia. Firman-Nya:

وَمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا مَتَـٰعُ ٱلْغُرُورِ ۝

***Terjemahan:** Kehidupan dunia tiada lain hanya kesenangan yang menipu daya.*

(Ali Imran : 185)

Waktu belum dapat, belum naik pangkat, memang kita bersumpah untuk berlaku adil, berkhidmat pada masyarakat, nak jadi orang yang zuhud, warak, dan lain-lain. Tapi bila dah jadi menteri, atau taukeh besar, lain macam pula cakapnya. Terkejutlah penyokong-penyokongnya. Kalau tidak percaya cuba baca sejarah hidup wakil-wakil rakyat yang sudah pernah jadi menteri atau taukeh di dunia hari ini. Bila dapat kerusi dalam parlimen, hinggalah kerusi terlepas dari tangan, apa yang dia boleh buat ialah lebih kaya dari sebelumnya. Itu saja. Hukum Islam sekalipun yang kecil-kecil tidak satu pun diusaha untuk ditegakkan. Sebaliknya ada yang diam-diam buat fatwa perempuan tidak payah pakai purdah. Walau apa pun alasannya, itu semua tidak lebih dari lempar batu



Kekuatan umat Islam pada Iman dan Taqwa. Sembahyang adalah pokok dalam membina kekuatan itu, tanpa khusyuk dan rasa kehambaan yang terpancar darinya tidak ada gunanya perancangan, strateji dan lain-lain kekuatan fizikal yang ada pada sesebuah jemaah Islamiah.

sembunyi tangan atau melepaskan batuk di tangga.

Cukuplah itu untuk memberitahu kita, kalau bukan dengan taqwa, tiada siapa boleh diamanahkan menjaga negara dan rakyat jelata. Itu baru seorang, dia ambil sebahagian dari kekayaan Kalau ramai-ramai yang naik, yang hati dan perangai lebih kurang macam itu juga, habislah kekayaan negara diperebutkan untuk kaum keluarga mereka saja atau 'klik-klik' mereka saja. Maaf, kerana saya terpaksa kata begini. Kita sangat perlu untuk memikirkan soal-soal ini dengan serius.

Lihatlah sejarah pemimpin yang bertaqwa. Rasulullah S.A.W, ketika Siti Fatimah minta seorang rampasan perang untuk dijadikan khadam pembantu rumah, ditolaknya permintaan itu. Sebagai ganti dimintanya Siti Fatimah supaya berzikir Subhanallah 33 kali, Alhamdulillah 33 kali dan Allahu Akbar 33 kali sebelum tidur. Hingga jadilah Siti Fatimah semiskin-miskin manusia tapi dia tetap sabar. Akhimya dia layak jadi penghulu wanita syurga.

Sayidina Umar menampal dinding rumahnya sendiri. Pakaiannya bertampung dan kasutnya yang koyak dijahit untuk dipakai lagi, sedangkan kunci perbendaharaan dan kekayaan negara berada dalam tangannya. Bila diketahui ada janda dan anak yatim kelaparan, segera ditanggung seguni gandum untuk dihantar ke rumah rakyatnya itu. Khadamnya minta untuk menanggung, tetapi tidak dibenarkan dengan katanya:

"Bukan engkau yang akan menanggung dosaku di akhirat nanti."

Ketika seekor kambing rakyatnya mati, Sayidina Umar menangis kerana dirasanya kematian itu adalah kerana kesalahannya. Begitulah taqwanya, sensitifnya dengan dosa. Sebab itu terkeluar dari mulutnya kata-kata yang ajaib ini:

"Sekiranya nanti (di akhirat) diumumkan semua orang

masuk syurga, kecuali seorang, maka aku rasa yang seorang itu ialah aku."

Alangkah takutnya Sayidina Umar dengan dosa-dosanya. Dirasanya dirinya penuh dengan dosa. Kesilapannya dengan rakyat akan membuatkan dia menangis hingga berbekas aliran air mata itu pada pipinya. Dia rasa dia tidak selamat, walaupun sudah diisytiharkan oleh Rasulullah yang beliau termasuk 10 orang sahabat yang dijamin syurga. Sebab bagi Sayidina Umar, itu soal Allah hendak bagi dia syurga? Sedangkan tiada jaminan yang dia tidak berdosa. Kalau begitu, layakkah dia ke syurga dengan calar-calar dosa yang berbekas pada dirinya? Itulah yang Sayidina Umartangiskan!

Sayidina Ali k.w, waktu pemerintahannya, janda-janda dan fakir miskin selalu dapat bekalan makanan di pintu mmah mereka. Tetapi mereka tidak tahu siapa yang meletakkan rezeki itu di situ. Tidak terfikirlah oleh mereka Sayidina Ali yang memberinya kerana beliau pun terkenal dengan kemiskinannya. Hingga bila Sayidina Ali wafat, bekalan-bekalan itu terhenti. Maka fahamlah rakyatnya, Sayidina Ali-lah yang berjalan malam pergi ke pintu-pintu rumah fakir miskin, anak yatim dan janda-janda untuk hantar makanan. Sejak itu terkenal Sayidina Ali dengan panggilan bapa fakir miskin dan janda.

Sayidina Umar Ibnu Aziz, sebaik sahaja diangkat menjadi khalifah terus mewakafkan semua hartanya untuk negara. Begitulah pemimpin yang bertaqwa. Takut mereka pada dosa, membuatkan mereka menyeksa diri untuk rakyatnya. Harta rakyat tidak disentuhnya takut kalau-kalau itu akan jadi sentuhan api neraka. Jadi, pada mereka pemimpin adalah seolah-olah jadi kuda tunggangan yang sentiasa berlari ke sana berlari ke sini untuk menunaikan kehendak orang ramai. Dan kuda itu sentiasa takut dimarahi oleh tuannya, kalau-kalau tugasnya tidak diselesaikan. Sudahkah kita rasa begitu? Tetapi rasa saja tidak cukup. Belum tentu

orang yang rasa tidak mahu marah, benar-benar tidak marah kalau tiba-tiba ada orang mengejeknya. Sebab kalau jiwa tidak bersedia, nafsulah yang akan menguasai dan merajai kita. Apakah nafsu kita sekarang nafsu yang selamat, yakni nafsu mutmainnah? Kalau belum mengapa meminta untuk jadi pemimpin negara, yang hukumnya fardhu kifayah sedangkan kalau benar-benar kita insafi, permintaan itu hakikatnya, seolah-olah meminta api neraka dari Allah S.W.T.

Rasulullah mengambil masa 13 tahun untuk mendidik iman dan taqwa para sahabat. Setelah 10 tahun kemudian barulah baginda merancang pembangunan negara Islam kecil yakni Madinah. Dibangunkan sekolah sebagai kilang mengeluarkan ilmuan yang bertaqwa, penyambung dan pelapis perjuangan. Dibangunkan ekonomi dengan membuka pasar Ansar dengan pengumsnya Sayidina Abdul Rahman bin Auf. Begitulah perjuangan itu berkembang dan terus membesar hingga akhirnya 3/4 isi dunia menyerah diri pada Islam.

Itulah cara memperjuangkan Islam yang dibuat oleh Rasulullah. Dan itulah satu-satunya cara yang benar dan tepat. Habis keriapa kita tidak mahu mencontohinya? Kenapa kita ada pandangan yang sangat menyimpang dari apa yang dibuat oleh Rasulullah? Konon waqi' tidak apa, sedangkan Rasulullah pernah ditawar untuk jadi raja baginda menolaknya sebab bukan cara itu mendidik umat dan itu bukanlah cara yang tepat untuk memulakan satu perjuangan. Bukan melalui istana atau melalui kerusi Perdana Menteri atau menteri-menteri lain, sedangkan umumnya rakyat jelata masih belum bersedia untuk tunduk pada hukum-hukum Allah yang terlalu asing buat mereka.

Konon kita terlalu bimbangkan negara diambil orang, sebab itu kita mesti pertahankan. Alasan ini tidak logik sama sekali. Kalau betul takut orang asing memerintah negara ini, cara terbaik sekali bukannya kita bergaduh dan berpecah

belah sesama Islam, untuk berebut kerusi pemerintahan. Tentu kita jadi penasihat kerajaan itu tentang apa-apa yang tidak syarie, di samping memandu pemerintah untuk mentadbir negara dengan baik serta berusaha meng-Islamkan orang yang bukan Islam. Itukan lebih baik dan lebih menguntungkan umat Islam. Tetapi kita tidak buat begitu. Kita hentam kerajaan umat Islam di dunia hari ini dari belakang, kita hina dan buruk-burukkan hingga terpecahlah umat Islam kepada dua kumpulan besar. Alangkah bahayanya perbuatan ini. Tetapi kita tidak terfikir pun begitu. Kita berebut juga kerusi kerana ingin ambil alih tampuk pemerintahan. Dan bila ada sekumpulan kecil manusia yangtidak senang dengan semua itu, kita cap orang itu tidak tahu politik, tidak fikir negara. Walhal sikap kitalah yang sebenarnya sangat bahaya untuk politik, perpaduan ummah serta keseluruhan umat dalam sesebuah negara.

Tidak mengapa juga kalau perjuangan kita itu benar-benar membawa umat yang cinta Islam itu kepadacara hidup Islam. Tetapi jelasnya tidak begitu. Kita tidak didik mereka dengan iman dan taqwa, dengan akhlak mulia, dengan kerja-kerja menegakkan cara hidup Islam dan dengan sistem pentadbiran dan politik yang tepat dengan Islam. Kita hanya berisemangatpolitikpilihanmyayang kotor, yangmencerca dan memfitnah satu sama lain. Kemudian kita lagakan mereka sekampung. Hancui berkecai perpaduan umat. Kemudian kita syarahkan perpaduan ummah, negara Islam, dunia Islam. Bila orang tanya mana dia Islam itu? Tunggu! Tunggu hingga kita dapat kuasa memerintah negara.

Alangkah kejamnya perjuangan kita itu. Kita bohongi masyarakat konon Islam tidak boleh bangun tanpa kuasa. Padahal sebenarnya macam-macam boleh dibuat tanpa kuasa. Hingga kerana itu terbiarlah rakyat dari hari ke hari, hidup dalam cara hidup yang tidak menentu. Agamanya Islam tetapi hidupnya tidak macam orang Islam yang hakiki. Sampai bila hal ini mahu kita pertahankan? Apa kita tidak



Ganyang Yahudi! Ganyang Amerika! Ganyang Rusia!... tetapi sejauh mana kita membuang cara hidup Yahudi, Amerika dan Rusia di dalam diri kita? Kadang-kadang rokok Amerika terselit di poket dalam pada kita mengutuk Amerika.

takut satu hari masyarakat akan sedar tentang penipuan ini? Dan mereka akan menentang kita dan meninggalkan kita seorang diri?

Senjata untuk perjuangan Islam yang utama ialah taqwa. Sebab dengan taqwa Allah akan bantu. Bila Allah bantu, tiada kuasa apa lagi yang boleh mengalahkan kita.

Pertolongan Allah bermacam-macam bentuknya. Kalau dalam medan perang, ialah dengan menurunkan malaikat beribu-ribu banyaknya untuk mengalahkan orang kafir. Tetapi kalau di medan dakwah dan tarbiah Allah beri bantuan dengan cara lain pula. Antaranya:

1. Allah ilhamkan ilmu-ilmu yang bermanfaat, yakni ilmu dalam cara menarik orang. ilmu dalam bertindak, ilmu untuk melaksanakan ekonomi Islam, menegakkan kilang-kilang Islam, sekolah Islam, dan lain-lain ilmu praktikal untuk mewujudkan Islam dalam setiap aspek kehidupan. Ilmu begini telah Allah kurniakan pada umat Islam zaman dulu terutamanya di zaman para sahabat dan para salafus soleh. Sebab itu mereka boleh membangun dan menawan tiga perempat dunia walaupun kelulusan mereka tidak diiktiraf oleh mana-mana universiti. Bangunan yang dibina oleh umat Islam, misalnya istana Al Hambra di Sepanyol, tahan kukuh hingga kini, 700 tahun sudah, sedangkan binaan orang sekarang baru 20 tahun sudah roboh. Itulah ilmu ilham yang diberi kepada orang soleh. Ilmu yang datang langsung dari Allah, berdasarkan firman-Nya:

وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ

Terjemahan: Bertaqwalah nescaya Allah akan mengajar kamu.

(Al Baqarah: 282)

Begitu' juga sistem perairan dalam bangunan-bangunan

yang dibina oleh umat Islam 700 tahun dulu. Hingga kini, pakar sains dan teknologi tidak mampu menirunya. Misalnya salah satu paip air dalam istana Al Hambra, yang boleh mengeluarkan air dengan sendirinya bila masuk waktu sembahyang. Telah pemah diselidik oleh orang Barat untuk mengetahui rahsianya. Hasil penyelidikan itu, paip itu rosak tents dan mereka tidak boleh memperbaikinya semula, apalagi untuk membina yang baru Itulah ketinggian teknologi orang soleh.

2. Ilmu firasat, yakni rasa hati yang tepat hasil dari sifat taqwa. Ini amat perlu supaya pejuang Islam dapat bertindak tepat pada waktu dan ketikanya dalam menghadapi ragam musuh. Misalnya musuh sudah siap untuk tabur fitnah tentang kita, maka Allah akan ilhamkan pada hati satu tindakan yang boleh membuatkan musuh berhenti dari niat jahatnya, contohnya dengan menghantar surat pada musuh, bahawa kalau dia buat fitnah, kita akan dedahkan berita skandal mereka yang ada dalam simpanan kita.

Misalan lain, ialah bila musuh bercadang hendak ambil tindakan mengacau kampung kita, maka Allah akan ilhamkan pada kita, supaya kita keluar segera dari kampung kita itu. Ilmu firasat juga penting untuk mendidik ahli-ahli yang berbeza-beza sifat mazmumahnya. Supaya semuanya dapat dididik untuk jadi orang soleh dan bertaqwa.

Itulah firasat namanya, satu rasa hati yang kuat mendesak agar kita buat sesuatu yang kadangkala di luar logik fikiran manusia. Ilmu inilah yang telah menguatkan perjuangan Islam, umat Islam dulu. Mereka boleh ‘attack’ musuh dengan cara yang membingungkan musuh. Tindakan mereka seolah-olahmereka tahu rancangan musuh. Sebabitu musuh tidak boleh buat apa-apa dengan mereka.

Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah dengan sabdanya:

اِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ ، فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ.

Terjemahan: Takutilah firasat orang mukmin kerana mereka melihat dari cahaya Allah.

(Riwayat Tarmizi)

Tapi hari ini pejuang Islam ketawa kalau kita cakap tentang hal-hal begini. Karut kata mereka. Tidak logik. Tidak rasional. Dan lain-lain lagi. Kerana itulah perjuangan mereka macam keretapi rosak enjinnya. Bunyinya kuat tetapi tidak bergerak-gerak. Akibat menolak soal-soal kerohanian, konon hal-hal kerohanian boleh membuatkan orang jumud dan ketinggalan zaman. Tetapi nampaknya tanpa kerohanianlah menyebabkan perjuangan mereka lebih ketinggalan zaman. Di waktu kebangkitan Islam kian memuncak, jemaah Islam ada yang makin malap dan kian dilupakan orang. Kalau begitu, bukankah lebih baik iktiraf hal-hal kejiwaan dan kerohanian ini.

Betulkan fahaman kita konon kalau takut-takutkan orang dengan dosa, dengan neraka, nanti orang akan tinggal dunia. Orang tidak membangun dan tidak membina kemajuan dan tamadun. Sebab itu jangan tonjol-tonjolkan sangat menyebut takutkan Allah, akhirat, syurga, neraka dan lain-lain hal ghaib yang berunsur kerohanian. Ceramah, mesyuarat, rapat umum, tulisan, kertas kerja dan tindakan kita hanya sebut Islam tetapi jarang dikaitkan dengan Allah, iman. taqwa, syurga, neraka, akhirat, mati, kubur, hari hisab dan lain-lain lagi. Ini yang berlaku pada jemaah Islam rata-rata di duniaini. Umat Islam dan pejuang Islam sendiri rasa tidak yakin dan tidak ghairah dengan Allah, dengan Rasulullah, dengan malaikat, dengan rijalullah, rijalulghaib, dengan mati, kubur, hari kiamat, syurga, neraka. Pada pendapat mereka, kalau disebut-sebutkan sangat hal itu orang akan lari sebab perkara itu ketinggalan zaman. Soal cinta Allah, rindukan Allah, malu pada Allah, takutkan Allah, tawakal,

redha, sabar, syukur dan hina diri pada Allah sangat jauh dari perbincangan mereka apalagi untuk dijadikan amalan rohani mereka. Tidak ada satu muktamar pun, khas untuk fikir dosa dan kelemahan hubungan hati dengan Allah. Mereka hanya hendak ambil kaedah-kaedah yang ada untuk selesaikan masalah dunia kini. Tetapi tidak mahu ambil Allah, Rasulullah dan hal-hal ghaib semuanya sebagai kecintaan dan matlamat hidup mereka. Inilah akibat orang yang berfikiran sekular jadi pemimpin perjuangan Islam. Walaupun dia seorang ulama, tapi fikirannya, fikiran sekular. Islam itu ditafsirkan secara sekular maka terjadilah pemisahan antara hukum Islam yang lahir dengan soal-soal Islam yang ghaib. Mereka ambil yang logik pada mereka dan mengenepikan soal-soal yang tidak terjangkau oleh logik akal. Kerana itu jadilah Islam itu seolah-olah tiada kaitan dengan Allah, sebaliknya ia seolah-olah dijadikan satu ideologi, sesuatu yang dicipta oleh otak manusia. Ia mungkin tidak bercanggah dengan Islam, tetapi oleh kerana perjuangan itu bukan dibuat atas dasar kerana perintah Allah, atas dasar iman, atas dasar keyakinan kepada perkara-perkara ghaib maka semua itu tidaklah jadi ibadah. Yakni tiada ganjaran pahala di akhirat nanti. Di samping itu, bila amalan atau perjuangan itu tidak dikaitkan dengan Allah, maka manusia tidak dapat menolak rasa ujub dan riak. Bila rasa ini sudah bersarang di hati kita, akibamya kita terdorong mengata-ngata orang dan menyalah-nyalahkan orang lain kerana merasa diri bersih dan sudah baik. Bila ini sudah jadi tabiat dan perangai kita, bukan Allah saja yang benci. nanti kita akan dapati orang lari dan tinggallah kita seorang diri. Kalaupun ahli jemaah tidak lari, bukan kerana sukakan kita tapi cuma suka lihat dan dengar bagaimana kita pukul musuh atau memang hobinya suka mengata musuh.

Islam mesti dimulakan dengan iman dan taqwa. Itulah cara Allah mendidik manusia melalui Al Quran, sebelum dan sesudah menyatakan sesuatu hukum atau peraturan



Pembentukan peribadi melalui perubahan hati yang menitik beratkan iman dan taqwa adalah jalan utama ke arah menegakkan Daulah Islamiah.

mesti Allah menyebut soal-soal iman dan taqwa ini. Yakni takutkan Allah, azab neraka, syurga dan lain-lain lagi. Lihat beberapa contoh:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ○

***Terjemahan:** Wahai orang beriman, hendaklah kamu takutkan Allah dengan sebenar-benar takut dan jangan kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*

(Ali Imran : 102)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ○
يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَـٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ
ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ○

***Terjemahan:** Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu takutkan Allah dan katakanlah dengan perkataan yang tegas, nescaya Allah akan membaiki kerja-kerja kamu dan ampunkan dosa kamu. Barangsiapa takutkan Allah dan Rasul, maka sesungguhnya dia mendapat kemenangan yang besar.*

(Al Ahzab : 71)

وَاتَّقُوا يَوْمًا لَّا تَجْزِي نَفْسٌ عَن نَّفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا
شَفَاعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ○

Terjemahan: Dan takutlah kamu akan suatu hari di waktu yang mana seseorang tidak dapat membela seseorang yang lain sedikit pun dan begitu juga tidak akan diterima suatu syafaat dan tebusan daripadanya dan tidaklah mereka akan ditolong.

((Al Baqarah : 48)

Lihatlah di dalam khutbah Jumaat. Tidak sah khutbah itu jika tidak menyebut perkataan (اتقوا الله) 'Takutlah Allah' Ini disebabkan menyebut (اتقوا الله) adalah rukun khutbah. Begitulah pentingnya peringatan itu, agar manusia takutkan Allah sebagai pendorong untuk melaksanakan hukum-hakam Allah.

Demikianlah taqwa itu jadi syarat terpenting dalam menegakkan hukum Allah. Sebab itu Rasulullah sebelum berperang selalu ingatkan tentera supaya yakin dengan Allah dan takut dosa. Jadi kalau kita hendak berjuang atas nama Islam, kita mestilah terima syarat ini dan melaksanakannya. Barulah betul, kita buat kerja Allah dan terhindar dari sikap memandai-mandai. Tetapi kalau kita perjuangkan Islam, dengan cara yang difikirkan oleh otak kita, ertinya kita berjuang kerana kita, bagi pihak kita, bukan kerana Allah dan bagi pihak Allah. Kalau ini berlaku, tidak ada apa lagi keistimewaan pada perjuangan itu kerana ia tandus dengan satu tenaga yang luar biasa yakni bantuan Allah. Bila Allah tidak bantu, dalam keadaan ekonomi

meleset ini pula, ilmu pun masih diceduk dari orang. . . Tidak peliklah kalau nasib kita kini bagaikan ayam mati kelaparan di kepuk padi dan itik mati kehausan di dalam air. Malang seribu kali malang!

8

Kenapa Salahkan Musuh?

KELEMAHAN, kekalahan dan kegagalan pejuang Islam, bukan salah kerajaan, tidak juga Yahudi, Nasrani atau komunis atau juga nafsu dan syaitan. Janganlah musuh disalahkan, walaupun memanglah mereka bersalah. Sebagai musuh Allah dan Rasul, memanglah mereka menentang perjuangan Islam, tetapi urusan untuk menghukum mereka itu serahkan pada Allah. Tahulah Allah bertindak terhadap hamba-Nya itu. Tugas kita ialah menyampaikan amanah Allah menyambung lidah Nabi.

Di samping berusaha untuk membangunkan hukum Allah dalam kehidupan kita serta anggota jemaah Islam, perjuangan kita bukan marahkan kerajaan kerana tidak melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran Islam, tapi ialah marahkan diri kita kerana belum dapat berbuat apa-apa pun. Sekalipun hanya sebuah kampung Islam contoh dan masyarakat Islam yang tulen. Kesalkan dosa-dosa kita yang kita tahu ia dimurkai Allah tapi kita buat juga. Patutnya kita berkata, "Kalau aku pun belum dapat melakukan perintah Allah dengan sempurna mengapa aku suruh orang lain melakukannya."

Firman Allah:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ

***Terjemahan:** Sangat besar kebencian di sisi Allah, kerana kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan*
(As Saf : 63)

Kalau benar kita berjuang bagi pihak Allah, tentu kita dapat jadi contoh kepada umat, yakni Islam itu terserlah pada diri dan kehidupan serta dalam jemaah kita. Tapi perjuangan kita ini, tidak begitu bentuknya. Kita jual nama Islam untuk memuaskan keinginan-keinginan pada pangkat dan kedudukan, pada kuasa dan negara. Konon di atas semua itulah Islam dapat ditegakkan. Walhal Islam hanya boleh hidup di atas peribadi yang kuat iman dan taqwa. Tapi iman dan taqwa tidak dapat tempat dalam majlis-majlis rasmi dan dalam kehidupan kita. Lalu tidak pelik kalau kita lihat pejuang Islam masih lagi berperangai buruk seperti ujub, riak, sombong, takabur, bakhil, gila dunia, hasad dengki, dendam, berburuk sangka, berkrisis sesama sendiri dan lain-lain.

Kenapa salahkan musuh? Walhal kelemahan, kekalahan dan kegagalan kita adalah kerana salah kita, dosa-dosa kita, lemahnya iman dan taqwa kita hingga Allah tidak bantu serta kerana kita tidak melaksanakan sungguh-sungguh ajaran Islam pada diri dan jemaah kita terlebih dahulu. Konon nanti dapat negara baru hendak laksanakan Islam itu, walhal kalau dalam jemaah yang kecil pun kita tidak dapat membangunkan ukhwah, pendidikan, ekonomi, budaya Islam, klinik dan lain-lain, apa bukti yang kita boleh melakukarmya dalam sebuah negara? Apa kuasa sahaja cukup untuk jinakkan hati manusia untuk tunduk pada Allah dan Rasul? Kalau semudah itu, tentu sudah lama kerajaan laksanakan Islam sebab kerajaan kita pun katanyamahukan Islam. Tapi apa yang berlaku tidak begitu. Kuasa bukan syarat utama untuk membuatkan manusia ghairah dengan Allah dan Rasul.

Yang sebenarnya kita mesti menyediakan berbagai-bagai

keperluan asas yang diperlukan untuk membina negara Islam bahkan dunia Islam. Untuk itu saya berseru kepada jemaah-jemaah Islamterutamanya anggota jemaah Darul Arqam, agar bangun dari kelalaian dan kesilapan ini, kemudian bekerjalah menegakkan hukum-hukum Allah dengan cara yang begini:

1. Didik dan asuh diri sendiri dan ahli-ahli jemaah Islam untuk jadi orang-orang yang bertaqwa. Sebab taqwa adalah senjata utama untuk perjuangankita. Ciri taqwa yang menjadi target kita ialah:

رُهْبَانٌ فِى ٱللَّيْلِ وَفُرْسَانٌ فِى ٱلنَّهَارِ

Terjemahan: Menjadi abid di malam hari, menjadi singa di siang hari.

Sebelum anggota jemaah Islam dapat mencapai taqwa yang sebegitu, jangan harap kita dapat Islamkan seluruh negara, diri sendiri pun belum tentu selamat dari bakaran api neraka, disebabkan oleh dosa-dosa tadi.

2. Hentikan sikap menyalah-nyalahkan orang lain, menuduh dan menghina sesama Islam, terlalu kasar dengan manusia bahkan dengan rakan-rakan seperjuangan. Sebab hal itu semua adalah perangai sombong dan takabur yang dibenci oleh Allah. Dibenci juga oleh manusia. Orang akan takut dengan Islam yang kita bawa. Iblis dicampakkan keluar dari syurga adalah kerana sombong. Ajaklah manusia kepada Allah dengan kasih sayang. Moga-moga Allah lunakkan hati mereka untukmenerima kebenaran. Doakan untuk mereka sebagaimana doa Rasulullah S.A.W.



Satu aktiviti perkhemahan oleh pemudi-pemudi yang menganggotai perkumpulan Islam. Apakah kita hanya pandai menyelar kebatilan dan kemungkaran, sedangkan dalam masa yang sama kemungkaran dan kederhakaan itu juga ada pada diri kita?

Terjemahan: Wahai Tuhanku, berilah petunjuk pada kaumku, kerana sesungguhnya mereka tidak mengetahui.

3. Kesalilah sikap kita yang nampak kesilapan orang tapi tidak nampak kesilapan sendiri. Seolah-olah kita sudah terlalu baik, sebab itu kesalahan orang lain kita heboh-hebohkan ke hulu ke hilir. Kita bercakap, berpidato dan berceramah siang dan malam, ligat sekali. Tapi sayang apa yang kita sarankan itu kita pun gbelum dapat melakukannya, bagaimana orang lain yang lebih lemah dari kita yakni yang tidak dapat cita-cita Islam dapat melakukannya? Patutnya kitalah yang terlebih dulu cuba berjuang melakukannya, kemudian kita suruh pula orang lain mencontohinya. Barulah sesuai dengan kehendak Allah S. W.T:


يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ


كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman ,mengapa kamu mengatakanperkara yang tidak kamu lakukan? Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan perkara yang tidak kamu lakukan.

(As Saf : 3)

4. Jadikan jemaah Islam sebagai jemaah contoh dari segi ilmu, ibadah, akhlak, pengorbanan, rasa persaudaraan, perpaduan dan cara hidup Islam dalam kehidupan harian. Jikalau keindahan Islam dapat dihiaskan pada diri anggota jemaah Islam itu sendiri, dengan sendirinya ia menjadi daya tarik yang kut pada orang ramai untuk mengikuti Islam itu. Tapi kiranya kita pun belum dapat melakukannya, tidak peliklah kalau orang lain lebih teruk lagi. Janganlah





Islam tidak akan tertegak dalam seluruh aspek kehidupan hanya dengan saranan dan ucapan. Ia memerlukan kerja keras, pengorbanan dan kesungguhan yang berterusan. Tidak cukup hanya di majlis resmi atau hanya melalui seminar, forum, majlis dialog dan lain-lain. Lebih-lebih lagi jika di dalam majlis itu sendiri terdapat pelanggaran hukum seperti mendedah aurat, bergaul bebas, mengumpat dan lain-lain bentuk kemungkaran.

disalahkan mereka sahaja.

5. Tegakkan sistem hidup Islam dalam kehidupan ahli jemaah Islam. Yakni sistem pendidikan Islam, ekonomi Islam, sosial Islam, pentadbiran Islam, perubatan Islam, media-massa Islam, perkilangan barang-barang keperluan umat Islam, hubungan luar negeri, biro dakwah, bin, kebajikan khusus memikirkan nasib anggota. Misalnya perkahwinan mereka, keperluan biasiswa, menanggung anak yatim dan janda serta lain-lain lagi. Siapa halang kita dari melakukan ini semua? Ahli yang beratus ribu itu mengapa tidak digunakan sebagai tenaga pekerja untuk menegakkan Islam dalam jemaah? Apa yang ditakutkan? Atau apa yang tidak ada?

Jika sekiranya jemaah Islam tidak menyediakan sistem hidup Islam, sekurang-kurangnya sistem pendidikan untuk lahirkan kader, itu maknanya jemaah tersebut belum berjuang, baru berangan-angan. Kalau setakat bercakap itu belum cukup syarat untuk membuktikan yang orang itu benar-benar cintakan hukum-hukum Islam. Sungguh tidak logik jemaah Islam mahu Islamkan negara, sedangkan jemaahnya sendiri belum berwajah Islam. Lagilah tidak logik jemaah Islam hendak ubah sekolah sekular pada Islam. Bagaikan pokok rambutan hendak ditukar jadi durian Mustahil. Bila jemaah Islam tidak membangunkan sistem Islam, ertinya mereka tidak memberi kerja pada orang-orangnya, selain mengharapkan undi. Lalu tidak peliklah kalau ramai orang tidak percaya dengan jemaah Islam, tentang kemampuannya untuk memberi keadilan dan keamanan serta keharmonian pada masyarakat.

6. Anggota wanita dalam jemaah Islam hendaklah berusaha menjadi wanita yang solehah. Yang taat pada suami dan masanya banyak di rumah untuk berkhidmat pada suami dan anak-anak. Tugas luar jadikan nombor dua, iaitu

selagi yang pertama belum selesai, jangan buat yang kedua. Sumbangan pada perjuangan boleh diberikan melalui cara yang tidak menyimpang dari syariat. Kalau perjuangan kita bercanggah dengan syariat, **bereti kita** telah **membina** dinding antara jemaah dengan Allah. Dosa kita itu menyebabkan jemaah tidak ditolong oleh Allah.

Kemuncak perjuangan wanita ialah membenarkan poligami. Barulah ketara bahawa wanita solehah, hati dan jasadnya jauh beza dengan wanita-wanita yang fasik dan kafir.

7. Jadikan jemaah Islam sebagai jemaah dakwah, supaya usaha-usaha menyampaikan ajaran Islam tidak terbatas di musim pilihanraya sahaja. Berdakwah bererti memberi pandangan, nasihat, tunjuk ajar, teguran dan didikan untuk melaksanakan Islam. Berdakwah bukan mesti bercakap sahaja, tetapi dipelbagaikan dengan surat-menyurat, telefon, ziarah ke rumah, melalui kaset dan video, melalui buku, sajak, syair, nasyid, akhbar, majalah dan lain-lain.

Didiklah umat sama ada yang sudahberagama Islam atau yang belum Islam untuk cinta Islam dan mengamalkan ajaran Islam itu. Jangan diulang lagi perbuatan menarik orang kafir kepada negara Islam, sedangkan dia tetap kafir. Alangkah kejamnya perbuatan tersebut dan sangat bertentangan dengan Islam. Rasulullah berjuang meng-Islamkan orang bukan meng-Islamkan negara sedangkan orangnya tidak. Tapi kita, biarlah orang masuk neraka asalkan aku dapat kuasai negara!

8. Sediakan tenaga-tenaga profesional yang bertaqwa di bidang-bidang yang diperlukan untuk pemerintahan dan pentadbiran negara. Sebab, mana tahu kalau-kalau satu hari nanti kita diminta memerintah secara Islam, kita sudah bersedia.

9. Korbankan 60% daripada harta benda dan kekayaan kita tmtuk jemaah Islam. Malah jika mampu seluruhnya (seperti yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat). Pejuang Islam tidak boleh hidup bermewah-mewah. Ambil rezeki dari Allah untuk keperluan, selebihnya adalah untuk masyarakat, untuk jemaah dan untuk jihad fisabilillah. Rasulullah mengorbankan seluruh kekayaan pemberian Siti Khadijah kepada perjuangannya. Hingga baginda sendiri miskin. Sayidina Abu Bakar juga habis semua harta bendanya hingga yang tinggal katanya, Allah dan Rasul. Sayidina Umar menyerah lebih dua pertiga dari hartanya, Sayidina Usman lebih separuh manakala Sayidina Alimemanglahpapa kedana. Sebabmembangunkan sistem hidup Islam atau tamadun Islam dan membina masyarakat Islam yang aman dan makmur memerlukan harta benda dan Wang ringgit yang bukan sedikit.

Yang dasamya, kekayaan tidak boleh dimiliki oleh individu, tetapi patut menjadi milik masyarakat supaya tidak adalah orang yang terlalu miskin dan terlalu kaya. Selain dari itu, pembinaan sekolah, perniagaan perkilangan, hospital, pertanian, pentemakan, keperluan awam, media massa danlain-lain sangat memerlukanbelanja yang tinggi. Kalau ahli tidak mahu berkorban, bagaimana pembangunan itu semua boleh dibuat? Itulah pentingnya pengorbanan Wang dan harta benda, di samping pengorbanan masa, tenaga, ilmu, fikiran dan lain-lain.

10. Musuh Islam telah tawan dunia dan fikiran serta jiwa manusia melalui media massa, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, politik, perubatan, perkilangan, pengeluaran makanan, penulisan, perfileman, video, televisyen,fesyen, muzik, puisi, ketenteraan, perhubungan, khidmat masyamkat dan seribu satu macam cara lagi. Melalui cara itu mereka telah dapat menjadikan manusia ikut cara hidup mereka, walaupun yang beragama Islam.



Konsert rock, pertunjukkan pentas dan lain-lain aktiviti seni yang mungkar mesti ditentang. Peranan seni dalam Islam mesti dihidupkan semula melalui aktiviti seperti Malam Puisi, Malam Tamaddun Islam, Hari Muslimah, Konsert Nasyid dan lain-lain. Jika usaha ini dapat diperhebatkan, dakyah musuh pasti tertekan!

Jemaah Islam mesti sedar hakikat ini. Musuh bukan memerintah negara umat Islam hari ini, tapi kenapa mereka boleh corakkan masyarakat kita dengan cara hidup mereka Mereka bukan hantar tentera pada kita. Tapi musuh menghantar fikiran, budaya, cara hidup mereka sama ada dalam berpolitik, berekonomi, bergaul suami isteri, kebudayaan, bersekolah, berpendidikan, perubatan, filem dan lain-lain lagi. Melalui kaedah itu mereka sudah meyahudi dan menasranikan negara-negara umat Islam. Ertinya mereka meyahudi dan menasranikan umat Islam bukan melalui kuasa memerintah. Tapi dengan dakyah, yakni menyalurkan fikiran dan keyakinan hiudp mereka yang batil itu kepada umat Islam melalui berbagai saluran. Bila fikiran itu sampai ke tengah masyarakat, yang ia kelihatan begitu cantik dan menarik pada nafsu kita, maka tanpa sedar umat Islam sudah berubah kepada fikiran, keyakinan dan cara hidup musuh Islam, termasuk pejuang Islam sendiri.

Kalau begitu mengapa kita pejuang Islam sibuk hendak negara juga? Kuasa, tentera dan duit nyata tidak boleh menggugat Amerika dan Rusia. Ghadafi konon tunjuk senjata pada Amerika tapi akhimya lenyap ditelan dek gergasi duniaitu. Arab Saudi yang kayaraya, sudah jadi ceti dunia konon telah mengisytiharkan negara Islam, bawa Al Quran dan sunnah sahaja dengan menolak mazhab-mazhab, tapi kini jadi anak angkat dan anak emas Amerika. Iran belum pun dapat Islamkan Iran sendiri, baru dapat tumbangkan Syah, terpaksa berperang dan akhimya papa kedana.

kita ingin nak tawan kuasa negara konon untuk Islamkan negara? Apa kita fikir Amerika dan Rusia akan berdiam diri terhadap kita nanti kalau betul-betul memerintah? Apa jaminan tidak akan jadi seperti Arab Saudi dan Iran? Mungkin lebih kejam dan dahsyat dari itu. Umat Islam krisis sesama sendiri. Kecoh



Bersatu untuk menghancurkan Israel? Hanya dengan slogan dan tempikan.......tidak mungkin. Bersatu sebenarnya adalah sama-sama menegakkan hukum Allah yang lima dalam seluruh aspek kehidupan. Jika ini dapat dilakukan nescaya musuh akan gentar kerana di situlah letaknya kekuatan Islam.

satu masjid dua imam berlaku sesudah dapat kemenlekaan. Ertinya bila dapat negara, masalah lebih banyak daripada sebelum merdeka.

Tapi kalau kita buat macam mereka, yakni salurkan kandungan Al Quran dan sunnah, tegasnya iman, Islam dan ihsan ke tengah ‘manusia, yang kalau manusia mengambilnya untuk jadi keyakinan dan cara hidup mereka, tentu musuh Islam tidak boleh buat apa-apa. Sekurang-kurangnya musuh hanya boleh kemaskan penyampaian likiran kepada dunia. Itu saja. Tapi kalau kita boleh ketengahkan Islam secantik-cantiknya, menggunakan saluran-saluran yangdigunakan oleh musuh-musuh seperti media massa, pendidikan, budaya dan lain-lain, sesungguhnya fitrah manusia tidak akan menolaknya. Terjadilah nanti pertarungan fikiran dan keyakinan yang serius dalam diri tiap-tiap manusia dan tidak mustahil nanti yang bukan Islam pun akan menerima kebenaran wahyu dan sabda Nabi. Mereka akan menukar cara hidup jahihah kepada Islam. Cara ini kalau kita dapat laksanakan dengan sebaik-baiknya dan dengan pertolongan Allah, bukan negara saja dapat di-Islamkan, tapi dunia pun boleh jadi Islam. Mengapa kita tidak mahu yakin tentang ini? Sedangkan kerusi yang kita perebutkan, jumlah makin kurang untuk kita. Apalagi harapan untuk Islamkan dunia ini sesudah kuasa memerintah tidak dapat?

11. Saya ulangi lagi bahawa kalau tidak boleh buat semua jangan tinggalkan semua. Kuasa memerintah tidak ada, sebab itu tidak boleh tegakkan undang-undang jenayah Islam, tapiundang-undang lain masih boleh ditegakkan. Ibadah, muamalah dan munakahat. Jalankan rubu’ ini. Ajak umat sembahyang banyak dan puasa banyak kemudian korban banyak-banyak (yang ada dua rumah jual satu, rumah sewa wakafkan sebahagiannya) untuk perjuangan Islam. Takkan hendak latih sembahyang, puasa dan berkorban



Barang makanan dan keperluan harian mesti dihasilkan untuk menyelamatkan hati umat Islam dari dikotori dɒʎ makanan yang syubahat dʌn tidak bersih menurut syariat. Ia juga membuka peluang pekerjaan kepada anggota jemaah sekaligus sebagai sumber kekuatan ekonomi kepada perjuanagan menegakkan Islam

pun nak **tunggu** kuasa negara juga.

Jangan anggap sembahyang, puasa dan berkorban itu kurang dituntut. Bahkan ia fardhu ain yang mana kalau tidak dilaksanakan dengan sengaja boleh membawa kafir. Selama ini kita kafirkan orang kerana tidak buat negara Islam, kenapa tidak kafirkan orang-orang yang tidak kisah dengan fardhu ain itu?

Setemsnya menegakkan ekonomi Islam di tempat-tempat kediaman kita, itu pun fardhu kifayah. Hendak buka kedai dan kilang makanan atau lain-lain projek ekonomi, tidak payah tunggu kuasa. Bahkan kerajaan menggalakkan rakyat berdikari. Kenapa tidak bangunkannya, untuk elak dari sistem ekonomi riba yang kita masih terlibat? Kenapa prasangka dengan jemaah Islam yang membina kekuatan ekonomi mereka? Bukankah menegakkan ekonomi Islam dalam hidup harian jemaah Islam itu merupakan fardhu kifayah? Siapa menafikan boleh bawa kafir juga. Rasulullah S.A.W sendiri menyuruh Sayidina Abdul Rahman lbin Auf membangunkan ekonomi Islam. Kebijaksanaan sahabat tersebut dalam berekonomi telah membuatkan Yahudi yang selama ini menghisap darah rakyat meninggalkan Madinah. Demikian betapa ekonomi juga jadi satu kuasa untuk menekan musuh. Kenapakita katakan remeh temeh dan ketawakan jemaah Islam yang melaksanakannya?

Dalamhalnikahkahwinpula,kenapakitatidakperjuangkan cara-cara nikah kahwin menurut Islam? Kenduri kendara, mas kahwin, hantaran, memilih jodoh dan pergaulan suami isteri yang dibuat sekarang, tennasuk oleh anggota jemaah Islam, bukannya cara Islam. Rasulullah menunjukkan cara muamalah yang sederhana dan padan dengan semua orang. Takkan untuk kurangkan hantaran dan mas kahwin pun mahu tunggu negara Islam? Nak kenduri kendara secara sederhana, tanpa suasana fasik, campur aduk lelaki perempuan pendedahan aurat dan muzik pop yang

melalaikan dan membangkitkan nafsu itu boleh dibuat walaupun negara belum Islam. Tidak payah tunggulah.

Begitu juga bagi isteri-isteri, hendak taat suami, takkan nak tunggu negara Islam? Perempuan yang derhaka suami, kalaupun negara sudah Islam, tapi dia tetap masuk neraka. Jadi isteri-isteri anggota jemaah Islam, janganlah risaukan negara yang belum Islam sampaikan terlupa hendak taatkan suami. Ada isteri pejuang Islam yanglebih taat kepada bos pejabat daripada taatkan suaminya. Sepatutnya selagi tidak dapat taat suami, tidak payah kempen suruh orang lain tegakkan Islam, sebab kita pun belum betul-betul amalkan Islam. Tambahan lagi kalau dapat negara Islam nanti, sudah bersediakah puan-puan untuk dipoligamikan? Sebab dalam sebuah negara Islam poligami adalah amalan biasa dan dibenarkan cara terbuka. Sebabnya antara polisi negara Islam ialah menambah zuriat dan menyelesaikan masalah masyarakat. Kalau belum bersedia untuk apa dapatkan negara Islam dulu? Pendek kata banyak yang kena buat dan boleh dibuat walaupun negara belum dapat. Kenapa tidak buat?

12. Hentikan sikap-sikap yang boleh merugikan jemaah Islam:

1. Suka membesar-besarkan perkara yang kecil dan meremeh-remehkan hal yang besar. Ini terjadi apabila kita tidak setuju dengan sesuatu perkara, maka yang besar pun jadi kecil, tapi apa yang kita setuju, yang kecil pun jadi besar. Orang begini ialah orang yang tidak ada prinsip tertentu, kalau ada maka penyakitnya ialah tidak kuat dan dia tidak tegas melaksanakan prinsip. Orang yang ada prinsip, perkara yang hak, walau apa orang kata sekalipun, kecil macamana sekalipun, tetap dibesarkan dan dipertahankan. Sebaliknya perkara yang batil, walaupun orang

semua setuju dan bagaimana gagah sekalipun tetap dikecil-kecilkan dan ditentang. Tapi pejuang Islam hari ini bukan hak dan batil timbangannya. Tapi ikut suasana. Misalnya ketika Arafat berjaya, sokonglah perjuangan Arafat Tapi kemudian bila Ghadafi tertonjol, tarik balik sokongan pada Arafat, sokong perjuangan Ghadafi pula. Akhimya bila Ghadafi ditelan zaman, berhentilah meniru cara dan roh perjuangan Ghadafi. Tiba-tiba datang Khomeini dengan revolusi di Iran. Sokong cara Khomeini pula, terima Syiah pula. Walhal sebelum itu tuduh orang-orang yang baca doa menyebut Sayidina Ali, Siti Fatimah, Sayidina Hussin dan Sayidina Hassan, sebagai berbau Syiahdan karut. Tapi bila Syiah menang, mereka pun peluk Syiah, tidak timbul karut lagi.

Rupa-rupanya Iran tidak sampai ke mana juga. Sejuk di tengah jalan, maka sejuklah juga pejuang Islam. Begitulah halnya pejuang-pejuang Islam hari ini. Patutlah tidak berjaya, sebab tidak ada hala yang khusus untuk dituju.

2. Sikap suka memandang hina dan mengutuk serta menuduh-nuduh sesama Islam bahkan sesama jemaah Islam. Sikap ini sebenarnya merugikan kita sendiri, sebab masyarakat akan nampak akhlak kita buruk, suka menghina orang lain. Orang akan lebih simpati pada jemaah yang kita tuduh tadi. Apa baiknya kita mengata-ngata orang? Allah benci, manusia pun tidak, suka. Orang akan kata, mereka pun tidak ikut Islam betul-betul, macamana suruh orang lain buat? Kalau begitu, tukarlah sikap dan cara berjuang supaya kita benar-benar mewakili Allah (Hezbullah). Berjuang ikut cara dan kata Allah, bukan cara dan kata kita.

Itulah di antara langkah-langkah praktikal yang mesti dilaksanakan oleh pejuang Islam demi memperjuangkan

Islam di akhir zaman ini. Sekiranya kita laksanakan dengan baik, nanti kita lihat satu perubahan besar berlaku dalam masyarakat. Dan itulah tanda-tanda bahawa negara ini dan dunia ini akan jadi negara Islam dan dunia Islam. Insya-Allah.

9

Surat Terbuka
Untuk Pemimpin Dunia Islam

ASSALAMUALAIKUM السلام عليكم
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH, ورحمة الله وبركاته

BINGKISAN ini ialah sebuah perutusan dari seorang hamba Allah yang dhaif lagi berdosa untuk saudara-saudaranya se-Islam yang telah diamanahkan oleh Allah memimpin dan mentadbir masyarakat Islam di negara-negara di seluruh dunia. Allahlah yang memberi keupayaan untuk saya menulis surat terbuka ini awal dan akhirnya dengan tujuan memberi peringatan kepada tuan-tuan yang mulia, tentang tanggungjawab yang dibebankan di bahu tuan-tuan. Janganlah tuan-tuan merasa terhina atau kecil hati dengan teguran dari seorang yang kecil seperti saya. Kerana saya tidak boleh bertindak apa-apa pun terhadap tuan-tuan selain dari surat ini. Akan tetapi takutlah tuan-tuan pada Allah, bahawa kiranya amanah itu dikhianati, tuan-tuan tidak boleh lepas dari azab Allah dunia dan akhirat.

Tuan-tuan yang berhormat,

Selaku seorang Islam, kita dibekalkan oleh Tuhan kita Al Quran dan sunnah. Kedua-duanya adalah perlembagaan dan sistem hidup yang cukup sempurna dan mampu menyelesaikan apa juga masalah individu dan masalah dunia. Tuan-tuan tentu yakin dengan Islam dan dengan kebolehan Al Quran dan sunnah untuk dijadikan dasar dan matlamat perjuangan tuan-tuan. Kalau tidak untuk apa tuan-tuan bangga menerima Islam sebagai agama anutan tuan-tuan.

Tuan-tuan yang berbahagia,

Jawatan pemimpin, pemerintah, ketua negara, wakil rakyat atau apa juga yang tuan-tuan sandang sekarang, adalah satu kurniaan dan pinjaman Allah pada tuan-tuan. Tuan-tuan bernasib baik kerana mendapat

kepercayaan dari Allah untuk memimpin umat ini. Allah mengizinkan tuan-tuan terus berada di tempat istimewa itu hingga hari ini, sedangkan saudara-saudara yang lain sudah ada yang Allah jatuh, guling bahkan matikan supaya jadi pengajaran pada tuan-tuan tentang kekuasaan Allah untuk memberhentikan tuan-tuan dari tugas ini bila-bila masa saja yang Allah kehendaki. Oleh itu saya ingatkan diri saya dan tuan-tuan, selaku saudara se-Islam saya, agar menunaikan amanah Allah ini sebaik-baiknya. Jika tidak saya takut kalau-kalau Allah akan campakkan kita ke dalam kancah kehinaan dunia dan akhirat.

Tuan-tuan yang mulia,
Kemerdekaan tanahair dari penjajahan adalah satu pemberian yang mahal. Dan sudah lama kita mendapatkannya. Ada yang 50 tahun, 30 tahun dan seterusnya. Ertinya sudah lama kita diberi tugas oleh Allah untuk menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara kita mengikut Al Quran dan sunnah. Tetapi apa yang berlaku, tuan-tuan tidak pun cuba menjadikan dasar pemerintahan tuan itu seperti apa yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul. Tuan-tuan meneruskan hasrat dan cita-cita penjajah yakni satu bentuk pemerintahan dan pentadbiran yang direstui oleh penjajah, yang tidak ada hubung kaitnya dengan Al Quran dan sunnah. Dasar pendidikan adalah dasar sekular yang mengenepikan agama tegasnya iman dan Islam tidak diambil sebagai matlamat akhir pendidikan.

Dasar ekonomi adalah bercorak liberal kapitalis yang berasaskan riba. Simpanan, pinjaman dan saham semuanya untuk kepentingan dunia, langsung tidak memikirkan kepentingan hidup di akhirat. Dasar luar negeri tidak menentu. Kadang cenderung untuk

menerima Barat, kadang ke Timur. Tidak ada tanda-tanda yang tuan-tuan menerima dasar hubungan luar negeri seperti yang ditunjuk oleh Islam.

Kebudayaan hidup yang diperjuangkan adalah budaya campur aduk, bercelorang dun berceloreng. Seolah-olah tuan-tuan tidak punya satu budaya hidup yang standard, yakni yang terbaik dari semua untuk diperjuangkan. Sedangkan Islam ada menyediakan itu untuk kita penganutnya.

Tuan-tuan yang berjasa,
Sudah ditentukan oleh Allah S. W.T bahawa kiranya kita ambil sebahagian saja dari Al Quran dun sunnah itu dun menolak sebahagian yang lain, maka akan terhinalah kita. Firman Allah:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ
فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰٓ أَشَدِّ ٱلْعَذَابِ ۗ
وَمَا ٱللَّهُ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Terjemahan: Apakah kamu ambil sebahagian dari isi kitab dun menolak sebahagian yang lain? Tidak ada balasan bagi orang yang melakukan yang demikian itu melainkan hina hidup di dunia. Manakala di akhirat akan dikembalikan pada azab yang maha pedih. Sesungguhnya Allah tidaklalai terhadap apa yang kamu kerjakan

(Al Baqarah : 85)

Selaku hamba-Nya, kita tidak boleh tolak ketentuan ini.

Pilihan kita hanyalah dengan mengambil semua sekali peraturan Allah itu. Kalau tidak, ketahuilah bahawa nyawa dan harga diri kita terlalu murah di sisi Allah. Bila-bila masa saja dunia ini Allah boleh leburkan untuk diganti dengan dunia lain, dengan hamba-hamba yang jauh lebih baik dan lebih taat dari kita. Apakah kita mahu menanggung nasib seperti Firaun dan pengikutnya atau Namrud serta orang-orangnya atau seperti Abu Jahal dengan kuncu-kuncunya? Tentu tidak bukan? Kalau begitu apa salahnya kita cari jalan untuk kembali pada Allah, yakni jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A. W. Untuk itu mari kita kaji kesilapan kita selama ini dan kemudian kita baiki bersama-sama, dengan izin *Allah jua bersama* petunjuk *dan* pimpinan-*Nya.*

Pertama, para pemimpin kurang mendidik iman dan taqwa untuk *diri* dan **rakyat** *jelata. Walhal iman dan taqwa adalah tapak tempat terdirinya lslam pada individu dan negara.*

Iman *yang* saya maksudkan ialah *iman yang membuat seorang hamba sangat takut pada Allah dan azab-Nya dan sangat ingin pada syurga. Ketakutan dan keinginan ini kemudiannya sangat kuat mendorong manusia meninggalkan semua larangan Allah dan kuat pula mendorong untuk melaksanakan segala bentuk amal soleh. Bila hati manusia berada di tahap ini, tiada lain lagilah pilihan-pilihan mereka selain syariat lslam itu.* Dan *bila ini terjadi tuan-tuan akan Iihat negara tuan-tuan aman dan makmur dengan sendirinya, tanpa akta dan undang-undang yang perlu digubal atau dirobah silih berganti. Dan itulah yang Allah mahu dari tuan-tuan. Satu kepimpinan yang boleh membina:*

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahan: ***Negara yang aman makmur lagi mendapat keampunan Allah.***

(As Saba' : 15)

Kalaulah tuan-tuan boleh buat begini, nanti Allah akan tempatkan tuan-tuan di bawah lindungan Arasy di waktu manusia lain sedang terumbang-ambing dalam gelombang mahsyar yang maha dahsyat.

Perkara kedua yang kita cuaikan seIama ini ialah untuk mendalami ilmu pemerintahan dan pentadbiran Islam. Orang yang tidak tahu, tidak bersalah, tetapi tidak mahu mempelajarinya itu adalah berdosa. Sedangkan ilmu lain yang lebih payah pun kita boleh dapat Ph.D. Kenapa tidak dengan ilmu Allah?

Mungkin tuan-tuan mahu beransur-ansur. Tetapi hingga waktu saya menulis ini tiada tanda-tanda pun yang sistem lslam mendapat tempat dalam pemerintahan dan pentadbiran tuan-tuan. Usaha-usaha menerapkan nilai-nilai lslam pun memberi hasil yang malang sekali. Rakyat bukan semakin berakhlak dengan nilai-nilai Islam tetapi lebih teruk dari sebelumnya. Silapnya ialah lslam bukan boleh diambil nilainya saja tetapi semua sekali, lahir batinnya, sosialnya, politiknya, ekonominya, pendidikan dan lain-lain lagi, dengan tapaknya iman dan taqwa.

Perkara ketiga, para alim ulama khususnya ulama-ulama kerajaan kurang tegas dalam menjalankan tanggungjawab mereka, terutama tugas menasihat dan menegur pemerintah agar menjalankan hukum-hukum

lebih ilmu atau lebih berpengaruh dari rakyat biasa. Tetapi iman dan taqwa, akhlak dan ibadah tiada beza dengan rakyat. Sebab itu, bila tuan dapat kuasa, maka itu sajahh kemampuan tuan-tuan. Tidak boleh lebih baik dari itu., Jadi rakyat tidak bolehlah hendak kutuk kerajaan mereka. Mari sama-sama kita baiki diri masing-masing, yakni cari ilmu Al Quran dan sunnah, tambah iman dan taqwa, ikut cara hidup sunnah, serta bergabung tenaga untuk menegakkan fardhu kifayah yakni sembahyang jemaah, pendidikan Islam, ekonomi Islam, budaya hidup Islam dan lain-lain lagi. Kalau kita bersungguh-sungguh dengan Allah dan Rasul yakni Al Quran dan sunnah, dengan sendirinya nanti pemerintah kita itu jadi pemimpin yang bertaqwa untuk umat yang bertaqwa.

Itulah saja yang saya boleh katakan. Untukakhirnya suka saya katakan bahawa kalau benarlah tulisan saya ini, itu datangnya dari Allah, maka terimalah, jangan ragu-ragu. Dan saya doakan agar tuan-tuan diberi petunjuk dan pimpinan oleh Allah agar menjadi pemimpin yang bertaqwa kepada umat yang bertaqwa.

Maaf zahir batin, terima kasih.
Hamba yang dhaif lagi berdosa,

ASHAARI MUHAMMAD.



Ulama wajib menegur kesalahan dan kelalaian umara (pemerintah). Bidang dan peranan mereka jangan disempitkan. Mereka mestilah menjadi anggota barisan hadapan dalam menegakkan Islam pada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

10

Surat Terbuka Untuk Alim Ulama’

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh, السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KE HADAPAN Sohibussamahah Al Fadhil-Al Fadhil para mufti, para kadhi, tuan-tuan guru, para mubaligh, para ustaz (sama ada yang rasmi mahupun tidak rasmi, ada jawatan mahupun tidak ada jawatan, berdegree mahupun yang tiada degree, ada bintang kehormatan mahupun tiada bintang kehormatan, sudah pencen mahupun belum). Dari saya seorang manusia biasa yang serba dhaif lagi berdosa, untuk tuan-tuan yang berbahagia lagi dihormati dengan tujuan untuk ingat-mengingatkan seperti yang difirmankan oleh Allah:

وَٱلْعَصْرِ ۝ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَفِى خُسْرٍ ۝ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ ۝

Terjemahan Demi masa, *sesungguhnya manusia' itu berada dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Dan mereka yang ingat mengingatkan kepada kebenaran. Dan yang ingat-mengingatkan kepada kesabaran.*

(Al 'Asr :1-3)

Firman-Nya lagi:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ ٱلذِّكْرَىٰ تَنفَعُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ۝

Terjemahan: Hendaklah memberi ingat. Sesungguh-nya peringatan itu memberi faedah *kepada orang mukmin.*

(AZ Zariat : 55)

Saya tahu bahawa dalam banyak hal tuan-tuan lebih tahu dari saya. Yang mana layaknya tuan-tuanlah yang mengingatkan saya. Tetapi, mengapa saya mendahului tuan-tuan? Ialah kerana Allah S.W.T telah mentakdirkan saya, selalu menggauli masyarakat. Seluruh Malaysia telah saya jelajahi untuk melihat dari dekat tentang agama mereka. Dan hampir semua negara umat Islam di dunia telah saya tinjau perihal Islam yang ada pada mereka di sana. Alangkah sedih dan kasihannya saya pada mereka, kerana mereka begitu lalai dan jauh meninggalkan agama mereka. Seolah-olah mereka tidak tahu bahawa Allah itu Wujud, Maha Mendengar dan Melihat dan setiap detik mencurahkan rahmat pada mereka. Kebanyakannya langsung tidak peduli pada perintah dan larangan-Nya. Akibat dari itu, mereka telah dihina oleh Allah di dunia sebelum diazab di akhirat.

Kalau tuan-tuan pergi ke Mesir, Maghribi, Pakistan, Tunisia, Turki, Syria, Arab Saudi, Indonesia dan lain-lain negara umat Islam, tuan-tuan akan lihat nanti betapa kehinaan yang sedang mereka tanggung. Dan alangkah kasihannya kita pada mereka. Sebab itulah saya tulis surat ini. Mengharapkan sumbangan tuan-tuan untuk mengembalikan umat ini kepada kebenaran dan keselamatan mereka dunia dan akhirat. Saya tidak nampak ada orang lain selain tuan-tuan yang mampu memikul tugas dan amanah ini. Bukankah tuan-tuan para alim ulamalah yang diamanahkan oleh Allah dan Rasul untuk menyambung tugas Rasulullah dan para sahabat? Iaitu mendidik umat supaya hidup mengikut Al Quran dan sunnah. Bersabda Rasulullah:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ

Terjemahannya: Sesungguhnya ulama itu pewaris para Nabi.

(Riwayat Ahmad)

Tuan-tuan yang mulia,

Perkara-perkara yang terpaksa saya nyatakan di sini, untuk bahan fikiran tuan-tuan demi memulakan tugas penting itu ialah seperti berikut:

Pertama: Ilmu Islam yang tuan-tuan miliki walau apa bidangnya, tertakluk di dalam 4 rubuk penting iaitu ibadah, muamalah, munakahat dan jenayah, bukanlah tujuan utamanya untuk mencari kerja di pejabat, yakni untuk makan gaji semata-mata. Tujuan utama Allah berikan ilmu itu ialah untuk disampaikan pada semua umat manusia. Supaya Islam menjadi amalan hidup mereka, lebih-lebih lagi amalan hidup tuan-tuan sendiri (alim ulama), dan kaum keluarga terutamanya anak dan isteri. Tidak mengapa makan gaji kalau boleh melaksanakan kehendak Allah itu. Tapi kiranya gaji menyekat kita dari tugas tadi, maka utamakan kehendak Allah. Kerana rezeki itu hak Allah dan jangan sampai tuan-tuan meragu-ragukannya. Tapi hari ini para ulama mengutamakan gaji dan jawatan, 'Nak jaga periuk nasi." Hingga tugas sebagai da'i diabaikan. Hingga kerana itu hanyutlah rakyat dan pemerintah dalam gelombang kejahilan yang penuh dengan najis dan mungkar. Tidak mengapa jugalah kalau tuan-tuan, anak, isteri dan kaum keluarga mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar, sekurang-kurangnya bolehlah masyarakat awam yang jahil itu serta para pemerintah mencontohi Islam yang ada pada tuan-tuan itu; tapi malangnya itu pun tidak berlaku.

Oleh kerana sibuk dengan urusan menjaga status, gaji dan pangkat, tuan-tuan membekakangkan tugas-tugas

